

**PROSIDING
SEMINAR PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN
(SPdP 2019)**

***“PENYELIDIKAN MENJANA KUALITI
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN”***

3 APRIL 2019

Di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

EDITOR :

EN. SELVARAJ A/L GRAPRAGASEM

EN. TAN LAY YEN

PN. SITI NOR ROSHASIDAH BT DERAMAN

PN. SAPATOMAH@SABTUYAH BINTI MORSHIDI

PN. AINAH BINTI JULHEE

PN. SELINA BT HJ AHMAD

Dr HUANG CHWEI ING

PISMP AMBILAN JUN 2015

PENDIDIKAN PEMULIHAN

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK, MIRI

**PROSIDING
SEMINAR PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN
(SPdP 2019)**

***“PENYELIDIKAN MENJANA KUALITI
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN”***

©Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Cetakan 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

ISBN 978-967-0162-64-5

Reka Bentuk Kulit : Nur Azrin Syarmila
Diatur Huruf : Mike Jonathan

Dicetak oleh :
Yushan Printing
Lot 1565 Piasau Jaya Industrial Estate
98000 Miri
Sarawak
Malaysia
Tel : 085-652277
Faks : 085-659911

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam
98009 Miri
Sarawak
Malaysia
Tel : 085-421201
Faks : 085-434178

PRAKATA

Seminar Penyelidikan Tindakan Dalam Pendidikan Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (PISMP) Pendidikan Pemulihan Ambilan Jun 2015 seramai 18 orang telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak pada 3 April 2019. Penyelidikan Tindakan ini telah dilaksanakan semasa praktikum fasa dua pada semester dua tahun 2018. Setiap siswa guru Pendidikan Pemulihan telah dibimbing oleh seorang penyelia bagi membantu mereka melaksanakan penyelidikan tindakan setiap siswa guru pelatih dan diharapkan dapat memanfaatkan ilmu dan kemahiran semasa berada di sekolah nanti.

Tema penyelidikan pada kali ini adalah “Penyelidikan Menjana Kualiti Kecemerlangan Pendidikan”. Tema ini bersesuaian dengan peredaran zaman pendidikan masa kini di mana guru-guru sekolah perlu menjalankan satu kajian bagi memenuhi kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga menjadi bahan bukti untuk kenaikan gred mereka. Bagi siswa guru Pengkhususan Pendidikan Pemulihan, mereka perlu melaksanakan sebuah penyelidikan sebagai salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian sebelum menamatkan pendidikan di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Penerbitan prosiding ini juga merupakan satu wadah untuk berkongsi ilmu pengetahuan yang telah diperolehi hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan kepada penyelidik-penyelidik lain dalam bidang sama. Prosiding ini juga akan menjadi sumber rujukan kepada penyelidik masa hadapan sama ada yang ingin menyambung penyelidikan yang sama mahupun menjadi rujukan dalam menjalankan penyelidikan yang akan dilaksanakan.

SELVARAJ A/L GAPRAGASEM

KETUA JABATAN

JABATAN ILMU PENDIDIKAN

IPG KAMPUS SARAWAK, MIRI

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PRAKATA	i
KANDUNGAN	ii-iv
PERMAINAN TEKA SILANG KATA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA SUKU KATA KV+KVK BAGI MURID PEMULIHAN TAHAP 1	1-12
<i>Alice Tarina Nasau & Sapatomah@Sabtuyah Bt. Morshidi</i>	
PERLAKSANAAN TERAPI FISIO MOTOR HALUS UNTUK MENINGKATKAN KEKEMASAN TULISAN MURID	13-24
<i>Cassidy Affrendie Balawan & Selvaraj A/L Gapragasem</i>	
PENGGUNAAN KAEDAH PERMAINAN “JAMBATAN KATA” DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVKK MURID PEMULIHAN TAHUN 3	25-35
<i>Connelia Olivia Anak Chali & Selvaraj A/L Gapragasem</i>	
MENINGKATKAN KEFAHAMAN OPERASI TOLAK DENGAN MENGUMPUL SEMULA MENGGUNAKAN “GA.NI.PI.” DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHUN 3	36-48
<i>Fatin Hazimah Binti Effindi & Tan Lay Yen</i>	
KAEDAH CARTA NILAI TEMPAT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN OPERASI TAMBAH DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2	49-58
<i>Herlinda Jerry & Sapatomah@Sabtuyah Bt. Morshidi</i>	

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENAMBAH MELIBATKAN PENGUMPULAN SEMULA MURID PEMULIHAN MELALUI KAEDAH KOTAK TAMBAH	59-68
<i>Jasmin Aben & Sapatomah@Sabtuyah Bt. Morshidi</i>	
PENGAPLIKASIAN KAEDAH GABUNGAN BUNYI-KATA MENGGUNAKAN KAD PERKATAAN UNTUK MEMBANTU KEMAHIRAN AWAL MEMBACA MURID PEMULIHAN TAHUN 2	69-80
<i>Juliana James & Siti Roshasidah Bt. Deraman</i>	
PENGGUNAAN PAPAN WARNA BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN OPERASI TOLAK DALAM LINGKUNGAN 50 UNTUK MURID PEMULIHAN TAHAP 1	81-92
<i>Lawrence Markus & Siti Nor Roshasidah Bt. Deraman</i>	
PENGGUNAAN DOH DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGENAL DAN MENGECEM HURUF	93-102
<i>Leslie Vander Anak Beyar & Siti Nor Roshasidah Bt. Deraman</i>	
PENGGUNAAN RUMUS “PPH” DALAM PEMBINAAN AYAT MUDAH BAGI MURID PEMULIHAN TAHAP 1	103-113
<i>Mike Jonathan Anak John & Ainah Binti Julhee</i>	
PENGGUNAAN TEKNIK ‘CANTUM DAN SEBUT’ MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN MENGANDUNGI DIGRAF DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2	114-125
<i>Mohd Asyraf Bin Kamri & Ainah Binti Julhee</i>	

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGGUNAAN TEKNIK NYANYIAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVK BAGI MURID PEMULIHAN TAHUN TIGA	126-136
<i>Muhammad Husaini Bin Zakari & Selina Binti Hj. Ahmad</i>	
PENGIMPLEMENTASIAN SLAID ANIMASI BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN OPERASI ASAS TOLAK DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHAP 1	137-143
<i>Nur Azrin Syarmila Abdul Mudtalib & Dr Huang Chwei Ing</i>	
MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN OPERASI TAMBAH LINGKUNGAN 10 MURID PEMULIHAN TAHAP 1 DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK NYANYIAN	144-153
<i>Patrick Joing Anak Sumping & Dr Huang Chwei Ing</i>	
PENGAPLIKASIAN KAEDAH LATIH TUBI 'D.E.S' DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KV DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN	154-166
<i>Pauline Esther Philip & Tan Lay Yen</i>	
APLIKASI TSST DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PRABACAAN DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2	167-175
<i>Sylvester Joe Anak Boniface Abun & Dr Huang Chwei Ing</i>	

PERMAINAN “CARI DAN CANTUM” (CdC) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA SUKU KATA KV+KVK BAGI MURID PEMULIHAN TAHAP 1

ALICE TARINA NASAU¹
SAPATOMAH@SABTUYAH BINTI MORSHIDI²

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca suku kata KV+KVK dalam kalangan murid pemulihan Tahap 1 dengan menggunakan Permainan “Cari dan Cantum” (CdC) di salah sebuah sekolah di Miri. Kajian tindakan ini menggunakan Model Kajian Kurt Lewin (1946) dan melibatkan 2 orang peserta kajian yang belum menguasai kemahiran mengeja dan membaca suku kata KV+KVK. Kajian ini telah dijalankan dalam 2 kitaran kerana dalam Kitaran 1 kedua-dua peserta kajian belum menunjukkan penguasaan dalam kemahiran mengeja dan membaca. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, ujian lisan dan temu bual. Dapatan kajian tindakan menunjukkan permainan CdC telah dapat membantu meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca suku kata KV+KVK bagi kedua-dua peserta kajian. Oleh hal yang demikian, kajian tindakan ini boleh digunakan untuk membantu guru-guru Pendidikan Pemulihan untuk membantu murid-murid pemulihan yang mengalami masalah mengeja dan membaca perkataan KV+KVK. Selain itu, permainan CdC ini juga boleh dilakukan secara berpasangan, berkumpulan dan secara individu. Akhir sekali, kajian ini juga boleh digunakan oleh guru matapelajaran Bahasa Melayu dan English dalam aktiviti pengajaran.

Kata kunci : bermain, cari dan cantum, kemahiran mengeja dan membaca, murid pemulihan khas, model kurt lewin.

ABSTRACT

This action research was carried out to enhance the spelling and reading skills involving KV+KVK words among level one remedial students using “Search and Combine” (SaC) in one of the school in Miri. The action research was carried out based on Kurt Lewin Model (1946) and involves two respondents. This action was conducted in 2 cycles because in cycle 1 the two respondents have not demonstrated proficiency in spelling and reading skills. The data were collected using observation methods, oral tests and interview methods. The research finding showed that the SaC has helped to enhance the spelling and reading skills involving KV+KVK words among the two respondent of the research. This action research can be used to assist Remedial Education teachers to help remedial students who have trouble in spelling and reading the KV+KVK words. This games can also be done in pairs, groups and individuals. Finally, this action research can also be used by Malay Language teachers dan English language in teaching activities.

Key words : play, search and combine, spelling and reading skill, remedial pupils, Kurt Lewin Model.

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pendidikan Pemulihan (PPP) semenjak 1960an bagi membantu murid-murid sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu masalah menguasai kemahiran asas Membaca, Menulis dan Mengira (3M). Dalam PPP, terdapat 32 Kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid pemulihan. Setiap kemahiran perlu dikuasai oleh setiap murid untuk memudahkan guru pemulihan meneruskan pengajaran kepada aras kemahiran yang lebih tinggi. Dalam kajian ini,

masalah yang dihadapi oleh murid pemulihan adalah Kemahiran 11 iaitu membaca suku kata KV+KVK.

Berdasarkan pengalaman pengkaji setelah menjalankan praktikum, terdapat banyak masalah yang murid hadapi dalam penguasaan kemahiran membaca. Masalah yang murid hadapi adalah murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK dengan betul. Ini berlaku dalam kalangan murid pemulihan Tahap 1 dimana ada beberapa murid yang masih belum dapat membatangkan perkataan dua suku kata KV+KVK dengan betul.

Pengkaji mendapati murid dapat membaca suku kata KV dengan betul tetapi mereka tidak dapat menggabungkan dua suku kata KV+KVK dengan betul. Hal ini meyakinkan pengkaji bahawa murid-murid di sekolah ini masih belum menguasai kemahiran membaca suku kata KV+KVK secara lancar dan betul.

Pengkaji telah menggunakan hasil kerja murid sebagai data awal untuk menjelaskan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian. Oleh itu, berdasarkan pengalaman praktikum pada semester lepas, pengkaji dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh murid melalui hasil kerja murid.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji berharap agar penggunaan permainan CdC boleh membantu murid-murid pemulihan dapat menguasai kemahiran mengeja dan membaca. Guru-guru juga boleh menggunakan kaedah permainan ini untuk melakukan aktiviti kemahiran mengeja dan membaca bagi suku kata yang lain.

FOKUS KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan untuk meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca perkataan KV+KVK murid pemulihan dengan menggunakan permainan “Cari dan Cantum” (CdC). Jabatan Pendidikan Khas (JPK), KPM (2011), menyatakan bahawa ejaan adalah proses memilih serta mengadunkan lambang-lambang untuk melahirkan perkataan secara lisan dan bertulis. Lim (2014), menyatakan bahawa membaca aktiviti bersifat aktif kerana melibatkan bahan yang kemudiannya dicernakan dalam fikiran untuk memperoleh sesuatu faedah dan kebaikan, sedikit atau banyak kebaikan itu bergantung kenapa tujuan kita membaca dan bentuk bahan yang dibaca. JPK, KPM (2008), menyatakan bahawa murid pemulihan khas adalah murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M yang disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukan kognitif. Kajian Faridah (2008), mengenai Keberkesanan Belajar Melalui Bermain Di Beberapa Buah Sekolah Di Sabah menjelaskan tahap pelaksanaan dan keberkesanan dalam pendekatan belajar melalui bermain adalah pada tahap tinggi dimana hubungan yang kukuh antara pelaksanaan dengan keberkesannya. Berdasarkan artikel bertajuk Belajar Sambil Bermain oleh Linah binti Summase (2009), objektif kajian beliau adalah menarik minat murid untuk seronok belajar disamping memperbaiki kelemahan mereka dalam bacaan, ejaan dan tulisan, memberi peluang kepada murid-murid melakukan sesuatu aktiviti secara berpura-pura dalam keadaan terkawal dan yakin dengan apa yang mereka lakukan dan memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam suasana bebas dan selamat, mengembirakan dan bermakna. Dalam kajian beliau wujud kaedah permainan mencantumkan kad suku kata dimana guru boleh membuat analisis pencapaian perkembangan murid dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pemudah caraan (PdPc). Oleh itu, untuk mengatasi masalah murid-

murid Pendidikan Pemulihan ini, pengkaji telah menjalankan kajian dalam meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca bagi murid pemulihan tahap 1 iaitu melalui aktiviti permainan CdC.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian adalah :

1. Untuk meningkatkan kemahiran mengeja suku kata KV+KVK murid pemulihan Tahap 1 berdasarkan permainan CdC.
2. Untuk meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KVK murid-murid pemulihan Tahap 1 dengan menggunakan permainan CdC.

Soalan kajian adalah:

1. Adakah penggunaan permainan CdC dapat meningkatkan kemahiran mengeja suku kata KV+KVK murid pemulihan Tahap 1?
2. Adakah penggunaan permainan CdC dapat meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KVK murid pemulihan Tahap 1?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan 2 orang peserta kajian dari kelas Pemulihan Tahap 1, Tahun 3 di sebuah sekolah rendah di kawasan Miri. Peserta kajian merupakan 1 murid lelaki yang mempunyai semangat yang tinggi dan 1 murid perempuan yang suka bertanya. Peserta kajian 1 (P1) adalah murid kaum Melayu dan peserta kajian 2 (P2) adalah murid kaum Iban.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelaksanaan aktiviti kajian telah dijalankan seperti dalam Jadual 1 dibawah.

Jadual 1

Langkah-langkah Aktiviti

Bahan-bahan	<ul style="list-style-type: none"> ✚ <i>Laminate Film</i> ✚ Kad-kad gambar “Cari dan Cantum” ✚ Kad-kad suku kata KV+KVK ✚ Kertas A4 ✚ Sticker sebagai Token ✚ Jadual Pemberian Sistem Token Peserta Kajian. ✚ Buku tulis ✚ Hadiah ganjaran
Bentuk permainan	<ul style="list-style-type: none"> ✚ Secara individu ✚ Secara berpasangan
Langkah Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengkaji menunjukkan beberapa gambar permainan CdC kepada peserta kajian. 2. Pengkaji telah bersoal jawab dengan peserta kajian mengenai nama objek yang terdapat pada gambar yang ditunjukkan. 3. Pengkaji telah meminta peserta kajian untuk menamakan objek yang terdapat dalam gambar.

	<ol style="list-style-type: none">4. Pengkaji menyuruh peserta kajian menyebut perkataan yang terdapat pada gambar secara satu persatu.5. Pengkaji meminta peserta kajian mengeja perkataan KV+KVK berdasarkan gambar yang ditunjukkan.6. Jika peserta kajian tidak tahu nama objek yang terdapat dalam gambar, maka pengkaji menyebut dan diikuti oleh peserta kajian.7. Selepas itu, pengkaji telah meminta peserta kajian untuk duduk secara berdekatan dan memberi arahan kepada peserta kajian untuk melakukan permainan secara berpasangan.8. Pengkaji meletakkan kad-kad CdC secara berselerak di hadapan peserta kajian.9. Pengkaji telah menyediakan kad suku kata pada salah satu ruang pada tapak permainan.10. Pengkaji memberikan arahan kepada peserta kajian untuk memilih satu kad suku kata.11. Pengkaji telah menyuruh peserta kajian mengeja dan membunyikan suku kata KV dan mencarinya untuk dilekatkan pada petak kosong dalam gambar.12. Kemudian pengkaji telah meminta peserta kajian mengeja suku kata KVK untuk melengkapkan perkataan KV+KVK pada gambar.13. Aktiviti ini telah dilakukan secara bergilir-gilir.14. Pengkaji telah menyuruh peserta kajian mencantumkan kad suku kata pada pada tapak permainan.15. Peserta kajian telah mengisi kad suku kata pada ruang yang kosong pada tapak permainan untuk melengkapkan perkataan suku kata KV+KVK.16. Setelah siap dipadankan peserta kajian telah diminta untuk mengeja dan membaca suku kata KV+KVK yang telah dibentuk pada tapak permainan.17. Peserta kajian yang dapat mengeja dan membaca perkataan suku kata dengan betul telah diberikan sticker pada Jadual Pemberian Sistem Token Peserta Kajian.18. Kemudian peserta kajian telah diminta untuk menulis perkataan suku kata KV+KVK ke dalam buku latihan yang telah disediakan oleh pengkaji.19. Akhir sekali, peserta kajian telah diminta untuk mengeja dan membaca perkataan suku kata yang ditulis dalam buku latihan secara individu.20. Aktiviti ini diulang bagi permainan secara individu sehingga peserta kajian sudah dapat mengeja dan membaca dengan betul.
--	--

Data dikumpul untuk menganalisis kesan penggunaan permainan CdC dalam kajian. Kaedah untuk mengumpul data pula adalah melalui kaedah pemerhatian, ujian lisan dan temu bual.

1. Kaedah Pemerhatian

Pengkaji telah menyediakan senarai semak sebelum pemerhatian dilakukan kerana pemerhatian dirujuk berdasarkan senarai semak. Pengkaji telah memerhati kedua-dua peserta kajian semasa aktiviti permainan CdC sedang berlangsung. Pengkaji telah menanda (/) dan (x) pada aspek-aspek yang diperhati. Berdasarkan bilangan tanda-tanda (/), pengkaji dapat menyimpulkan kesan permainan CdC ini kepada keberkesanan kajian.

2. Kaedah Ujian Lisan

Pengkaji telah menjalankan ujian secara lisan kepada peserta kajian untuk mengenal pasti sejauh mana peserta kajian sudah dapat mengeja dan membaca suku kata KV+KVK. Pengkaji telah menggunakan senarai semak ujian lisan bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam kemahiran mengeja dan membaca. Pengkaji telah menyediakan bahan-bahan ejaan dan bacaan yang perlu diuji kepada peserta kajian. Pengkaji telah menggunakan 10 perkataan untuk dieja dan dibaca oleh peserta kajian. Ujian lisan ini telah diadakan 2 kali dimana perkataan KV+KVK yang telah digunakan adalah berbeza. Cara pengiraan markah bagi ujian lisan ini adalah seperti berikut.

$$\frac{\text{bilangan jawapan yang betul}}{\text{bilangan soalan}} \times 100\%$$

3. Temu Bual

Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian ini untuk mengetahui kesannya kepada peserta kajian. Temu bual ini telah dijalankan selepas pelaksanaan permainan CdC dijalankan oleh peserta kajian. Temu bual telah dilakukan antara pengkaji dengan kedua-dua peserta kajian. Sebelum memulakan temu bual pengkaji memberikan penjelasan tentang soalan-soalan yang ditanya. Peserta kajian hanya perlu menjawab ya dan tidak sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Pemerhatian

Jadual 2

Dapatan Pemerhatian Kitaran 1


Bil.	Kemahiran Mengeja			Kemahiran Membaca		
	Perkara	Peserta Kajian		Perkara	Peserta Kajian	
		1	2		1	2
1.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KV.	/	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KV.	/	/
2.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KVK.	x	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KVK.	x	/
3.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KV+KVK.	x	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KV+KVK.	x	x

4.	Peserta kajian dapat mengeja 5 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	x	Peserta kajian dapat membaca 5 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	x
5.	Peserta kajian dapat mengeja 10 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	x	Peserta kajian dapat membaca 10 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	x
JUMLAH SKOR (1 SOALAN=20%)		20	60	JUMLAH SKOR (1 SOALAN=20%)	20	40

Jadual 3

Dapatan Pemerhatian Kitaran 2

Bil.	Kemahiran Mengeja		Kemahiran Membaca			
	Perkara	Peserta Kajian		Perkara	Peserta Kajian	
		1	2		1	2
1.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KV.	/	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KV.	/	/
2.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KVK.	/	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KVK.	/	/
3.	Peserta kajian dapat mengeja suku kata KV+KVK.	/	/	Peserta kajian dapat membaca suku kata KV+KVK.	/	/
4.	Peserta kajian dapat mengeja 5 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	/	/	Peserta kajian dapat membaca 5 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	/	/
5.	Peserta kajian dapat mengeja 10 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	/	Peserta kajian dapat membaca 10 perkataan KV+KVK semasa permainan CdC.	x	/
JUMLAH SKOR (1 SOALAN=20%)		80	100	JUMLAH SKOR (1 SOALAN=20%)	80	100



Rajah 1. Rajah Perbandingan Dapatan Pemerhatian

Rajah 1 menunjukkan perbandingan dapatan pemerhatian untuk kemahiran mengeja dan membaca bagi kedua-dua peserta kajian untuk kitaran 1 dan kitaran 2.

Pada kitaran 1, P1 mendapat 20% bagi kemahiran mengeja manakala bagi P2 pula sebanyak 60%. Tetapi pada kitaran 2, P1 telah mendapat 80% dan P2 mendapat 100% bagi kemahiran mengeja.

Bagi kemahiran membaca pula, pada kitaran 1, P1 hanya mendapat 20% dan P2 sebanyak 40%. Selepas kitaran 2 dilaksanakan, P1 telah mendapat 80% dan P2 sebanyak 100% bagi kemahiran membaca. Dapat dilihat adanya peningkatan daripada kedua-dua peserta kajian dalam kitaran 2.


Dapatan Ujian Lisan

Jadual 4

Dapatan Ujian Lisan Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil.	Perkataan	Kitaran 1				Kitaran 2					
		Kemahiran Mengeja		Kemahiran Membaca		Bil.	Perkataan	Kemahiran Mengeja		Kemahiran Membaca	
		Peserta Kajian						Peserta Kajian			
		1	2	1	2			1	2	1	2
1.	Katak	/	/	/	/	1.	Kotak	/	/	/	/
2.	Telur					2.	Nenek	/	/	/	/
3.	Kobis					3.	Tikus	/	/	/	/
4.	Rumah	/	/	/	/	4.	Ketam	/	/	/	/
5.	Gajah		/		/	5.	Galah	/	/		/
6.	Bakul	/	/	/	/	6.	Kakak	/	/	/	/
7.	Tukul		/			7.	Nanas	/	/		/
8.	Kapak	/	/		/	8.	Kasut	/	/	/	/

9.	Gitar					9.	Tayar	/	/	/	/
10.	Pokok	/	/	/	/	10.	Semut	/	/	/	/
Jumlah Betul		5	7	4	6	Jumlah Betul		10	10	8	10



Rajah 2. Rajah Perbandingan Markah Ujian Lisan

Rajah 2 menunjukkan perbandingan markah ujian lisan untuk kemahiran mengeja dan membaca bagi kedua-dua peserta kajian dalam kitaran 1 dan kitaran 2.

Kitaran 1 untuk kemahiran mengeja, P1 mendapat 50% dan P2 70%. Pada kitaran 2 pula, P1 telah meningkat dengan mengumpul skor sebanyak 100% dan P2 juga telah mencapai skor 100%.

Manakala peratusan ujian lisan kemahiran membaca untuk kitaran 1 bagi P1 menunjukkan peratusan sebanyak 40% dan P2 sebanyak 60%. Tetapi pada kitaran 2, kedua-dua peserta kajian telah dapat membuat peningkatan dimana P1 sebanyak 80% dan P2 100%. Ini menunjukkan peratusan peningkatan markah ujian lisan bagi kedua-dua peserta kajian bagi kemahiran mengeja dan membaca.

Dapatan Temu Bual

Jadual 5

Dapatan Temu Bual Kitaran 1

Bil.	Perkara	Kemahiran Mengeja		Kemahiran Membaca		
		Peserta Kajian		Perkara	Peserta Kajian	
		1	2		1	2
1.	Adakah kamu dapat mengeja satu suku kata berdasarkan permainan “Cari Dan Cantum”?	Tidak	Ya	Semasa permainan “Cari Dan Cantum” dilakukan, adakah kamu dapat membaca perkataan-	Tidak	Tidak


				perkataan KV+KVK yang dibentuk?		
2.	Selepas menggunakan permainan “Cari Dan Cantum”, adakah kamu dapat mengeja suku kata KV+KVK?	Tidak	Tidak	Adakah penggunaan gambar membantu kamu dapat membaca perkataan KV+KVK berdasarkan gambar?	Ya	Ya
3.	Adakah permainan “Cari Dan Cantum” ini dapat membantu kamu dalam mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Adakah perkataan-perkataan yang diberi ini mudah untuk kamu membacanya?	Tidak	Tidak
4.	Adakah permainan “Cari Dan Cantum” ini menarik minat kamu untuk mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Adakah kamu tertarik untuk membaca perkataan-perkataan berdasarkan gambar?	Tidak	Tidak
5.	Adakah penggunaan gambar-gambar dapat membantu kamu untuk mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Selepas menggunakan permainan “Cari Dan Cantum”, adakah kamu dapat membaca suku kata KV+KVK?	Tidak	Tidak
PEMARKAHAN : YA (20%) TIDAK (0%)		60	80	PEMARKAHAN : YA (20%) TIDAK (0%)	20	20

Jadual 6

Dapatan Temu Bual Kitaran 2

Kemahiran Mengeja				Kemahiran Membaca		
Bil.	Perkara	Peserta Kajian		Perkara	Peserta Kajian	
		1	2		1	2
1.	Adakah kamu dapat mengeja satu suku kata berdasarkan permainan “Cari Dan Cantum”?	Ya	Ya	Semasa permainan “Cari Dan Cantum” dilakukan, adakah kamu dapat membaca perkataan-perkataan KV+KVK yang dibentuk?	Ya	Ya
2.	Selepas menggunakan permainan “Cari Dan Cantum”, adakah kamu dapat mengeja suku kata KV+KVK?	Ya	Ya	Adakah penggunaan gambar membantu kamu dapat membaca perkataan KV+KVK berdasarkan gambar?	Ya	Ya
3.	Adakah permainan “Cari Dan Cantum” ini dapat membantu kamu dalam mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Adakah perkataan-perkataan yang diberi ini mudah untuk kamu membacanya?	Tidak	Ya
4.	Adakah permainan “Cari Dan Cantum” ini menarik minat kamu untuk mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Adakah kamu tertarik untuk membaca perkataan-perkataan berdasarkan gambar?	Ya	Ya

5.	Adakah penggunaan gambar-gambar dapat membantu kamu untuk mengeja perkataan KV+KVK?	Ya	Ya	Selepas menggunakan permainan “Cari Dan Cantum”, adakah kamu dapat membaca suku kata KV+KVK?	Ya	Ya
PEMARKAHAN : YA (20%) TIDAK (0%)		100	100	PEMARKAHAN : YA (20%) TIDAK (0%)	80	100



Rajah 3. Perbandingan Dapatan Temu Bual

Rajah 3 menunjukkan perbandingan dapatan temu bual bersama peserta kajian untuk kitaran 1 dan kitaran 2.

Kitaran 1 untuk kemahiran mengeja menunjukkan P1 membuat skor sebanyak 60% dan P2 pula sebanyak 80%. Namun dalam kitaran 2, P1 telah mencapai skor sebanyak 100% dan P2 juga turut mencapai skor sebanyak 100%.

Manakala bagi kemahiran membaca pula, keputusan temu bual menunjukkan P1 telah mencapai 20% dalam kitaran 1 dan P2 juga sebanyak 20%. Tetapi pada kitaran 2, P1 telah mencapai skor sebanyak 80% dan P2 mencapai 100%.

REFLEKSI

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati penggunaan bahan bantu mengajar permainan CdC boleh membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KVK murid Pemulihan Tahap 1. Hal ini kerana, dapatan yang ditunjukkan telah menunjukkan peningkatan dari sebelum dan selepas kajian dijalankan. Jika dilihat dari awal kajian semasa dijalankan, pengkaji dapati P1 dan P2 masih lemah dalam mengeja dan membaca suku kata KV+KVK. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan 2 kitaran untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan permainan CdC dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KVK murid pemulihan.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapati bahawa penggunaan bahan bantu mengajar seperti penggunaan gambar dan kad suku kata telah membantu pengkaji untuk menarik minat peserta kajian untuk mengikuti kajian ini dan seterusnya membantu meningkatkan penguasaan peserta kajian dalam membaca suku kata KV+KVK. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa aktiviti dijalankan dimana kedua-dua peserta kajian begitu fokus menyelesaikan permainan CdC. Pengkaji dapat melihat bahawa kedua-dua peserta kajian kadang-kadang bersaing untuk siap awal tetapi pengkaji juga membimbing mereka sekiranya mereka membuat kesilapan memadankan suku kata.

Walaupun bagaimanapun, sepanjang kajian ini dilaksanakan terdapat juga kekurangan dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji. Antaranya, penggunaan bahan bantu mengajar. Contohnya, semasa kajian dilaksanakan pengkaji menghadapi kekurangan bahan pelekat untuk dibahagikan kepada peserta kajian. Oleh itu, pengkaji terpaksa memberi arahan kepada peserta kajian untuk menggunakan bahan pelekat secara berjimat. Situasi ini agak mengganggu pelaksanaan kajian kerana kurangnya penyediaan bahan pelekat oleh pengkaji. Walaupun bagaimanapun, kajian telah dapat dijalankan dengan sempurna kerana kedua-dua peserta kajian dapat memberikan kerjasama kepada pengkaji.

Kesimpulannya, hasil daripada analisis dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini telah dapat dicapai. Selain itu, persoalan yang wujud pula telah terjawab melalui hasil keputusan setiap kaedah yang menunjukkan peningkatan dari kitaran 1 ke kitaran 2. Oleh itu, terbukti bahawa penggunaan permainan CdC ini telah dapat membantu meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca suku kata KV+KVK murid Pemulihan Tahap 1.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pengkaji bercadang untuk memperluaskan kaedah permainan CdC ini dalam membantu meningkatkan tingkahlaku positif dalam kalangan murid Pemulihan Tahap 1. Contohnya, kaedah permainan CdC boleh digunakan dalam meningkatkan kerjasama murid-murid yang pelbagai kemahiran. Hal ini kerana, kaedah permainan CdC ini memerlukan pemain-pemainnya bekerjasama untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan. Oleh itu, permainan CdC ini mampu meningkatkan tingkahlaku positif dalam diri murid-murid sekolah rendah.

Seterusnya, cadangan yang kedua adalah penggunaan permainan CdC ini boleh digunakan dalam Matapelajaran Matematik. Contohnya, para pendidik boleh menggunakan permainan CdC untuk memperkenalkan tajuk pra nombor seperti aktiviti memadankan angka-angka dengan bilangan objek untuk murid-murid Pemulihan Tahap 1. Pengkaji yakin apabila aktiviti memadankan angka dengan bilangan objek ini dilakukan sudah pasti murid-murid akan seronok untuk melakukan aktiviti. Ini juga merupakan antara pengalaman pengkaji selama berpraktikum selama 6 bulan. Jadi, permainan CdC ini boleh merangsang minda murid-murid untuk mencari jawapan yang sesuai dengan soalan-soalan yang dibina.

Ketiga, permainan CdC ini juga boleh digunakan untuk suku kata lain. Hal ini kerana, kajian ini telah memberi fokus pada suku kata KV+KVK. Jadi permainan CdC ini juga boleh dilakukan untuk suku kata KV+KV, KV+KV+KV dan VKV.

Penggunaan suku kata yang lain amat sesuai digunakan untuk mengisi permainan ini. Lagi pula, permainan pemadanan CdC amat sesuai dilakukan untuk suku kata seperti KV+KV, KV+KV+KV. Oleh itu, pengkaji ingin memperluaskan kaedah permainan ini dengan menggunakan suku kata yang lain.

Keempat, permainan CdC ini boleh meningkatkan kemahiran berfikir murid-murid. Sebagai contoh, guru-guru persatuan Bahasa Melayu boleh menggunakan permainan CdC ini untuk aktiviti-aktiviti kelab di waktu perjumpaan kokurikulum. Guru-guru kelab boleh membina soalan-soalan untuk permainan CdC ini dan diberikan kepada murid-murid sewaktu perjumpaan kelab diadakan. Aktiviti juga boleh dilakukan secara berkumpulan untuk menggalakkan murid-murid berbincang sesama mereka bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid.

Kesimpulannya, penggunaan permainan CdC dalam kajian ini telah terbukti dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata KV+KVK murid pemulihan tahap 1. Hal ini kerana, permainan CdC ini bersifat mudah mesra pengguna bagi membolehkan pengguna menggunakannya dengan lancar dan berkesan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2011). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elizabeth Yii. (2012). Teknik Latih Tubi Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Membaca Perkataan KV+KVK. Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Faridah Bt. Tombol. (2008). *Keberkesanan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Di Beberapa Buah Prasekolah Annex Sabah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Linah binti Summase. (2009). *Belajar Sambil Bermain*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Mohamad Daud Hamzah. (1196). *Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Mok Soon Sang. (2014). *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Rodiah Watti. (2015). *Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KV+KV Murid Tahun 1 Menggunakan Teknik Permainan "Padan Cantik"*. Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ramlah Bt. Jantan. (2013). *Faedah Bermain Dalam Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah (4-6 Tahun)*. Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tan Wee Hoe. (2016). *Gamifikasi Dalam Pendidikan: Pembelajaran Berasaskan Permainan*. Tanjong Malim Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yusop, B. H. M., & Walter Alvin, J. (2010). *Disgrafia dan Cara Membantu: Kajian Kes ke atas Murid Program Integrasi Pendidikan Khas*. Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG BL (4): 1-22

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri Sarawak.
¹eliztareenanasau@gmail.com, ² sabmorcd@yahoo.com

PERLAKSANAAN TERAPI FISIO MOTOR HALUS UNTUK MENINGKATKAN KEKEMASAN TULISAN MURID

**CASSIDY AFFRENDIE BALAWAN¹
ENCIK SELVARAJ A/L GRAPRAGASEM²**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji sejauh mana pelaksanaan aktiviti-aktiviti terapi fisio yang berfokuskan kepada motor halus murid didalam kelas supaya mampu untuk membantu meningkatkan kekemasan tulisan murid-murid pemulihan. Kajian ini melibatkan 5 orang murid yang mempunyai masalah tulisan tidak kemas. Kajian ini juga, memfokuskan usaha untuk meningkatkan kekemasan tulisan murid-murid. Selain itu, kajian ini menggunakan model Kemmis & McTaggart (1988). Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Boleh dinyatakan bahawa murid-murid seronok semasa mengikuti aktiviti-aktiviti terapi fisio yang telah dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan semasa pelaksanaan kajian.

Kata kunci: pendidikan pemulihan, terapi fisio, motor halus, masalah penulisan,

Aktiviti terapi

ABSTRACT

The study had been done to find out how far the physiotherapy activities of which focus to fine motor of pupils in the class so that it can improve the tidyness and neat handwriting of the pupils in remedial class. This study involves 5 pupils that have problems with poor handwriting. It focus akso on how to improve the pupils handwriting. In this study model Kemmis & McTaggart (1988) is used. Data was collected through observation, interview, and document analysis. Pupils are very interested and enjoyed the physiotherapy activities during the teaching.

Key words: remedial education, physiotherapy, fine motor, writing problems, therapy actitivity

Pengenalan

Terapi fisio adalah satu cara yang dapat membantu mengembalikan keupayaan fizikal kanak-kanak ke tahap fizikal yang mampu dicapai. Terapi fisio dapat membantu kanak-kanak untuk mengembangkan kemampuan motor kasar meliputi otot-otot besar

dan motor halus untuk pelbagai fungsi supaya mereka dapat menguruskan diri tanpa bergantung dengan orang lain dalam kehidupan seharian.

Seterusnya adalah berkaitan masalah tulisan murid iaitu tulisan murid-murid tidak kemas, ini adalah masalah yang banyak dihadapi oleh murid-murid terutamanya murid pemulihan. Masalah ini amat perlu untuk kita atasi bagi mengelakkan kesukaran guru memahami tulisan murid.

Oleh yang demikian, saya ingin membuat kajian tentang sejauh mana keberkesanan terapi fisio yang berfokuskan motor halus mampu untuk meningkatkan kemahiran motor halus tangan murid.

Refleksi dan Pengalaman Pembelajaran dan Pemudahcaraan

Berdasarkan pengalaman praktikum yang lepas, terdapat 5 orang murid pemulihan mengalami masalah tulisan tidak kemas dan sukar dibaca. Saya telah membuat pemerhatian ke atas murid-murid pemulihan (MMP) dan mendapati MMP tidak suka menulis apabila saya memberikan lembaran kerja. Mereka juga tidak memberi perhatian semasa menulis dan mungkin menjadi salah satu sebab menyebabkan tulisan mereka tidak kemas

Selain itu, MMP juga mempunyai masalah dengan motor halus tangan mereka menyebabkan tulisan tidak kemas serta tidak dapat dibaca. Saya telah menemu bual guru pemulihan sekolah tersebut. Dari maklumat yang guru tersebut kongsi murid-murid tersebut memang telah mengalami masalah penulisan sejak dari tahun satu lagi. Dari aspek fizikal murid-murid tersebut normal tetapi mengalami masalah motor halus tangan mungkin kerana mereka tidak pernah dilatih memegang pensel semasa kecil.

Oleh sebab itu, saya mencuba untuk membantu murid-murid ini dengan melaksanakan aktiviti terapi fisio motor halus di dalam kelas pemulihan.

Pengumpulan Data Awal

Pemerhatian

Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian sebagai kaedah untuk mengumpulkan data sebelum memulakan kajian. Dalam fasa pemerhatian ini saya telah membuat pemerhatian tentang cara murid memegang pensel, kedudukan badan murid ketika menulis, dan hasil tulisan murid.

Analisis Dokumen

Saya telah menganalisis dokumen melalui hasil kerja murid dalam lembaran kerja. Selain untuk mengukur tahap penguasaan murid, melalui lembaran kerja tersebut juga saya dapat melihat hasil tulisan murid-murid. Melalui pemerhatian terhadap tulisan murid, saya telah mendapati bahawa beberapa orang murid yang memang mempunyai masalah penulisan.

Temu Bual

Saya telah menemubual guru pemulihan di sekolah tempat saya menjalankan praktikum mengenai murid-murid tersebut. Hasil temu bual mendapati bahawa murid-murid ini memang menghadapi masalah ini sejak dari awal persekolahan. Guru pemulihan tersebut juga menyatakan bahawa ada murid yang hanya mula belajar menulis ketika masuk ke darjah satu dan kemungkinan motor halus tangannya masih kaku untuk menulis kerana tidak dilatih memegang pensel sejak dari awal lagi.

Fokus Kajian

Saya telah menjalankan kajian tindakan mengenai pelaksanaan aktiviti terapi fisio motor halus untuk meningkatkan kekemasan tulisan murid. Kajian ini tertumpu kepada murid-murid yang mempunyai masalah dengan motor halus tangan semasa menulis. Pelaksanaan aktiviti terapi fisio motor halus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran motor halus tangan murid.

Semasa praktikum, saya mendapati masalah ini banyak dihadapi oleh murid-murid pemulihan. Masalah ini memang dihadapi oleh murid-murid dimana-mana sekolah dan amat penting untuk diatasi.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a) Meningkatkan kekemasan tulisan murid tahap 1 dengan melaksanakan terapi fisio motor halus.
- b) Membantu meningkatkan minat murid tahap 1 untuk menulis dengan kemas melalui pelaksanaan terapi fisio motor halus.

Soalan Kajian

- a) Adakah terapi fisio motor halus dapat meningkatkan kekemasan tulisan murid tahap 1?
- b) Dapatkah terapi fisio motor halus membantu meningkatkan minat murid tahap 1 untuk menulis dengan kemas?

Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada murid pemulihan Tahun 3. Saya telah memilih peserta kajian yang mempunyai masalah penulisan tidak kemas dan sukar dibaca. Mereka terdiri daripada 3 peserta lelaki (PK1, PK2 dan PK3) dan dua orang peserta kajian perempuan (PK4 dan PK5).

Jadual 2 menunjukkan bilang peserta kajian yang mengalami masalah tulisan tidak kemas dan mengikuti kajian ini berdasarkan jantina.


Jadual 2: Bilangan Murid Berdasarkan Jantina

JANTINA	BILANGAN MURID
LELAKI	3
PEREMPUAN	2
JUMLAH	5

Oleh kerana mereka mempunyai masalah kekemasan tulisan. Saya telah melibatkan mereka dalam kajian ini, supaya mereka dapat meningkatkan kekemasan tulisan masing-masing. Saya mengambil keputusan ini kerana mendapati bahawa kekemasan tulisan mereka mempengaruhi markah mereka dalam ujian.

Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan

Sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan ini, saya telah memilih untuk menggunakan Gelung Kajian Tindakan bagi Model Kemmis & McTaggart (1988)



Rajah 1: Gelung Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988)

Mereflek

Saya telah membuat refleksi berkaitan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut. Setelah itu, saya telah merancang tindakan yang sesuai untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian.

Merancang

Saya telah merancang tindakan yang relevan. Berdasarkan objektif kajian, saya telah melaksanakan aktiviti terapi fisio yang berfokuskan motor halus iaitu dengan menggunakan plastisin untuk membantu melembutkan motor halus tangan

peserta kajian. Setelah itu, saya telah memberikan lembaran kerja untuk peserta kajian menulis supaya saya dapat melihat hasil tulisan murid.

Bertindak

Saya telah melaksanakan aktiviti terapi fisio dengan menggunakan plastisin di dalam kelas bersama peserta kajian. Aktiviti terapi fisio yang dilaksanakan ini mengambil 1 jam.

Tindakan Pertama

Langkah pertama dalam pelaksanaan aktiviti ini, saya memperkenalkan plastisin kepada peserta kajian. Peserta kajian lebih mengenali plastisin dengan panggilan *play-doh*. Seterusnya, saya memulakan aktiviti terapi, untuk tindakan pertama ini saya telah menjalankan aktiviti terapi dengan mengarahkan peserta kajian untuk melakukan beberapa aktiviti dengan menggunakan plastisin. Setiap aktiviti dilakukan dalam masa 5 minit dan mempunyai waktu rehat selama 2 minit sebelum beralih ke aktiviti seterusnya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah, aktiviti meramas plastisin dengan menggunakan kedua-dua tangan, seterusnya aktiviti menekan doh dilantai dengan ibu jari. Kemudian, aktiviti menguli plastisin diikuti dengan aktiviti mencubit dan membulatkan plastisin. Seterusnya saya mengarahkan peserta kajian untuk membulatkan keseluruhan plastisin mereka dan menyuruh mereka untuk memicit plastisin tersebut. Seterusnya, saya meminta peserta kajian untuk membuat bentuk apa sahaja yang mereka ingin buat.

Tindakan Kedua

Pada tindakan kedua ini, saya telah mengingatkan kembali peserta kajian tentang aktiviti-aktiviti terapi fisio yang telah dilaksanakan sebelumnya. Untuk tindakan kedua ini telah mengambil masa selama 1 jam dimana 30 minit yang pertama adalah untuk pelaksanaan aktiviti terapi fisio manakala untuk 30 minit lagi adalah untuk latihan menulis. Pelaksanaan setiap aktiviti terapi adalah seperti pada tindakan yang pertama namun tempoh untuk setiap aktiviti telah dikurangkan kepada 3 minit untuk setiap aktiviti dan 2 minit tempoh rehat sebelum meneruskan dengan aktiviti seterusnya.

Setelah menyelesaikan semua aktiviti terapi dalam masa 30 minit pertama, saya telah memberikan bimbingan dan latihan menulis kepada peserta kajian. Saya telah memberikan lembaran kerja untuk mereka menulis.

Memerhati

Pada langkah ini, iaitu langkah yang terakhir saya telah membuat analisis data berdasarkan instrumen-instrumen yang telah ditadbirkan pada pengumpulan data.

Perancangan Kaedah Mengumpul Data

Pemerhatian

Bagi memahami proses yang berlaku dalam bilik darjah kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang berkesan dalam pengumpulan data. Lazimnya saya selalu melihat, mendengar, memerhati dan bertanya untuk mendapatkan maklumat. Saya telah membuat pemerhatian terhadap buku latihan peserta kajian dengan memeriksa buku latihan peserta kajian untuk mengesan tulisan yang tidak kemas dan sukar untuk dibaca.

Jadual 3 digunakan untuk mengutip dan merekod data pemerhatian berstruktur bagi setiap tingkah langkah laku yang ditunjukkan oleh peserta kajian

Jadual 3: Rekod Pemerhatian Tingkah Laku

Tingkah laku	Pemerhatian 1	Pemerhatian 2
Keluar kelas (ke tandas/ mengasah pensel)		
Mengganggu kawan		
Termenung		
Bercakap-cakap sambil menulis		
Menghantar latihan pada masa yang dikehendaki		

Temu Bual

Saya juga menggunakan kaedah temu bual. Temu bual ini telah melibatkan peserta kajian yang untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Saya telah membuat sesi temu bual bersama semua peserta kajian.

Jadual 4 menunjukkan borang analisis yang digunakan untuk menganalisis data temu bual yang telah dijalankan terhadap peserta kajian.

Jadual 4: Borang Analisis Temu Bual

Bil	Soalan	Jawapan	Bilangan
1	Suka menulis		
2	Tulisan kemas selepas melakukan aktiviti terapi		
3	Suka tulisan cantik dan kemas		
4	Hantar lembaran kerja yang dijawab dengan tulisan yang cantik dan kemas		
5	Suka mengikuti aktiviti terapi fisio motor halus		

Hasil temu bual bersama peserta kajian ini telah dianalisis secara diskriptif. Hasil analisis ini menjadi pengukur sama ada pelaksanaan aktiviti fisio motor halus dapat membantu meningkatkan kekemasan tulisan peserta kajian atau tidak.

Analisis Dokumen

Saya juga mengumpul data dengan menggunakan analisis dokumen (lembaran kerja). Dokumen tersebut telah saya analisis untuk mendapatkan bukti kukuh untuk menguatkan lagi kredibiliti kaedah pemerhatian dan temu bual. Untuk kajian ini, saya menggunakan lembaran peserta kajian untuk mendapatkan maklumat tentang tulisan peserta kajian.

Melalui penganalisan dokumen saya dapat mengesan peningkatan pada tulisan peserta kajian setelah mengikuti pelaksanaan aktiviti terapi fisio yang telah dilaksanakan.

Cara Menganalisis Data

Pemerhatian

Saya telah menjalankan pemerhatian tidak berstruktur sepanjang kajian ini. saya memilih kaedah ini kerana ianya boleh dijalankan pada bila-bila masa. Saya telah menjalankan pemerhatian sepanjang proses PdPc dan sepanjang tempoh pelaksanaan aktiviti terapi di dalam kelas pemulihan. Fokus utama adalah untuk mengesan tulisan peserta kajian yang tidak kemas dan mengesan kesilapan yang dibuat semasa menulis.

Temu Bual

Temu bual tidak berstruktur ini dijalankan pada selepas pelaksanaan aktiviti terapi fisio. Temu bual ini bertujuan untuk memperolehi maklumat daripada peserta kajian tentang aktiviti terapi. Maklumat yang telah diperolehi dijadikan kesimpulan mengikut apa yang saya faham melalui apa yang telah disampaikan oleh peserta kajian.

Analisis Dokumen

Setelah saya mendapatkan maklumat daripada hasil kerja murid, saya telah menganalisis data tersebut berdasarkan carta yang dinamakan *The Pressey Chart for Diagnosis of Ilegibilities in Handwriting*. Carta ini disediakan berdasarkan tulisan murid yang menunjukkan berbagai-bagai jenis dan bentuk yang tidak dapat dibaca.

Dapatan Kajian

Soalan Kajian 1

Dapatan Kajian Pemerhatian

Melalui pemerhatian setelah pelaksanaan aktiviti, mereka lebih mudah untuk membentuk huruf-huruf semasa menulis. Selain itu mereka menulis dengan lebih lancar dan tidak tersekat-sekat kerana susah untuk menulis semasa membentuk huruf-huruf. Saya dapati hasil tulisan peserta kajian semakin kemas dari sebelumnya.

Melalui pemerhatian tersebut saya dapat simpulkan bahawa pelaksanaan aktiviti terapi fisio tersebut motor halus tangan peserta kajian dapat dirangsang.

Dapatan Temu Bual

Berdasarkan temu bual yang telah dibuat saya telah menganalisis hasil temu bual seperti berikut:

1. Ya
2. Tidak
3. Tidak Pasti

Dua soalan yang diajukan kepada peserta kajian untuk menjawab persoalan kajian yang pertama adalah seperti berikut:

1. Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio tangan kamu rasa lembutkah?
2. Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio adakah kamu menulis dengan lebih lancar dan kemas?

Jadual 6: Transkripsi Temu Bual Soalan 1

Soalan	Peserta kajian	Jawapan	Kod
1. Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio tangan kamu rasa lembutkah?	PK 1	Ya, (sambil mengangguk kepala)	1
	PK 2	Tidak tahu	3
	PK 3	Ya	1
	PK 4	Lembut cikgu	1
	PK 5	Tak tahu	3

1= YA 2=TIDAK 3=TIDAK PASTI

Berikut merupakan kod transkripsi temu bual untuk soalan 1 yang telah dianalisis:

Jadual 6.1: Peratusan Kod Transkripsi Temu Bual Soalan 1

Kod	Kekerapan	Peratusan
1	3	60%
2	0	0%
3	2	40%

Berikut merupakan transkripsi temu bual soalan 2.

1. Ya
2. Tidak
3. Tidak pasti

Jadual 7: Transkripsi Temu Bual Soalan 2

Soalan	Peserta Kajian	Jawapan	Kod
2. Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio adakah kamu menulis dengan lebih lancar dan kemas?	PK 1	Ya	1
	PK 2	Tulisan saya kemas cikgu	1
	PK 3	Ya	1
	PK 4	Ya, cikgu tulisan saya cantik	1
	PK 5	Ya	1

1=YA 2=TIDAK 3=TIDAK PASTI

Jadual 7.1: Peratusan Kod Transkripsi Temu Bual Soalan 2

Kod	Kekerapan	Peratusan Kod
1	5	100%
2	0	0%
3	0	0%

Analisis dokumen

Saya telah melakukan analisis dokumen sebelum pelaksanaan aktiviti, semasa aktiviti dan selepas pelaksanaan aktiviti. Berdasarkan analisis dokumen yang telah saya buat, saya dapati terdapat peningkatan dari segi hasil tulisan peserta kajian setelah mengikuti aktiviti terapi fisio yang telah dilaksanakan.

Soalan Kajian 2

Dapatan Kajian Pemerhatian

Saya telah menjalankan pemerhatian terhadap peserta kajian sebelum, selepas dan setelah pelaksanaan aktiviti. Dalam pemerhatian tersebut saya membuat pemerhatian untuk melihat jika ada peningkatan minat peserta kajian untuk menulis dengan kemas. Berdasarkan pemerhatian yang saya jalankan tersebut saya dapati semua peserta kajian kelihatan seronok melakukan aktiviti terapi dan semasa sesi latihan menulis pula peserta kajian kelihatan seronok dan bersedia untuk menulis serta berusaha untuk menghasilkan tulisan yang kemas. Berdasarkan pemerhatian setelah aktiviti saya melihat ada peningkatan dari segi minat peserta kajian untuk menulis.

Dapatan Temu Bual

Berdasarkan temu bual yang telah dibuat saya telah menganalisis hasil temu bual seperti berikut:

1. Ya
2. Tidak
3. Tidak pasti

Dua soalan yang diajukan kepada peserta kajian untuk menjawab persoalan kajian yang kedua adalah seperti berikut:

Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio adakah kamu lebih suka menulis dengan cantik dan kemas?

1. Kamu berminat nak ikut aktiviti terapi fisio kalau dilaksanakan lagi?

Jadual 9 : Transkripsi Temu Bual Soalan 1

Soalan	Peserta kajian	Jawapan	Kod
1. Selepas mengikuti aktiviti terapi fisio adakah kamu lebih suka menulis dengan cantik dan kemas?	PK 1	Ya	1
	PK 2	Ya, suka cikgu	1
	PK 3	Ya, (sambil mengangguk kepala)	1
	PK 4	Suka cikgu	1
	PK 5	Tak tahu	3

1= YA 2=TIDAK 3=TIDAK PASTI

Jadual 9.1: Peratusan Kod Transkripsi Temu Bual Soalan 1

Kod	Kekerapan	Peratusan
1	4	80%
2	0	0%
3	1	20%

Berikut merupakan transkripsi temu bual soalan 2.

1. Ya
2. Tidak
3. Tidak pasti

Jadual 10: Transkripsi Temu Bual Soalan 2

Soalan	Peserta Kajian	Jawapan	Kod
2. Kamu berminat nak ikut aktiviti terapi fisio kalau dilaksanakan lagi?	PK 1	Ya	1
	PK 2	Ya, cikgu	1
	PK 3	Ya	1
	PK 4	Ya, saya mau main play-doh lagi	1
	PK 5	Ya	1

1=YA 2=TIDAK 3=TIDAK PASTI

Jadual 10.1: Peratusan Kod Transkripsi Temu Bual Soalan 2

Kod	Kekerapan	Peratusan Kod
1	5	100%
2	0	0%
3	0	0%

Dapatan Kajian Analisis Dokumen

Berdasarkan penelitian saya terhadap hasil kerja peserta kajian, kelihatan bahawa tulisan peserta kajian semakin kemas dan mudah dibaca hal ini dipengaruhi oleh minat mereka untuk menulis dengan kemas. Oleh sebab mereka suka untuk melihat hasil tulisan mereka yang semakin kemas.

Refleksi Dapatan Kajian

Sepanjang proses untuk menyiapkan kajian ini, banyak perkara yang terjadi yang telah membuka minda saya dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta penambahbaikan yang diperlukan dalam kajian. Dari segi pelaksanaan kajian ini, saya berasa gembira atas kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh semua pihak.

Selain itu, saya turut berasa teruja apabila melihat mereka begitu seronok semasa mengikuti aktiviti dan semasa membuat latihan yang diberikan. dari segi keberkesanan kaedah pula, pelaksanaan aktiviti terapi fisio motor halus ini dapat membantu meningkatkan kemahiran motor halus tangan murid sehingga mereka dapat memperbaiki tulisan mereka.

Kesimpulannya pelaksanaan aktiviti ini telah berjaya membantu peserta kajian memperbaiki tulisan mereka. Saya mendapati bahawa peningkatan ini berlaku setelah mereka mengikuti pelaksanaan aktiviti terapi fisio motor halus dan juga diikuti dengan latihan menulis terancang.

Cadangan Kajian Lanjutan

1. Menekankan tentang amalan penulisan yang betul dan kemas sejak awal persekolahan.
2. Saya seterusnya hendaklah lebih memotivasikan murid-murid tahap 1 supaya mereka lebih berminat untuk mengikuti aktiviti yang hendak dilaksanakan.
3. Laksanakan lebih banyak aktiviti terapi kepada murid, untuk mengkaji kesannya dalam membantu memperbaiki tulisan murid.

Rujukan

Ahmad Durani Bin Suip (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun Tiga melalui kaedah penulisan berperingkat*, ms 27-36.

Anisah Binti Anuar @ Yong Hui Ming (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *membetulkan tulisan huruf 'k' dan 's' kecil murid Tahun Tiga menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah unsur maju*, ms 37-54.

Cindy Lairie Anak Sojep (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *mengurangkan masalah mencampurasukkan huruf besar dan kecil murid Tahun Tiga melalui kaedah cekap menulis*, ms 96-109

Dayang Nurmalisa Binti Abang Mohd Selanie (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan pendekatan bimbingan secara individu dalam membantu murid tahun tiga membaiki tulisan bahasa melayu*, ms 126-139.

Dyg Norliza Binti Awg Yem (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan kaedah ansur maju dalam mengurangkan kekerapan kesalahan menulis huruf kecil 'k' dan 'p' murid Tahun Lima*, ms 110-125.

Pressey & Pressey. (1926). Analyses of Three Thousand Illegibilities in the Handwriting of Children and Adults, *Educational Research Bulletin*, VI(13)

Jamilah Binti Ahmad. (1999). *Panduan pengajaran pemulihan Bahasa Melayu*.

Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti

Noraini Binti Ombi. (2009). Kajian kes ke atas kekemasan tulisan murid Tahun 2 dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 215-227.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
¹cbalaone@gmail.com, ²gselva62@gmail.com

PENGGUNAAN KAEDAH PERMAINAN “JAMBATAN KATA” DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVKK MURID PEMULIHAN TAHUN 3

**CONNELIA OLIVIA ANAK CHALI¹
ENCIK SELVARAJ A/L GRAPRAGASEM²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini melibatkan seorang murid pemulihan lelaki di sebuah sekolah di Miri. Objektif kajian adalah mengaplikasikan permainan “Jambatan Kata” untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVKK. Kedua, kajian ini cuba memupuk minat peserta kajian terhadap kemahiran membaca. Penyelidikan ini dilaksanakan berpandukan model kajian tindakan oleh Kurt Lewin. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan Ujian Lisan 1 dan 2. Kaedah triangulasi digunakan untuk membuat rumusan bagi kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan adanya peningkatan dari aspek penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK dan minat terhadap aktiviti membaca. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melibatkan kemahiran membaca perkataan yang lebih sukar seperti perkataan KV+KVK+KVKK. Tambahan lagi disarankan juga jumlah peserta kajian ditambahkan lagi untuk menguji sama ada kajian ini berkesan atau tidak untuk membantu murid-murid yang lain.

Kata kunci: pendidikan pemulihan, kemahiran membaca, KV+KVKK, kaedah permainan, Jambatan Kata

ABSTRACT

This action research involved a male student at a school in Miri. The objective of the research is to apply the game "Word Bridge" to help pupils master KV + KVKK reading skills. Secondly, this research tried to foster the interest of research participants in reading. This research is based on the model of action research by Kurt Lewin. Data collection was conducted using interview, observation and pre and post oral test. The triangulation method was used to conclude this research. The findings show that there is an increase in the ability to read KV + KVKK word and interest in reading activity. Further, research can be implemented using more difficult reading skills such as KV + KVK + KVKK words. In addition to that, it is recommended that more research participants are to be added to determine whether this research can be effective or not in assisting other students.

Keywords: remedial education, reading skill, KV+KVKK, playing method, Word Bridge

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), membaca bermaksud memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya, mengucapkan apa yang tertulis atau bercetak pada buku, papan tanda secara lisan dengan kuat dan memahami sesuatu makna.

Permainan bahasa merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa. Khairuddin Mohamad dan Zaridah Ramli (2015) menyatakan bahawa permainan bahasa ialah cara mempelajari bahasa melalui

permainan. Menurut Brock (2009), kaedah ini juga dapat meningkatkan motivasi dan menggalakkan penglibatan serta tumpuan kanak-kanak. Kaedah pembelajaran melalui bermain mampu menanam minat kanak-kanak untuk terus belajar bahasa kerana menurut Subdrah, Najeemah dan Logeswary (2014), belajar melalui bermain adalah cara terbaik untuk menanam minat kanak-kanak belajar bahasa.

FOKUS KAJIAN

Walaupun terdapat banyak masalah pembelajaran yang dikesan dan dihadapi oleh murid pemulihan, namun kajian ini hanya memfokuskan dalam penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK. Jadi, bagi mengatasi masalah penguasaan murid ke atas kemahiran membaca perkataan KV+KVKK ini, saya telah memperkenalkan satu bentuk permainan iaitu “Jambatan Kata”. Permainan ini merupakan permainan yang diubahsuai daripada permainan “Ting-ting Minda” yang telah digunakan oleh Zainab Binti Zainal (2012) dalam kajiannya.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan mempunyai objektif seperti berikut;

- i. Membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK melalui kaedah permainan “Jambatan Kata”.
- ii. Memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca melalui kaedah “Jambatan Kata”.

Persoalan kajian yang ingin dikaji adalah seperti berikut;

- i. Adakah peserta kajian dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK melalui permainan “Jambatan Kata”?
- ii. Adakah penggunaan kaedah permainan “Jambatan Kata” dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah di Miri. Saya memilih untuk melaksanakan kajian terhadap seorang murid pemulihan yang menghadapi masalah penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK sebagai peserta kajian. Peserta kajian merupakan seorang murid lelaki Tahun 3. Melalui temubual saya dengan guru pemulihan, peserta kajian merupakan murid yang paling lemah berbanding 11 orang murid pemulihan lain. Guru pemulihan menyatakan bahawa peserta kajian mempunyai prestasi pelajaran yang paling lemah kerana peserta kajian sering tidak hadir ke sekolah.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menggunakan model Kurt Lewin (1952) sebagai pedoman untuk menjalankan kajian ini. Terdapat empat langkah yang penting dalam model ini iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Saya telah menggunakan dua kitaran untuk menjalankan kajian iaitu Kitaran Pertama dan Kitaran Kedua.

Peserta kajian diberi rawatan atau intervensi melalui aktiviti permainan “Jambatan Kata” selama 20 minit setiap sesi PdPc. Sepanjang pengajaran, saya menyediakan model tikar “Jambatan Kata”, kad gambar, kad huruf, kad suku kata, kad perkataan, dadu dan kotak bagi Kitaran 1. Manakala pada Kitaran 2 pula, saya menggunakan *banner*, kad gambar, kad huruf, kad suku kata, kad perkataan, dadu dan kotak.

Permainan “Jambatan Kata” memerlukan dua orang murid untuk bermain. Jadi, saya telah meminta seorang lagi murid pemulihan untuk bermain dengan peserta kajian. Terdapat 6 langkah dalam permainan Jambatan Kata. Setiap langkah dilakukan secara berperingkat iaitu daripada mudah ke sukar.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kitaran Pertama (1 Oktober 2018)

Dapatan Temubual

Berikut merupakan soalan beserta jawapan hasil daripada temubual yang telah dijalankan:

Bil.	Soalan	Jawapan peserta kajian	
		Ya	Tidak
1.	Adakah kamu berasa seronok dengan aktiviti yang dilakukan tadi?		√
2.	Adakah langkah-langkah aktiviti tadi senang atau susah? Ya untuk senang dan tidak untuk susah.		√
3.	Adakah perkataan yang digunakan dalam aktiviti tadi senang dan mudah difahami oleh kamu? Ya untuk senang dan tidak untuk susah.	√	
4.	Bolehkah kamu sebutkan dan ejakan perkataan yang dipelajari tadi?	√	
5.	Adakah kamu boleh mengeja perkataan yang diminta oleh cikgu? Jika ya, ejakan. (Guru minta peserta kajian mengeja sebarang banyak perkataan yang dipelajari).	√	
		i. terung ii. payung	
		i. pisang ii. tepung iii. terung iv. payung	

Setelah mendapat peratusan hasil temubual, saya telah mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Jadi, peratusan hasil temubual ialah 60% iaitu dalam kategori 41%-70%. Ulasan pada jadual kategori ialah “Aktiviti “Jambatan Kata” agak menarik bagi peserta kajian dan ianya mampu meningkatkan penguasaan kemahiran KV+KVKK”.

Berdasarkan hasil daripada dapatan kajian temubual, saya mendapati bahawa terdapat satu sahaja persoalan kajian yang tercapai dan merupakan persoalan kajian yang pertama iaitu “Adakah peserta kajian dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK melalui permainan Jambatan Kata?”. Persoalan kajian yang kedua pula iaitu “Adakah penggunaan kaedah permainan Jambatan Kata dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca?” belum dapat tercapai.

Dapatan Pemerhatian

Berikut merupakan jadual senarai semak yang direkod melalui pemerhatian terhadap peserta kajian yang dijalankan semasa intervensi:

Bil.	Kemahiran yang diuji	Ya	Tidak	Catatan
1.	Adakah peserta kajian boleh mengeja sekurang-kurangnya 3 suku kata KV? b u b a t u t e j a p a p i j e	Ya	/ / / / / /	√
	Tidak			
2.	Adakah peserta kajian boleh membaca sekurang-kurangnya 3 perkataan KV+KVKK berbantuan gambar?	√		pisang, tepung, terung, payung
3.	Adakah peserta kajian boleh membaca sekurang-kurangnya 3 perkataan KV+KVKK tanpa berbantuan gambar?	√		terung, payung
4.	Adakah peserta kajian menumpukan perhatian semasa menjalankan aktiviti?	√		
5.	Adakah peserta kajian melibatkan diri dengan aktif semasa pelaksanaan aktiviti?	√		

Setelah mendapat peratusan hasil senarai semak, saya telah mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Jadi, peratusan hasil senarai semak ialah 60% iaitu dalam kategori 41%-70%. Ulasan pada jadual kategori ialah “Peserta kajian menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVKK dan aktiviti “Jambatan Kata” agak mampu meningkatkan penguasaan kemahiran KV+KVKK.”

Berdasarkan hasil dapatan kajian pemerhatian, saya mendapati bahawa persoalan kajian yang pertama dan kedua belum dapat dicapai sepenuhnya. Ini adalah kerana hanya terdapat dua daripada tiga aspek senarai semak pertama, kedua dan

ketiga yang menjawab kepada persoalan pertama yang ditanda dengan (/). Perkara yang sama juga berlaku ke atas persoalan kedua iaitu hanya satu daripada dua aspek senarai semak yang ditanda dengan (/). Maka, persoalan pertama dan kedua belum tercapai sepenuhnya dalam hasil dapatan kajian pemerhatian.

Dapatan Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2

Berikut merupakan keputusan peserta kajian dalam ujian tersebut:

Bil.	Senarai Perkataan Yang Diuji	Peratusan Markah Ujian Lisan 1	Peratusan Markah Ujian Lisan 2
1.	Baca perkataan yang guru tunjuk.		
	terung √ √ burung		
	jagung √ jerung √ √	30%	60%
	payung √√ hidung		
	tepung √ tudung		
	pisang √ bawang		

Petunjuk: √ = Ujian Lisan 1

√ = Ujian Lisan 2

Keputusan Ujian Lisan 1 menunjukkan bahawa peserta kajian hanya dapat membaca 3 daripada 10 sahaja perkataan KV+KVKK iaitu dengan markah 30%. Setelah dikategorikan mengikut kategori yang telah ditetapkan, keputusan peserta kajian berada dalam kategori 21%-40% iaitu “lemah”. Keputusan Ujian Lisan 2 mempunyai peningkatan iaitu menunjukkan bahawa peserta kajian dapat membaca 6 daripada 10 perkataan KV+KVKK dengan markah 60%. ”. Setelah dikategorikan mengikut kategori yang telah ditetapkan, keputusan peserta kajian berada dalam kategori 41%-60% iaitu “sederhana”.

Dapatan dari Ujian Lisan 2 menunjukkan bahawa peserta kajian lulus dalam ujian tersebut namun masih boleh dipertingkatkan. Berikut merupakan pencapaian peserta kajian dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2 bagi Kitaran Pertama:

Jenis Ujian	Peratusan Markah Peserta Kajian
Ujian Lisan 1	30%
Ujian Lisan 2	60%

Perbandingan antara markah peserta kajian dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan iaitu sebanyak 30%. Walaubagaimanapun, dapatan daripada Ujian Lisan 2 masih belum memuaskan kerana masih terdapat 4 perkataan KV+KVKK yang belum dapat dieja oleh peserta kajian. Hal ini menunjukkan bahawa peserta kajian masih belum dapat menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVKK sepenuhnya.

Dapatan Kitaran Kedua (22 Oktober 2018)

Dapatan tembual

Berikut merupakan soalan beserta jawapan hasil daripada temubual yang telah dijalankan:

Bil.	Soalan	Jawapan peserta kajian	
		Ya	Tidak
1.	Adakah kamu berasa seronok dengan aktiviti yang dilakukan tadi?	√	
2.	Adakah langkah-langkah aktiviti tadi senang atau susah? Ya untuk senang dan tidak untuk susah.	√	
3.	Adakah perkataan yang digunakan dalam aktiviti tadi senang dan mudah difahami oleh kamu? Ya untuk senang dan tidak untuk susah.	√	
4.	Bolehkah kamu sebutkan dan ejakan perkataan yang dipelajari tadi?	√	
		i. parang	
		ii. sarang	
		iii. gasing	
5.	Adakah kamu boleh mengeja perkataan yang diminta oleh cikgu? Jika ya, ejakan. (Guru minta peserta kajian mengeja semua perkataan yang dipelajari).	√	
		i. parang	
		ii. sarang	
		iii. puting	
		iv. gasing	
		v. kerang	
		vi. helang	
		vii. kucing	

Peratusan bagi hasil temubual ialah 100%. Setelah mendapat peratusan hasil temubual, saya telah mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Jadi, peratusan hasil temubual ialah 100% iaitu dalam kategori 71% -100%. Ulasan pada jadual kategori ialah aktiviti “Jambatan Kata” sangat menarik bagi peserta

kajian dan ianya sangat membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran KV+KVKK.

Berdasarkan hasil dapatan kajian temubual, saya mendapati bahawa kedua-dua persoalan kajian iaitu “Adakah peserta kajian dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK melalui permainan Jambatan Kata?” dan “Adakah penggunaan kaedah permainan Jambatan Kata dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca” telah tercapai.

Dapatan Pemerhatian

Berikut merupakan jadual senarai semak yang direkod melalui pemerhatian terhadap peserta kajian yang dijalankan semasa intervensi:

Bil.	Kemahiran yang diuji	Ya	Tidak	Catatan
1.	Adakah peserta kajian boleh mengeja sekurang-kurangnya 3 suku kata KV?			
	sa pu ga da ke pa pi he	√		
	Ya / / / / / / / / /			
	Tidak			
2.	Adakah peserta kajian boleh membaca sekurang-kurangnya 3 perkataan KV+KVKK berbantuan gambar?	√		parang sarang gasing puting kerang helang kucing
3.	Adakah peserta kajian boleh membaca sekurang-kurangnya 3 perkataan KV+KVKK tanpa berbantuan gambar?	√		parang sarang puting gasing kucing
4.	Adakah peserta kajian menumpukan perhatian semasa menjalankan aktiviti?	√		

5. Adakah peserta kajian melibatkan diri dengan \surd aktif semasa pelaksanaan aktiviti?

Peratus hasil pemerhatian telah menunjukkan peratusan sebanyak 100%. Setelah mendapat peratusan hasil pemerhatian, saya telah mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Jadi, peratusan hasil temubual ialah 100% iaitu dalam kategori 71%-100%. Ulasan pada jadual kategori ialah “Peserta kajian telah menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVKK dan aktiviti “Jambatan Kata” sangat membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran KV+KVKK”.

Berdasarkan hasil dapatan kajian pemerhatian, saya mendapati bahawa kedua-dua persoalan kajian iaitu “Adakah peserta kajian dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK melalui permainan Jambatan Kata?” dan “Adakah penggunaan kaedah permainan Jambatan Kata dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca” telah tercapai.

Dapatan Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2

Berikut merupakan keputusan peserta kajian dalam ujian tersebut:

Bil.	Senarai Perkataan Yang Diuji	Peratusan	
		Markah Ujian Lisan 1	Peratusan Markah Ujian Lisan 2
1.	Baca perkataan yang guru tunjuk.		
	parang \surd \surd daging		
	sarang \surd \surd kerang \surd	50%	70%
	puting \surd \surd helang \surd		
	piring kucing \surd \surd		
	gasing \surd \surd loceng		

Petunjuk: \surd = Ujian Lisan 1 \surd = Ujian Lisan 2

Keputusan Ujian Lisan 1 menunjukkan bahawa peserta kajian dapat membaca 5 daripada 10 sahaja perkataan KV+KVKK iaitu dengan markah 50%. Setelah dikategorikan mengikut kategori yang telah ditetapkan, keputusan peserta kajian berada dalam kategori 41%-60% iaitu “sederhana”. Keputusan Ujian Lisan 2 mempunyai peningkatan iaitu menunjukkan bahawa peserta kajian dapat membaca 7 daripada 10 perkataan KV+KVKK iaitu dengan markah 70%. Setelah dikategorikan mengikut kategori yang telah ditetapkan, keputusan peserta kajian berada dalam kategori 61%-80% iaitu “baik”.

Dapatan dari Ujian Lisan 2 menunjukkan bahawa peserta kajian berjaya menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVKK di mana terdapat peningkatan berbanding Ujian Lisan 1 iaitu sebanyak 20%. Berikut merupakan pencapaian peserta kajian dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2:

Jenis Ujian	Peratusan Markah Peserta Kajian
Ujian Lisan 1	50%
Ujian Lisan 2	70%

Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan data yang telah dianalisis, jelas bahawa kaedah permainan Jambatan Kata ini berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK dan ianya mampu menarik minat murid pemulihan untuk belajar membaca.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian yang telah dijalankan, saya mendapati bahawa penggunaan kaedah permainan Jambatan Kata dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVKK dan ianya juga dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca. Hal ini demikian kerana semua hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan peningkatan dari Kitaran 1 kepada Kitaran 2.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, saya mendapati bahan bantu mengajar merupakan satu alat atau bahan yang dapat menarik perhatian peserta kajian untuk terus memberikan tumpuan dalam proses PdPc. Hal ini demikian terbukti apabila peserta kajian agak bosan dan pasif dalam intervensi pada Kitaran 1 kerana bahan yang digunakan dalam permainan ialah tikar alas meja sebagai model tikar Jambatan Kata. Manakala dalam intervensi pada Kitaran 2 yang menggunakan banner sebagai model tikar, peserta kajian lebih seronok dan lebih aktif untuk mengikuti proses PdPc.

Sepanjang kajian ini dijalankan terdapat kekangan yang terpaksa saya hadapi. Misalnya pada Kitaran 1, kelemahan yang didapati ialah daripada aspek bahan yang digunakan semasa intervensi iaitu dengan menggunakan tikar alas meja sebagai model tikar Jambatan Kata. Melalui pemerhatian saya, peserta kajian agak sukar untuk melangkah atau melompat atas “jambatan” yang terdapat pada tikar tersebut. Tikar tersebut agak nipis dan menjejaskan pergerakan peserta kajian untuk bermain atas tikar tersebut. Jadi, peserta kajian perlu melompat dengan perlahan bagi mengelakkan tikar tersebut terkoyak. Oleh hal yang demikian, saya terpaksa menukar tikar alas meja tersebut kepada banner pada Kitaran 2 bagi memudahkan peserta kajian untuk bergerak dan melompat atas “jambatan” pada banner tersebut.

CADANGAN KAJIAN SUSULAN

Memandangkan kaedah permainan “Jambatan Kata” didapati berjaya meningkatkan penguasaan membaca perkataan KV+KVKK dan dapat memupuk minat peserta kajian dalam menguasai kemahiran membaca, maka saya mencadangkan kajian lanjutan dijalankan untuk melihat sejauh mana kaedah ini dapat meningkatkan penguasaan murid terdapat kemahiran membaca perkataan yang lebih sukar seperti perkataan KV+KVK+KVKK.

Saya juga mencadangkan agar peserta kajian dapat ditambahkan lagi. Dalam kajian ini, saya hanya melibatkan seorang sahaja murid pemulihan sebagai peserta kajian. Kajian lanjutan dicadangkan agar kaedah permainan “Jambatan Kata” dilaksanakan terhadap murid-murid pemulihan yang mana mempunyai jumlah yang ramai.

Cadangan seterusnya ialah kaedah permainan Jambatan Kata ini boleh digunakan untuk kajian berkaitan mata pelajaran Matematik. Saya seterusnya boleh menukar nama permainan sesuai dengan mata pelajaran dan mengubahsuai langkah-langkah permainan supaya sesuai dengan objek kajian masing-masing.

RUMUSAN

Kesimpulannya, hasil daripada analisis dapatan yang diperoleh daripada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa objektif yang telah ditetapkan oleh saya telah dapat dicapai. Persoalan kajian juga terjawab melalui keputusan yang diperoleh apabila terdapat peningkatan bai setiap data yang dianalisis oleh saya. Maka, dapat dibuktikan bahawa kaedah permainan Jambatan Kata dapat meningkatkan penguasaan membaca perkataan KV+KVKK dalam kalangan murid pemulihan. Selain itu, kaedah ini juga mampu memupuk minat murid pemulihan untuk belajar membaca.

RUJUKAN

- Almon, J. & Miller, E. (2012). The Crisis In Early Education: A Research-Based Case For More Play And Less Pressure. Diperoleh daripada http://www.habitot.org/museum/pdf/play_research/Crisis_EarlyEd.pdf.
- Amat Tarop, Abu Bakar, Patarai Cholen, Thahir Nuruddin, Hasizan Dahalal, Azhar Md. Sabil & Shahrman Ahmad. (2015). Pengantar Bahasa Melayu. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Anita Ngu Yi Ling. (2012). Keberkesanan Kaedah Belajar Melalui Bermain Dalam Meningkatkan Kemahiran Menyatu Dan Memadankan Suku Kata Dalam Kalangan Murid Pemulihan. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Brock, A., Sylvia, D., Jarvis, P., & Olusoga, Y. (2009). Perspectives on Play: Leaning for life. England: Pearson Education Limited.
- Cathy John. (2009). Kaedah Sebut, Eja Dan Bunyikan. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Tahun 2009. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Diperoleh daripada <https://www.coursehero.com/file/15935327/12-Cathy-John/>
- Einarsdottir, J. (2012). Play And Literacy: A Collaborative Action Research Project In Preschool. Scandinavian Journal of Educational Research, 58(2): 18-33.
- Ilangko Subramaniam. (2014). Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ). Diperoleh daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/77/77>
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias & Faiziah Hj. Shamsudin. (2015). Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu. Selangor Darul Ehsan: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Khairuddin Mohamad & Zaridah Ramli. (2015). Siri Pendidikan Guru : Literasi Bahasa Melayu. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ku Shi Gui. (2012). Cara Bermain Secara Ulangan Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Membaca Perkataan KV+KV. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Mariani Md. Nor & Siti Hawa Abdullah (2009). Pendekatan Main Dalam Menangani Masalah Pembelajaran Kanak-kanak. Diges Pendidik. Jilid 9, Bil. 2/2009. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Razak Mohd Nordin, Ed.D Masitah Ahmad. (2016). Penggunaan Teknik Permainan Bahasa Dan Main Peranan Dalam Kalangan Murid Orang Asli: Satu Tinjauan. Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 11, 2016. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Hulu Kinta. Diperoleh daripada

- www.ipgmipoh.edu.my/journal/index.php/dedikasi/article/download/15/13+&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Linguistik. *Jurnal Linguistik* Jilid 10 (Edisi Khas). Diperoleh daripada <https://drive.google.com/file/d/0B-wrYh4qK0CHMGIZNDIzNzMtMGI2OC00MmI4LWJmMTYtZWE2OTQ1NmUzZmRm/view?ddrp=1&hl=en#>
- Nur Hanis Binti Mohd Hatta. (2012). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Asuhan Tilawah Al-Quran Tahun 4. Seminar Penyelidikan Tindakan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Tahun 2012 : Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Diperoleh daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PA/4.%20NUR%20HANIS%20MOHD%20HATTA.pdf>
- Rodiah Watti Bt Mohamad Nahrawi. (2012). Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KV+KV Murid Tahun 1 Menggunakan Teknik Permainan Padan Cantik. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Roslan Chin & Nurahimah Yusoff. (2017). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas. Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Diperoleh daripada repo.uum.edu.my/22548/+&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 2. Bil 2, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fadzilaah Binti Solkifli. (2016). Permainan Ting-ting Minda Meningkatkan Kemahiran Membaca Gabungan Suku Kata Jawi Dan Minat Murid Terhadap Pelajaran Jawi Tahun 2. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia. Diperoleh daripada <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/12609/1/tesis%20.pdf>
- Subadrah Madhawa Nair, Najeemah Mohd Yusof & Logeswary Arumugam. (2014). The Effects Of Using The Play Method To Enhance The Mastery Of Vocabulary Among Preschool Children. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 116: 3976-3982.
- Suzamreh Bin Salleh. (2012). Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat-Ayat Yang Mengandungi Perkataan Gabungan Suku Kata V+Kv Dan Kv+Kv Melalui Teknik Latih Tubi Membaca Kad Bacaan. Seminar Penyelidikan Tindakan (Pendidikan Pemulihan Sekolah Rendah) IPG Kampus Sarawak, 6-7 Disember 2012. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. Diperoleh daripada <https://www.scribd.com/doc/155064051/Meningkatkan-Kemahiran-Membaca-KVKV-Melalui-Kad-Bacaan+&cd=2&hl=en&ct=clnk&gl=my>
- Zainab Binti Zainal. (2012). Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca Perkataan KVKVK menggunakan Permainan Ting-ting Minda Dalam Kalangan Murid Pemulihan. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009, Miri, Sarawak.
¹conniechali95@gmail.com, ²gselva62@gmail.com

**MENINGKATKAN KEFAHAMAN OPERASI TOLAK DENGAN
MENGUMPUL SEMULA MENGGUNAKAN “GA.NI.PI.”
DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN
TAHUN 3**

**FATIN HAZIMAH BINTI EFFINDI¹
TAN LAY YEN²**

ABSTRAK

Kemahiran operasi tolak dengan mengumpul semula penting bagi murid pemulihan mempelajari operasi asas Matematik yang lebih sukar. Kajian tindakan ini melibatkan dua orang murid pemulihan Tahun 3 dan dilaksanakan berpandukan Model Kajian Kurt Lewin. Data dalam kajian dikumpul melalui ujian, pemerhatian dan temubual. Seterusnya, data dianalisis dengan mengira peratusan, kekerapan dan meneliti catatan temubual. Keputusan kajian ditentukan dengan menggunakan kaedah triangulasi. Dapatan kajian menunjukkan “GA.NI.PI.” berjaya membantu meningkatkan kefahaman dan menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula. Pembelajaran secara ‘hands-on’ dan ‘minds-on’ dengan ‘Pembaris Ajaib’ dan papan ‘Rumah Nombor’ membantu mengembangkan lagi koordinasi mata dan tangan serta pergerakan motor kasar peserta kajian. Ia juga dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri peserta kajian. Penambahbaikan kepada kajian ini boleh dilakukan dengan membina kit pembelajaran yang lebih tahan lasak, mesra pengguna dan dapat digunakan dalam jangka masa yang lebih lama. Kaedah ini juga boleh dilaksanakan dalam bentuk elektronik dengan membina perisian aplikasi berbentuk digital.

Kata kunci: operasi tolak dengan mengumpul semula, garis nombor, nilai tempat, teknik pinjaman, ‘pembaris ajaib’, papan rumah nombor.

ABSTRACT

Subtraction by regrouping is an essential skill for remedial students to master Mathematics basic operation at the higher level. This action research involved two remedial students in Year 3 and was based on Kurt Lewin’s Action Research Model. The data in the research were collected through tests, observations and interviews. Next, the data were analyzed by calculating the percentage, frequency and examining the interviews record. The results of the research were determined using the triangulation method. The research finding shows that “GA.NI.PI.” can help the research participants to improve their understanding and increase their interest in learning subtraction by regrouping. The hands-on and minds-on learning with ‘Magic Ruler’ and place value board helps develop eye and hand coordination as well as the gross motor movement of the research participants. It also helps to improve the communication skill and self-confidence of the research participants. Improvements to this research can be done by developing a more durable and user-friendly learning kit to withstand longer period of use. “GA.NI.PI.” also can be implemented in electronic form by developing digital application software.

Keywords: subtraction by regrouping operation, number line, place value, regrouping technique, ‘magic ruler’, place value board.

PENGENALAN

Saya telah menjalani latihan praktikum sebanyak dua kali iaitu fasa pertama pada 3 Julai hingga 29 September 2017 dan fasa kedua pada 31 Julai hingga 26 Oktober 2018 di dua buah sekolah yang berbeza dalam daerah Miri, Sarawak. Semasa melaksanakan praktikum, saya telah mengajar kelas pemulihan Program Tiga M (PROTiM) untuk murid pemulihan tahap dua pada praktikum fasa pertama dan Kelas Pemulihan untuk murid pemulihan tahap satu pada praktikum fasa kedua. Sepanjang

menjalani praktikum tersebut, saya menggunakan pelbagai strategi dan teknik mengajar serta bahan bantu belajar untuk mengajar murid pemulihan. Walaupun begitu, saya dapati murid pemulihan belum dapat menguasai operasi tolak dengan mengumpul semula sama ada berada ditahap satu mahupun berada ditahap dua. Mereka menghadapi masalah apabila nombor yang kecil menolak nombor yang lebih besar daripadanya dan sukar untuk meletakkan nombor ke dalam nilai tempat yang betul apabila menyelesaikan soalan tolak dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim. Tambahan juga, saya dapati murid pemulihan kurang berminat untuk mempelajari subjek Matematik. Murid pemulihan tidak dapat membuat latihan operasi tolak dengan mengumpul semula secara individu dan memerlukan bimbingan sepenuhnya daripada saya. Menyedari akan kepentingan murid untuk memahami kemahiran tersebut, saya mengambil inisiatif untuk melaksanakan kajian ini.

FOKUS KAJIAN

Dapatan awal daripada analisis dokumen menyokong keperluan untuk melaksanakan kajian ini. Hasil analisis rekod prestasi peserta kajian memaparkan keputusan dalam subjek Matematik yang tidak memuaskan. Seterusnya, semakan hasil kerja peserta kajian juga menunjukkan mereka tidak meletakkan nombor dalam nilai tempat yang betul semasa menyelesaikan soalan dalam bentuk lazim dan tidak faham akan penggunaan teknik pinjaman bagi menyelesaikan soalan tersebut. Perkara ini menyebabkan mereka menjawab soalan dengan salah dan meletakkan apa sahaja nombor untuk melengkapkan jawapan mereka.

Dapatan awal daripada temubual menunjukkan peserta kajian hanya faham konsep tolak dengan mengumpul semula semasa sesi interaksi bersama guru. Mereka keliru dan tidak dapat menjawab soalan yang diberikan semasa membuat latihan secara individu. Hal ini menyebabkan peserta kajian tidak suka dan bosan untuk mempelajari kemahiran ini kerana terlalu sukar bagi mereka. Menurut guru pemulihan pula, kebanyakan murid pemulihan menghadapi kesukaran dalam memahami kemahiran ini dan sering kali melakukan kesilapan yang sama semasa menyelesaikan soalan Matematik tersebut.

Seterusnya, dapatan awal daripada pemerhatian menunjukkan peserta kajian belum dapat memahami operasi tolak dengan mengumpul semula secara holistik. Semasa sesi interaksi, peserta kajian tidak yakin pada diri sendiri dan masih teragak-agak untuk menyelesaikan soalan apabila ditanyakan oleh saya. Mereka hanya dapat menyelesaikan soalan dengan bantuan daripada rakan dan bimbingan sepenuhnya daripada saya. Namun apabila membuat latihan secara individu, mereka tidak ingat akan langkah-langkah yang diperlukan dan penggunaan teknik pinjaman bagi menyelesaikan soalan tolak dengan mengumpul semula. Hal ini menyebabkan peserta kajian berasa bosan dan sering kali termenung ataupun bermain sesama mereka apabila tidak dapat menjawab latihan yang diberikan. Berdasarkan fokus kajian, saya menggunakan "GA.NI.PI." (garis nombor, nilai tempat, teknik pinjaman) untuk membantu peserta kajian dalam memahami operasi tolak dengan mengumpul semula.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu:

1. meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula menggunakan “GA.NI.PI.”.
2. menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula menggunakan “GA.NI.PI.”.

Selari dengan objektif di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

1. Adakah penggunaan “GA.NI.PI.” dapat meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula?
2. Adakah penggunaan “GA.NI.PI.” dapat menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan dua orang murid pendidikan pemulihan dalam mata pelajaran Matematik. Antara ciri – ciri peserta kajian yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Murid	Keterangan
1	A	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah tersenyum dan seorang yang mesra. • Tahap penguasaan dalam Matematik agak lemah. • Mudah lupa apa yang telah dipelajari. • Sering datang lewat ke sekolah. • Inginkan perhatian yang lebih daripada guru. • Suka bermain semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).
2	B	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang yang pendiam dan agak pemalu. • Pergerakkan tangan dan percakapan yang agak lambat. • Tidak yakin pada diri sendiri. • Sering mengelamun di dalam kelas. • Agak cuai ketika membuat latihan. • Tahap penguasaan dalam Matematik agak lemah.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya mengajar peserta kajian tentang kemahiran ini secara berperingkat dengan mengaplikasikan pendekatan pembelajaran masteri. Menurut Ghani dan Ahmad (2015), pembelajaran masteri adalah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk membantu murid menguasai perkara yang diajar. Kajian ini bermula dengan mengajar peserta kajian untuk memahami nilai sesuatu nombor (garis nombor, GA) dengan berbantuan ‘Pembaris Ajaib’, diikuti dengan nilai tempat bagi nombor (NI) dengan berbantuan papan ‘Rumah Nombor’ dan akhir

sekali tentang penggunaan teknik pinjaman (PI) dalam menyelesaikan soalan operasi tolak dengan mengumpul semula.

Penggunaan bahan bantu belajar (BBB) berbentuk maujud seperti 'Pembaris Ajaib' dapat membantu peserta kajian memahami nilai sesuatu nombor. Melalui BBB ini, peserta kajian mengetahui sama ada nombor tersebut boleh ataupun tidak menolak nombor yang lain. Semakin ke kanan nombor di dalam 'Pembaris Ajaib' semakin besar nilai nombor tersebut. Maka, nombor yang berada di sebelah kiri sesuatu nombor lebih kecil dan tidak dapat menolak nombor tersebut. Kemudian, saya membimbing peserta kajian untuk meletakkan nombor ke dalam nilai tempat yang betul menggunakan papan 'Rumah Nombor'. Akhir sekali, saya membimbing peserta kajian mengaplikasikan teknik pinjaman dalam menyelesaikan soalan operasi tolak dengan mengumpul semula.

Berdasarkan model Kurt Lewin (1946), saya menggunakan tiga jenis kaedah untuk mengumpul data dalam aspek kefahaman dan minat peserta kajian terhadap operasi tolak dengan mengumpul semula agar dapat menjawab persoalan kajian. Kaedah pertama ialah Ujian 1 dan Ujian 2. Saya memberikan Ujian 1 dan Ujian 2 kepada peserta kajian sebelum dan selepas aktiviti dijalankan iaitu sebanyak tiga kali. Ujian 1 dan Ujian 2 yang diberikan adalah setara dan mempunyai 6 soalan. Hasil keputusan ujian ini dibandingkan untuk melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan "GA.NI.PI." dalam meningkatkan kefahaman mereka dalam operasi tolak dengan mengumpul semula.

Kedua, saya menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur untuk menilai kefahaman dan minat peserta kajian terhadap operasi tolak dengan mengumpul semula sebelum dan selepas mengaplikasikan "GA.NI.PI.". Pemerhatian ini dilakukan ke atas peserta kajian setiap kali aktiviti dijalankan berdasarkan item yang telah ditetapkan di dalam borang senarai semak yang telah disediakan. Akhir sekali, saya menggunakan kaedah temubual berstruktur untuk mendapatkan maklum balas dari peserta kajian berkaitan aktiviti yang dijalankan. Sesi temubual dilaksanakan di dalam Kelas Pemulihan supaya peserta kajian selesa dan tidak berasa janggal. Kaedah ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan kefahaman dan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula.

Saya menganalisis data yang telah dikumpul dan mereflek sejauh mana keberkesanan kajian tindakan yang dijalankan terhadap peserta kajian. Data yang dikumpul menggunakan kaedah Ujian 1 dan Ujian 2 dianalisis dengan membandingkan skor bagi kedua-dua ujian tersebut dalam bentuk peratusan bagi setiap aktiviti. Saya menggunakan formula berikut, $\frac{\text{Jumlah soalan yang betul } (x)}{\text{Jumlah soalan } (y)} \times 100\%$ = untuk mengira peratusan skor Ujian 1 dan Ujian 2 yang diperoleh oleh kedua-dua peserta kajian. Peratusan ujian dicatatkan ke dalam jadual untuk memudahkan saya membuat perbandingan. Data tersebut kemudiannya ditafsirkan ke dalam bentuk graf bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh berkaitan perubahan peratusan peserta kajian dalam Ujian 1 dan Ujian 2. Penggunaan "GA.NI.PI." untuk meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula dikatakan berjaya sekiranya terdapat peningkatan peratusan antara Ujian 1 dan Ujian 2 kedua-dua peserta kajian dalam ketiga-tiga aktiviti yang telah dijalankan.

Analisis data pemerhatian dilakukan dengan meneliti kekerapan tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas aktiviti dijalankan bagi kesemua item yang telah dinyatakan di dalam borang senarai semak pemerhatian. Saya mengira perubahan kekerapan tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan. Perubahan ke arah positif bagi setiap item menunjukkan aktiviti berjaya membantu meningkatkan kefahaman dan menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari kemahiran ini. Seterusnya, saya menganalisis peratus peningkatan perubahan positif item bagi kedua-dua peserta kajian pada setiap aktiviti. Formula yang digunakan ialah $\frac{x}{y} \times 100\%$, di mana x = jumlah item yang mengalami perubahan positif bagi menjawab persoalan kajian, y = jumlah item yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Sekiranya terdapat peningkatan peratusan dalam perubahan positif item, maka aktiviti yang dilaksanakan adalah berjaya menjawab persoalan kajian.


Data yang diperoleh daripada kaedah temubual dianalisis berdasarkan respons peserta kajian terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Soalan temubual adalah bertunjangkan kepada dua persoalan kajian iaitu keberkesanan penggunaan “GA.NI.PI.” dalam meningkatkan kefahaman dan menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula. Dapatan kajian dihuraikan oleh saya dengan mentranskripsi rekod temubual.

DAPATAN KAJIAN

Adakah penggunaan “GA.NI.PI.” dapat meningkatkan kefahaman murid dalam operasi tolak dengan mengumpul semula?

Penggunaan “GA.NI.PI.” berjaya meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula. Keputusan ini dibuat berdasarkan perbandingan peratusan Ujian 1 dan Ujian 2, analisis pemerhatian berstruktur dan analisis transkrip temubual dengan peserta kajian.

Rajah 1 memaparkan perbandingan peratusan yang diperoleh kedua-dua peserta kajian dalam Ujian 1 dan Ujian 2 bagi aktiviti 1, 2 dan 3. Kedua-dua peserta kajian mendapat 0% bagi Ujian 1 aktiviti 1. Peserta kajian A mendapat 16.67% dan peserta kajian B pula mendapat skor 33.33% untuk Ujian 2 aktiviti 1. Bagi aktiviti 2 pula, peserta kajian A mendapat 0% bagi Ujian 1 manakala 16.67% bagi Ujian 2. Peserta kajian B pula mendapat 66.67% bagi Ujian 1 manakala bagi Ujian 2 pula dia mendapat 83.33%. Bagi aktiviti 3, peserta kajian A mendapat 33.33% bagi Ujian 1 manakala untuk Ujian 2 pula dia memperoleh 100%. Peserta kajian B pula mendapat 83.33% bagi Ujian 1 manakala 100% bagi Ujian 2. Peningkatan peratusan antara Ujian 1 dan Ujian 2 kedua-dua peserta kajian dianalisis pada setiap aktiviti. Peserta kajian A mencatat peningkatan sebanyak 16.67% bagi aktiviti 1 dan aktiviti 2. Manakala, bagi aktiviti 3 pula, peserta kajian A telah mencatat peningkatan sebanyak 66.67%. Peserta kajian B pula mencatat peningkatan sebanyak 33.33% bagi aktiviti 1, 16.66% bagi aktiviti 2 dan 16.67% bagi aktiviti 3. Peningkatan dalam setiap aktiviti ini menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian faham dan boleh menyelesaikan operasi tolak dengan mengumpul semula menggunakan “GA.NI.PI.”.



Rajah 1. Graf Analisis Perbandingan Peratusan Ujian 1 dan Ujian 2

Jadual 2 memaparkan analisis item pemerhatian berstruktur yang menunjukkan kejayaan “GA.NI.PI.” dalam meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula. Bagi aktiviti 1, kedua-dua peserta kajian menunjukkan perubahan +3 pada item 1, item 2 dan item 3. Manakala, bagi item 4 pula, peserta kajian A menunjukkan perubahan +1 dan peserta kajian B pula ialah +2. Bagi aktiviti 2 pula, peserta kajian A menunjukkan perubahan +2 dan peserta kajian B menunjukkan perubahan +3 bagi item 1. Analisis item 2 menunjukkan perubahan sebanyak +3 oleh peserta kajian A dan +2 oleh peserta kajian B. Kedua-dua peserta kajian menunjukkan perubahan +3 untuk item 3 dan +2 untuk item 4. Manakala pada aktiviti 3 pula, kedua-dua peserta kajian menunjukkan perubahan +4 untuk item 1. Seterusnya, bagi item 2, peserta kajian A mencatatkan perubahan +4 dan peserta kajian B pula mencatatkan perubahan +3. Bagi item 3 pula, kedua-dua peserta kajian menunjukkan perubahan +5. Peserta kajian A menunjukkan perubahan +6 bagi item 4 manakala peserta kajian B pula menunjukkan perubahan +5 bagi item ini.

Item	Sebelum		Selepas		Perubahan	
	A	B	A	B	A	B
3-Peserta kajian dapat menjawab soalan dengan betul.	Aktiviti 1					
	1	1	4	4	+3	+3
	Aktiviti 2					
	4	3	6	6	+2	+3
	Aktiviti 3					
	6	6	10	10	+4	+4
	Aktiviti 1					

4-Peserta kajian menggunakan 'Pembaris Ajaib' dalam menyelesaikan tugas.	0	0	3	3	+3	+3
	Aktiviti 2					
	3	4	6	6	+3	+2
	Aktiviti 3					
	4	5	8	8	+4	+3
	Aktiviti 1					
5-Peserta kajian dapat meletakkan nombor ke dalam nilai tempat nombor.	0	0	3	3	+3	+3
	Aktiviti 2					
	4	4	7	7	+3	+3
	Aktiviti 3					
	5	5	10	10	+5	+5
	Aktiviti 1					
6-Peserta kajian menggunakan teknik pinjaman dengan betul dalam menyelesaikan tugas.	0	0	1	2	+1	+2
	Aktiviti 2					
	2	4	4	6	+2	+2
	Aktiviti 3					
	4	5	10	10	+6	+5
	Aktiviti 1					

Jadual 2: Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 1)

Peserta Kajian	Peratus Peningkatan Perubahan Positif (%)		
	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3
A	100	100	100
B	100	100	100

Jadual 3: Peratus Peningkatan Perubahan Positif Data Pemerhatian

Berdasarkan Jadual 3, ketiga-tiga aktiviti mencatatkan nilai peratus peningkatan perubahan positif item sebanyak 100% bagi data pemerhatian ini. Hal ini membuktikan "GA.NI.PI." yang dilaksanakan adalah berjaya menjawab persoalan kajian.

Seterusnya, rekod transkrip temubual yang telah dijalankan ke atas peserta kajian menyokong keberkesanan penggunaan "GA.NI.PI." dalam meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula. Rajah 2 hingga Rajah 5 menunjukkan sedutan transkrip temubual saya bersama peserta kajian untuk menjawab persoalan pertama. Hasil daripada analisis temubual ini, saya dapat merumuskan bahawa peserta kajian faham akan operasi tolak dengan mengumpul

semula. Perkara ini juga dibuktikan apabila mereka dapat menjawab soalan yang ditanyakan dan menyiapkan latihan yang diberikan dengan betul secara individu.

Tema	Peserta Kajian	
	A	B
Seronok	/	/
Minat	/	/
Faham	/	/

Jadual 4: Tema Dalam Temubual

Saya	: Adakah cara cikgu mengajar menggunakan “GA.NI.PI.” membantu anda memahami operasi tolak dengan mengumpul semula?
Peserta Kajian A	: <u>Ya, faham.</u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u>Oh, ya.</u> (TB01 MB 140918)

Rajah 2. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 2)

Saya	: “24-8=” adakah nombor 4 boleh tolak 8? Kenapa?
Peserta Kajian A	: <u>(Mengerutkan dahi, seperti sedang berfikir) tidak, (melihat ‘Pembaris Ajaib’) 4 lebih kecil dari 8.</u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u>Oh, tidak (tunjuk nombor 4 kemudian nombor 8 pada ‘Pembaris Ajaib’) 8 lebih besar, 4 kecil.</u> (TB01 MB 140918)

Rajah 3. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 3)

Saya	: Adakah anda memahami nilai tempat nombor? Cuba terangkan apa yang anda faham dengan memberi contoh.
Peserta Kajian A	: <u>Pu, sa (sambil mengangkat tangan).</u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u>(Tersenyum) rumah pu dan rumah sa.</u> (TB01 MB 140918)

Rajah 4. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 4)

Saya	: Bagaimanakah anda menggunakan teknik pinjaman dalam menyelesaikan operasi tolak dengan mengumpul semula?
Peserta Kajian A	: <u>Kalau nombor sini kecil, (sambil menunjuk pada papan rumah sa) pinjam dari sini (menunjuk pada papan rumah pu).</u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u>Pinjam dari rumah sebelah. Sa pinjam pu (sambil menggerakkan tangan menunjuk papan rumah sa, kemudian rumah pu) Sebab nombor kecil.</u> (TB01 MB 140918)

Rajah 5. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 5)

Saya merumuskan bahawa kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula semakin meningkat berdasarkan kepada analisis ketiga-tiga kaedah dapatan kajian ini. Hal ini telah dibuktikan dengan peningkatan peratusan peserta kajian dalam Ujian 1 dan Ujian 2, perubahan tingkah laku peserta kajian ke arah yang positif dan keupayaan mereka memberi respon positif kepada soalan yang telah diajukan. Kesimpulannya, penggunaan “GA.NI.PI.” dapat meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tolak dengan mengumpul semula.

Adakah penggunaan “GA.NI.PI.” dapat menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula?

Penggunaan “GA.NI.PI.” dapat menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula. Hasil dapatan daripada analisis pemerhatian berstruktur dan rekod transkrip temubual mengesahkan pernyataan tersebut.

Item	Sebelum		Selepas		Perubahan	
	A	B	A	B	A	B
1-Peserta kajian memberi perhatian kepada aktiviti PdPc.	Aktiviti 1					
	1	1	4	4	+3	+3
	Aktiviti 2					
	3	4	6	6	+3	+2
	Aktiviti 3					
	5	5	9	10	+4	+5
2-Peserta kajian berinteraksi dengan guru.	Aktiviti 1					
	2	1	4	4	+2	+3
	Aktiviti 2					
	4	4	6	5	+2	+1
	Aktiviti 3					
	6	6	8	9	+2	+3

Jadual 5: Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 2)

Peserta Kajian	Peratus Peningkatan Perubahan Positif (%)		
	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3
A	100	100	100
B	100	100	100

Jadual 6: Peratus Peningkatan Perubahan Positif Data Pemerhatian

Berdasarkan kepada Jadual 5, peserta kajian menunjukkan peningkatan perubahan ke arah positif terhadap item-item yang diperhatikan bagi persoalan kedua. Jadual 6 pula menunjukkan ketiga-tiga aktiviti mencatatkan nilai peratus peningkatan perubahan positif item sebanyak 100% bagi data pemerhatian ini. Hal ini membuktikan “GA.NI.PI.” yang dilaksanakan adalah berjaya menjawab persoalan kajian kerana peserta kajian menunjukkan perubahan tingkah laku yang amat memberangsangkan.

Tema	Peserta Kajian	
	A	B
Seronok	/	/
Minat	/	/
Faham	/	/

Jadual 7: Tema Dalam Temubual

Saya	: Adakah anda minat untuk belajar operasi tolak dengan mengumpul semula? Kenapa?
Peserta Kajian A	: <u><i>Ya, sudah senang.</i></u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u><i>(Mengangguk kepala) seronok belajar dengan Cikgu Fatin.</i></u> (TB01 MB 140918)

Rajah 6. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 6)

Saya	: Adakah anda seronok belajar operasi tolak dengan mengumpul semula menggunakan kaedah ‘GA.NI.PI’? Kenapa?
Peserta Kajian A	: <u><i>Ya, sebab tidak boring.</i></u> (TB01 MA 140918)
Peserta Kajian B	: <u><i>Seronok, ada ‘Pembaris Ajaib’ ada papan ‘Rumah Nombor’.</i></u> (TB01 MB 140918)

Rajah 7. Sedutan Transkrip Temubual Peserta Kajian (Soalan 1)

Berikut merupakan rekod transkrip temubual yang telah dijalankan ke atas peserta kajian bagi menjawab persoalan kedua. Saya memasukkan tema ‘minat’ dan ‘seronok’ dalam dapatan kajian yang memerihalkan minat peserta kajian untuk mempelajari kemahiran ini.

Daripada ketiga-tiga analisis dapatan kajian ini, saya merumuskan bahawa penggunaan “GA.NI.PI.” dapat menggalakkan minat peserta kajian dalam mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula. Hal ini dapat dibuktikan dengan perubahan tingkah laku ke arah positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian yang telah diperhatikan sepanjang aktiviti 1, aktiviti 2 dan aktiviti 3. Selain itu, kedua-dua peserta kajian juga memberikan respons yang positif kepada soalan yang telah diajukan.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Kesan terhadap peserta kajian

Penggunaan “GA.NI.PI.” bersesuaian dengan tahap kecerdasan kedua-dua peserta kajian kerana ia memerlukan peserta kajian untuk menggunakan kepekaan pancaindera mereka secara maksima. Penggunaan bahan bantu belajar seperti ‘Pembaris Ajaib’ dan papan ‘Rumah Nombor’ dapat melatih koordinat mata dan tangan serta pergerakan motor kasar peserta kajian. Tambahan juga, peserta kajian dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi, keyakinan diri dan nilai keberanian apabila ditanyakan soalan dan diminta untuk menyemak jawapan rakan yang lain sambil dibimbing oleh saya.

Amalan pedagogi

Pelaksanaan penyelidikan ini memberi peluang kepada saya untuk mengaplikasikan teori-teori pembelajaran yang telah dipelajari dan menjadikannya sebagai asas kepada kajian yang dilakukan. Teknik pengajaran yang dilaksanakan secara ‘hands-on’ dan ‘minds-on’ dapat menarik minat peserta kajian untuk mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula disebabkan oleh perasaan seronok dan teruja mereka untuk belajar. Berbanding menggunakan cara pengajaran tradisional ‘chalk and talk’, “GA.NI.PI.” lebih berkesan untuk memastikan peserta kajian menumpukan perhatian sepenuhnya semasa sesi PdPc disebabkan penggunaan bahan majud secara ‘hands-on’ disamping interaksi dua hala antara saya dan peserta kajian.

Amalan profesional sebagai penyelidik

Saya dapat menambah baik amalan penyelidikan dengan mengamalkan etika penyelidikan sepanjang melaksanakan kajian ini. Melalui kajian ini juga, saya berpeluang untuk melaksanakan proses mengumpul, menganalisis dan menyemak data secara terperinci. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh, saya menggunakan kaedah triangulasi data yang diperoleh daripada Ujian 1 dan Ujian 2, kaedah pemerhatian dan kaedah temubual.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan untuk kajian akan datang yang boleh dilaksanakan oleh saya lain ialah membina kit pembelajaran “GA.NI.PI.” yang lebih tahan lasak dan mesra pengguna. Penambahbaikan boleh dilakukan dengan membina ‘Pembaris Ajaib’ daripada kayu yang ringan agar ia lebih keras, tahan lasak dan mudah alih. Papan ‘Rumah Nombor’ pula boleh dibina seperti papan putih yang bersaiz kecil. Pengubahsuaian ini menampilkan kit pembelajaran “GA.NI.PI.” yang lebih cantik dan kemas serta boleh digunakan dalam jangka masa yang lebih lama.

Cadangan kedua pula ialah membina perisian aplikasi berbentuk digital bagi “GA.NI.PI.”. Sekiranya ‘Pembaris Ajaib’ diwujudkan dalam bentuk alam maya, ia

membolehkan murid untuk melihat nilai nombor dengan lebih tepat dan mereka boleh menggerakkannya dengan mudah. Penambahan elemen seperti warna dan audio dalam perisian ini juga dapat membantu murid lebih peka, menumpukan perhatian dan berminat untuk mempelajari operasi tolak dengan mengumpul semula. Selain itu, penggunaan perisian aplikasi ini memudahkan guru kerana guru tidak perlu menyediakan bahan bantu belajar dalam kuantiti yang banyak jika bilangan murid lebih daripada 3 orang.

RUJUKAN

- Alireza, B., Prakash, P., & Gowramma, I. P. (2010). A remedial intervention for addition and subtraction in children with dyscalculia. *Journal of the Indian academy of applied psychology*, 36(1), 9-17.
- Chong, O. S., Zamri, M., & Mohd, I. M. H. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang Bahasa Melayu negeri Sarawak: satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Chuah, K. H. (2017). *Buku panduan penulisan laporan penyelidikan*. Kuching: IPG Kampus Batu Lintang.
- Davis, B., & Simmt, E. (2003). Understanding learning systems: mathematics teaching and complexity science. *Journal for Research in Mathematics Education*, 34, 137-167.
- Edinin, R. (2012). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Fain, A. C., Gallagher, P. A., & Heller, K. (2015). Students with emotional and behavior disorder: a review of mathematics interventions with a focus on subtraction. *Journal of Education*, 2, 188-201.
- Faizah, J. (2017). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian. *Masters thesis*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Farah, H. E. (2018). *vTA – tJS: Membantu meningkatkan kemahiran mengingat sirah Nabi Muhammad SAW pemimpin agung*. (Pelaporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak.
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). *Pengantar pendidikan khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2015). *Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jamian, A. R., Othman, S., Ishak, S. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 42-51.
- John, S. (2012). Penggunaan PANT dalam mengajar kemahiran penolakan dengan mengumpul semula dalam kalangan murid pemulihan kelas tahun 3. *Seminar Penyelidikan tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 103-114.
- Khan, A. R. A. M. (2009). *Guru sebagai penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Latif, M. A. A., & Zin, N. M. (2010). Penggunaan alatan manipulatif untuk mengajar penolakan dengan pengumpulan semula pada tahun 3 cemerlang. *Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2010*, 59-63.
- Mohd, J. A. Z., Gahani, A. M. F., & Elham, F. (2016). Keberkesanan pengajaran guru tadika: satu kajian awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Najib, N. A. M. (2017). Keberkesanan kaedah geng 10 terhadap kemahiran penolakan mengumpul semula dalam kalangan murid tahun 3. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risale-I Nur*, 503-508.
- Norehan, M., & Rozita, O. (2016). Pemerolehan bahasa bukan verbal oleh kanak-kanak melalui aplikasi multimedia. *Jurnal Pendidikan Dedikasi Jilid 11 2016*, 51-67.
- Rahman, M. J. A. (2012). Penggunaan konsep arah dalam menguasai nilai tempat nombor dua digit. *Seminar Penyelidikan tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 26-37.
- Raban, R. F. (2012). Penggunaan garis nombor dalam membantu murid pemulihan tahun 2 memahami penolakan dalam lingkungan 10. *Seminar Penyelidikan tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 51-61.
- Roida, E. F. S. (2012). Pengaruh minat dan kebiasaan belajar siswa terhadap prestasi belajar matematika. *Jurnal Formatif*, 2(2), 122-131.

- Sharifah, N. P., & Aliza, A. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15
- Yaumi, M., & Damopolii, M. (2016). *Action research: teori, model & aplikasi*. Jakarta. Kencana Prenadamedia Group.
- Zakaria, E., Nordin, N. M., & Ahmad, S. (2007). *Trend pengajaran dan pembelajaran matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zamri, M., Ruslin, A., & Mohamed, A. E. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
Email: ¹fatihazim2702@gmail.com, ²tanlyyn2@gmail.com

KAEDAH CARTA NILAI TEMPAT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN OPERASI TAMBAH DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2

**HERLINDA JERRY¹
SAPATOMAH @ SBTUYAH BT. MORSHIDI²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk membantu seorang murid pemulihan di salah sebuah sekolah di Miri meningkatkan kemahiran operasi tambah nombor bulat dalam lingkungan 20 dengan menggunakan Kaedah Carta Nilai Tempat (KCNT). Saya telah menggunakan model penyelidikan tindakan Kurt Lewin untuk menjalankan kajian ini.

Cara pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan kaedah temubual, pemerhatian dan ujian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa KCNT telah berjaya membantu peserta kajian menguasai kemahiran menulis digit pada nilai tempat yang betul dan meningkatkan tahap penguasaan nilai tempat dalam operasi tambah.

Kajian lanjut boleh dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah ini dalam mempelajari operasi tambah bentuk lazim. Diharapkan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran ini murid akan lebih berminat dalam pembelajaran Matematik.

Kata kunci: kaedah carta nilai tempat, operasi tambah, murid pemulihan

ABSTRACT

This action research was carried out to help one remedial student in one school in Miri to enhance on his or her skills in addition operation for whole numbers within 20 using the Place Value Chart Method (PVC). The researcher used Kurt Lewin action research model to carry out this research.

The data collection for this research was done using interview, observation and test method. The research findings showed that the PVC method was successful in helping the research respondent to write the digits according to its place value, and to enhance the level of mastery of place value on used in addition operation.

Further research can be carried out by applying this method in learning subtraction in common form. It is hoped that through this method of teaching and learning the students would be more interested in learning Mathematics.

Key words: Place Value Chart method, addition operation, place value

Pengenalan

Program Pemulihan merupakan satu usaha yang dijalankan untuk membantu murid-murid yang mengalami kesukaran dalam kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Program ini membantu murid-murid pemulihan mengatasi dan mengurangkan kelemahan-kelemahan atau permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid dalam mengadaptasi proses pengajaran dan pembelajaran di kelas Perdana

Pendidikan pemulihan Matematik ialah satu usaha yang diambil bagi mengatasi masalah pembelajaran murid-murid yang lemah dalam matapelajaran matematik di sekolah rendah. Murid-murid yang mengalami masalah menguasai kemahiran asas dalam Matematik akan dimasukkan ke kelas pemulihan Matematik. Dalam Pendidikan pemulihan Matematik, kemahiran-kemahiran yang ditumpukan adalah kemahiran asas seperti operasi tambah, operasi tolak, operasi darab dan operasi bahagi. Pendidikan pemulihan Matematik ini memberi peluang kepada murid-murid masalah pembelajaran Matematik untuk mempelajari kemahiran Matematik mengikut kadar kebolehan mereka sendiri. Keadaan ini dapat mengelakkan mereka daripada terus tercicir dan secara tidak langsung dapat memupuk minat mereka untuk mempelajari matapelajaran Matematik.

Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid pemulihan khas Tahun 2 yang mengalami masalah dalam menentukan nilai tempat nombor dengan betul. Kajian ini dijalankan setelah saya melakukan pemerhatian dan lembaran kerja semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Saya mendapati terdapat murid mengalami kesukaran untuk menentukan nilai tempat nombor dengan betul dalam bentuk lazim. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menilai penggunaan kaedah Carta Nilai Tempat dalam meningkatkan kemahiran operasi tambah murid pemulihan khas.

Objektif Kajian Dan Soalan Kajian

Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) meningkatkan penguasaan kemahiran tambah peserta kajian menggunakan Carta Nilai Tempat
- b) meningkatkan minat peserta kajian menyelesaikan operasi tambah dalam lingkungan 20 dalam menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat.

Soalan kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan berikut:

- a) Adakah penggunaan Kaedah Carta Nilai Tempat dapat meningkatkan penguasaan kemahiran tambah peserta kajian dalam lingkungan 20?
- b) Adakah Kaedah Carta Nilai Tempat mampu meningkatkan minat peserta kajian menyelesaikan operasi tambah lingkungan 20?

Kumpulan Sasaran

Kajian ini melibatkan hanya seorang peserta kajian sahaja dari Program Pendidikan Pemulihan khas yang sekarang ini berada di Tahun 2B di sebuah sekolah di Miri. Peserta kajian yang telah dipilih ialah peserta kajian yang mempunyai masalah dalam operasi tambah terutamanya gagal menentukan nilai tempat dengan betul. Selain itu, peserta kajian ini juga sering meletakkan angka pada tempat rumah yang salah ketika melakukan operasi tambah. Melalui keputusan Matematik dalam Ujian

Progresif 1, didapati responden memperolehi gred E iaitu 17%. Ini menunjukkan peserta kajian ini adalah murid yang lemah dalam Matematik. Saya menamakan peserta kajian ini sebagai P1.

Peserta	Jantina	Umur	Tahun	Bangsa
P1	lelaki	8	2	Melayu

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

Tindakan Yang Dijalankan

Dalam kajian Tindakan ini, saya menggunakan model Kurt Lewin (1946) sebagai panduan untuk melaksanakan kajian. Kurt Lewin menerangkan bahawa penyelidikan tindakan mengandungi 4 peringkat dalam satu lingkaran yang mana ia bermula dengan refleksi diikuti dengan perancangan tindakan dan pemerhatian. Lingkaran berkenaan boleh berulang ke lingkaran kedua, ketiga dan seterusnya sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

PROSES	KITARAN 1	KITARAN 2
Perancangan	a) Mengenalpasti masalah dan memilih responden melalui pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran, analisis dokumen seperti lembaran kerja dan buku tulis. b) Merancang objektif dan persoalan kajian. c) Memilih kaedah yang dijadikan sebagai bantuan kepada masalah yang dihadapi.	a) Saya membuat penambahbaikan berdasarkan analisis data kajian yang telah dijalankan dalam kitaran 1.
Tindakan	a) Saya memberikan ujian 1 sebelum memperkenalkan Kaedah Carta Nilai Tempat. b) Saya memperkenalkan Kaedah Carta Nilai Tempat pada aktiviti pemulihan pertama dan memberikan beberapa soalan untuk melatih peserta kajian menggunakan kaedah yang telah diperkenalkan. c) Ujian 2 diberikan selepas aktiviti pemulihan dijalankan. d) sesi temubual dijalankan selepas murid menjawab Ujian 2. e) Pemerhatian dijalankan sepanjang sesi rawatan berdasarkan item yang disediakan dalam borang pemerhatian.	a) Saya membuat penambahbaikan berdasarkan masalah yang timbul semasa pengaplikasian kaedah Carta Nilai Tempat dalam kitaran 1. b) Penyepit baju diberikan kepada peserta kajian selepas penerangan diberikan dan semasa peserta kajian menyelesaikan operasi tambah. d) Saya membimbing peserta kajian menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat. c) sesi rawatan dijalankan sebanyak tiga kali pada kitaran 2.

Pemerhatian	<p>a) Berdasarkan data kajian yang diperoleh daripada lembaran kerja, borang pemerhatian dan temubual, saya menganalisis data tersebut untuk melihat pencapaian peserta kajian dalam setiap instrument yang digunakan.</p> <p>b) Saya juga mengenalpasti masalah yang timbul semasa penggunaan Kaedah Carta Nilai Tempat.</p>	<p>a) Saya membuat semakan terhadap Ujian 3 dan Ujian 4 yang telah dijalankan.</p> <p>b) Pencapaian peserta direkod agar perbandingan antara Ujian 1, Ujian 2, Ujian 3 dan Ujian 4 dapat dilakukan untuk menilai sejauh manakah tahap peningkatan peserta kajian dalam menyelesaikan operasi tambah dengan cara yang betul menggunakan Kaedah Carta Nilai Tempat.</p>
Refleksi	<p>a) Proses membuat refleksi berdasarkan apa yang telah berlaku sebelum, semasa dan selepas kajian dilaksanakan berdasarkan analisis data kajian yang telah dibuat.</p> <p>b) kajian telaj diteruskan dengan kitaran 2 untuk penambahbaikan kitaran 1.</p>	<p>a) Pencapaian peserta kajian dalam Ujian 4 yang diberikan menunjukkan Kaedah Carta Nilai Tempat dapat membantu peserta kajian dalam menyelesaikan operasi tambah dengan pengumpulan semula.</p>

Dapatan Kajian

Dapatan kajian diperoleh daripada instrumen yang telah ditadbirkan. Setiap dapatan kajian dianalisis untuk mendapat perbandingan sebelum aktiviti pemulihan dengan selepas aktiviti pemulihan yang dilakukan bagi membuktikan keberkesanan teknik yang diperkenalkan.

Kitaran 1: Dapatan Hasil pemerhatian

Bil	item	Dapatan
1.	Minat peserta	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta kajian menunjukkan minat semasa menggunakan Carta Nilai Tempat - Riak wajah peserta kajian teruja
2.	Tahap konsentrasi	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta bermain menggunakan penyepit baju
3.	Pengaplikasian kaedah Carta Nilai Tempat	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak diaplikasikan sepenuhnya - Digit-digit diletakkan pada nilai tempat yang salah - Tidak dapat mengenalpasti bila warna penyepit baju ditukar.
4.	PenglibatanPeserta kajian	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta kajian bersifat pendiam dan kurang bertanya.

Jadual 4: Hasil Analisis Dapatan Pemerhatian Kitaran 1

Jadual 4 menunjukkan hasil pemerhatian yang telah dijalankan pada kitaran pertama. Pemerhatian ini dijalankan semasa aktiviti pemulihan dijalankan. Berdasarkan hasil

pemerhatian yang telah diperoleh, didapati bahawa peserta kajian menunjukkan minat untuk menggunakan Carta Nilai Tempat. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui riak wajah peserta yang teruja bila Carta Nilai Tempat diperkenalkan. Semasa saya menerangkan mengenai langkah-langkah pengaplikasian Carta Nilai Tempat, didapati peserta kajian ini bermain menggunakan penyepit baju yang disediakan oleh saya. Peserta kajian membentuk pelbagai bentuk seperti robot dan senapang dengan menggunakan penyepit baju. Perkara ini telah menghilangkan minatnya untuk menumpukan perhatian. Saya mendapati mendapati peserta kajian tidak mengaplikasikan penggunaan Carta Nilai Tempat sepenuhnya. Keadaan ini diperhatikan melalui hasil daripada latihan yang telah dibuat oleh peserta kajian. Ada beberapa soalan dimana digit-digit diletakkan pada nilai tempat yang salah. Hal ini telah menyebabkan jawapan akhir peserta kajian salah. Semasa menggunakan Carta Nilai Tempat, peserta kajian masih keliru dan tidak tahu bila warna penyepit baju perlu ditukar. Hal ini menunjukkan peserta kajian masih belum menguasai cara menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat.

Kitaran 1: Dapatan hasil temubual bersama peserta kajian

Item/ Soalan	Selepas rawatan
1	ya
2	ya
3	ya
4	tidak
5	tidak

Jadual 5: Hasil Temubual Bersama Peserta Kajian

Berdasarkan dapatan yang telah diperoleh daripada temubual bersama dengan peserta kajian, saya mendapati peserta kajian dapat menggunakan carta nilai tempat untuk menyelesaikan operasi tambah. Ini terbukti apabila peserta kajian dapat menjawab soalan operasi tambah yang tidak melibatkan pengumpulan semula dengan betul.

Seterusnya, peserta kajian menyatakan bahawa kaedah carta nilai tempat memudahkannya untuk mencari jawapan operasi tambah. Berdasarkan pemerhatian saya semasa menyemak hasil kerja peserta kajian, peserta kajian dapat mengira dengan betul tetapi menulis digit pada nilai tempat yang salah. Hal ini telah menyebabkan jawapan akhir peserta kajian salah.

Berdasarkan temubual, peserta kajian masih tidak dapat menggunakan Carta Nilai Tempat untuk menyelesaikan operasi tambah dalam bentuk lazim. Berdasarkan hasil kerja peserta kajian, murid masih tidak dapat meletakkan digit pada nilai tempat yang betul.

Seterusnya, peserta kajian juga berasa seronok menggunakan Carta Nilai Tempat. Hal ini kerana, aktiviti pemulihan dijalankan secara *hands-on*. Namun begitu, peserta kajian banyak bermain menggunakan bahan yang disediakan oleh saya.


Akhir sekali ialah peserta kajian masih belum menguasai kemahiran tambah mengumpul semula dengan menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat. Hal ini dapat dilihat pada hasil ujian 2 peserta kajian.

Kesimpulannya, peserta kajian belum menguasai kemahiran operasi tambah yang melibatkan pengumpulan semula. Peserta kajian dapat mengira jawapan dengan betul namun menulis digit pada nilai tempat yang salah. Namun demikian, peserta kajian menunjukkan minat menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat.

Kitaran 1: Dapatan hasil ujian 1 dan ujian 2

Peserta	Ujian 1		Ujian 2		Peningkatan (Ujian 2- Ujian 1) %
	%	Gred	%	Gred	
P1	12.5	E	50	C	37.5

Jadual 6: Hasil Ujian 1 dan Ujian 2



Graf 1: Hasil Ujian 1 dan Ujian 2

Jadual 6 dan Graf 1 menunjukkan perbezaan markah Ujian 1 dan Ujian 2. Ujian 1 diadakan sebelum aktiviti pemulihan dijalankan. Berdasarkan Ujian 1, peserta kajian mendapat markah 12.5 % dengan gred E dan berada pada kategori sangat lemah. Markah bagi Ujian 1 adalah diperoleh sebelum peserta menggunakan Kaedah Carta Nilai Tempat. Berdasarkan Ujian 2, peserta kajian mendapat markah 50 % dengan gred C dan berada pada kategori sederhana. Berdasarkan markah Ujian 2, peserta kajian belum mencapai objektif yang telah ditetapkan. Markah bagi Ujian 2 adalah diperoleh selepas peserta menggunakan Kaedah Carta Nilai Tempat. Bagi Ujian 2 ini peserta kajian menunjukkan peningkatan dari segi markah. Didapati peserta kajian menunjukkan peningkatan. Peserta kajian mempunyai peningkatan sebanyak 37.5 % iaitu dari 12.5% menjadi 50%. Peningkatan markah bagi Ujian 1 dan Ujian 2 yang lebih jelas dapat dilihat di dalam Graf 1.

Kitaran 2: Dapatan hasil pemerhatian

Bil	item	Dapatan
1.	Minat peserta	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta kajian menunjukkan minat menggunakan Carta Nilai Tempat - Peserta kajian datang awal semasa aktiviti pemulihan
2.	Tahap konsentrasi	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta kajian menumpukan perhatian - Tidak lagi bermain dengan penyepit baju

3.	Pengaplikasian kaedah Carta Nilai Tempat	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta menunjukkan komitmen semasa menggunakan Carta Nilai Tempat. - Dapat mengenalpasti penukaran warna penyepit baju bila melebihi 9.
4.	PenglibatanPeserta kajian	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta kajian melibatkan diri secara aktif - Peserta kajian suka bertanya dan memberi maklum balas apabila diajukan soalan.

Jadual 7: Dapatan hasil pemerhatian kitaran 2

Jadual 7 menunjukkan hasil pemerhatian yang telah dijalankan pada kitaran kedua. Hasil daripada pemerhatian pada kitaran pertama, saya telah melakukan penambahbaikan pada kitaran kedua. Kelemahan peserta kajian yang pertama adalah kurang menumpukan perhatian dan bermain menggunakan penyepit baju yang disediakan oleh saya. Kelemahan kedua ialah tidak dapat menukar warna penyepit baju apabila lebih dari Sembilan pada nilai tempat sa. Selain itu, kelemahan ketiga ialah peserta kajian pendiam dan bersifat pasif. Melalui pelaksanaan kitaran kedua ini, saya mendapati peserta kajian mempunyai perubahan yang positif jika dibandingkan dengan Kitaran Pertama.

Kitaran 2: Dapatan hasil temubual

Item/ Soalan	Selepas rawatan
1	ya
2	ya
3	ya
4	ya
5	ya


Jadual 8: Dapatan Hasil Temubual Kitaran 2

Temubual bersama peserta kajian dijalankan selepas Ujian 4 pada kitaran pertama. Temubual ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan kaedah Carta Nilai Tempat pada Kitaran kedua. Berdasarkan Jadual 15, peserta kajian menjawab semua item atau soalan temubual dengan jawapan “ya”. Ini menunjukkan peserta kajian telah dapat menggunakan kaedah Carta Nilai Tempat dalam menyelesaikan operasi tambah. Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah carta nilai tempat berkesan terhadap peserta kajian.

Kitaran 2: Dapatan hasil Ujian 3 dan Ujian 4

Peserta	Ujian 3		Ujian 4		Peningkatan (Ujian 4- Ujian 3) %
	%	Gred	%	Gred	
P1	50	C	100	A	50

Jadual 9: Dapatan hasil ujian 3 dan ujian 4



Graf 2: Dapatan hasil ujian 3 dan ujian 4

Merujuk kepada Jadual 9, dapat dilihat bahawa keputusan Ujian 3 dan Ujian 4 bagi peserta kajian telah direkod. Peningkatan yang diperoleh oleh peserta kajian juga direkodkan sekali untuk memudahkan penelitian. Graf juga disediakan agar ilustrasi mengenai peningkatan peserta kajian dapat dilihat dengan lebih jelas.

Berdasarkan Jadual 9, didapati peserta kajian menunjukkan peningkatan. Peserta kajian mempunyai peningkatan sebanyak 50 % iaitu dari 50% menjadi 100%. Peningkatan markah bagi Ujian 3 dan Ujian 4 yang lebih jelas dapat dilihat di dalam Graf 2. Peserta kajian dapat menjawab semua soalan dengan betul pada Ujian 4. Peningkatan markah bagi Ujian 3 dan Ujian 4 yang jelas dapat dilihat di dalam Graf 2.

Refleksi Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperoleh Kaedah Carta Nilai Tempat dapat membantu peserta kajian untuk menyelesaikan operasi tambah dalam bentuk lazim dengan cara yang betul. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan kepada tahap peningkatan murid dari Ujian 1 hingga ke Ujian 4.

Jika dilihat dari hasil dapatan keputusan Ujian 1 hingga Ujian 4, peserta kajian telah menunjukkan peningkatan sebanyak 87.5%. Peningkatan yang ditunjukkan oleh peserta kajian menunjukkan bahawa Kaedah Carta Nilai Tempat dapat membantu mereka menyelesaikan operasi tambah dalam bentuk lazim dengan betul.

Kaedah Carta Nilai Tempat banyak membantu peserta kajian kerana ianya senang dan mudah difahami. Kita sedia maklum bahawa aras kebolehan murid pemulihan berbeza dengan murid-murid kelas perdana. Jadi, guru perlu merancang satu Teknik yang dapat difahami oleh murid-murid untuk meningkatkan tahap kefahaman mereka mengenai tajuk yang diajar.

Pencapaian murid yang lemah tidak semestinya menunjukkan murid tersebut tidak pandai tetapi kefahaman konsepnya yang membuatkan dia sukar untuk membuat soalan tersebut. Jadi Kaedah Nilai Tempat ini amat sesuai untuk digunakan mengajar murid pemulihan dalam menyelesaikan operasi tambah dalam lingkungan 20. Hal ini kerana Kaedah Carta Tempat menggunakan bahan maujud. Selain itu, pada langkah kedua kaedah ini mengandungi langkah satu persatu untuk menulis bentuk lazim. Murid akan mendapat gambaran yang menyeluruh dan berupaya untuk menulis bentuk

lazim dengan cara yang betul. Melalui kaedah ini, murid juga memahami konsep tambah yang melibatkan pengumpulan semula.

Melalui pengaplikasian kaedah Carta Nilai Tempat, peserta mempunyai peningkatan dalam menyelesaikan operasi tambah dalam bentuk lazim dan operasi tambah yang melibatkan pengumpulan semula. Peserta kajian dapat menyusun setiap digit mengikut nilai tempat yang betul. Hal ini kerana peserta kajian dapat menyusun digit-digit mengikut nilai tempat yang betul di dalam Ujian 4 yang telah diberikan. Sebelum ini, peserta kajian menulis digit-digit tanpa mengambil kira nilai tempat yang sepatutnya untuk digit tersebut. Jawapan yang diperoleh oleh peserta kajian juga ditulis selari dengan nilai tempat yang ada dalam kerangka bentuk lazim.

Dari semasa ke semasa sepanjang sesi rawatan pertama dan kedua, di dapati peserta kajian menunjukkan peningkatan dalam menjawab soalan di mana bilangan soalan yang dijawab dengan betul meningkat.

Kesimpulannya, saya mendapati bahawa kajian yang dijalankan berjaya membantu peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran operasi tambah dalam lingkungan 20.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kaedah Carta Nilai Tempat yang digunakan oleh saya dalam kajian ini terbukti berkesan membantu peserta kajian dalam menyelesaikan operasi tambah dalam bentuk lazim dengan cara yang betul. Keberkesanan teknik ini telah dibuktikan dengan peningkatan yang ditunjukkan oleh peserta kajian melalui Ujian 1, Ujian 2, Ujian 3 dan Ujian 4. Selain itu, temubual bersama peserta kajian dan pemerhatian tingkah laku yang dijalankan oleh saya juga menunjukkan bahawa kaedah Carta Nilai Tempat berupaya mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian.

Bagi kajian selanjutnya, saya mencadangkan penggunaan kaedah Carta nilai tempat diaplikasikan dalam kemahiran-kemahiran lain dalam Matematik iaitu operasi teras yang lain di samping tidak mengabaikan faktor persekitaran. Contohnya, kemahiran nilai tempat boleh diaplikasikan dalam kemahiran yang melibatkan operasi tolak dalam lingkungan 20. Dalam operasi tolak juga mengandungi pengiraan yang perlu dilakukan dalam bentuk lazim. Jadi dengan adanya pendedahan kaedah ini maka murid-murid tidak akan mengalami masalah untuk menyelesaikan soalan-soalan berkenaan operasi tolak tersebut. Keadaan dapat mengelak murid daripada berasa sukar untuk belajar Matematik kerana teknik atau kaedah yang sama boleh diaplikasikan untuk kemahiran pelbagai. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kefahaman konsep amat penting agar murid-murid dapat mengakomodasikan ilmu pengetahuan yang telah ada dengan ilmu pengetahuan yang baru diterima.

Secara keseluruhannya, cadangan penambahbaikan bagi kajian seterusnya amat penting sebagai perkongsian dan penambah baik bagi para saya pada masa hadapan. Selain itu, kajian seterusnya mampu meningkatkan daya inovasi para pendidik untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknik, kaedah, strategi dan pendekatan perlulah sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat membantu serta meningkatkan perkembangan dalam semua aspek kehidupan.

Rumusan

Setelah melalui beberapa aktiviti pemulihan, akhirnya peserta kajian Berjaya menguasai kemahiran menambah dengan meletakkan digit pada nilai tempat yang betul serta kemahiran menambah yang melibatkan pengumpulan semula. Hasil temu bual turut menunjukkan bahawa peserta kajian berasa lebih yakin untuk menjawab soalan penambahan berbanding respon negative yang ditunjukkan pada awalnya. Secara kesimpulannya, kaedah Carta Nilai Tempat mendatangkan kesan yang positif kepada peserta kajian dalam membantunya menguasai operasi tambah.

Rujukan

- Chow, F. M., & Jaizah M. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia sdn bhd.
- Chua, L. I (2005). *Jari dan Kertas Warna untuk membaiki kemahiran penambahan secara kumpul semula di kalangan murid Tahun 2 dalam nombor lingkungan 1000*. Seminar Kajian Tindakan 2005.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Mc Graw Hill Education
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: MPH Distributor Sdn Bhd.
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). *Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang: MPH Distributor Sdn Bhd.
- Haigh, A. (2016). *Seni Mengajar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Idris, N. (2005). *Pendidikan Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur Utusan Publications & Distributors sdn Bhd.
- Khan, A. R. A. M. (2007). *Guru Sebagai Penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Muhammad Asyraf & Tengku Zawawi (2010). *Mengatasi kelemahan murid Tahun 3 dalam menyelesaikan soalan penambahan kaedah jari dan pelekat berwarna*. Seminar Kajian Tindakan PISMP 2010.
- Muhammad Sofwan & Sapiah (2010). *Meningkatkan kemahiran penambahan dengan mengumpul bagi murid Tahun 2 menggunakan bahan manipulatif 'Straesand Board'*. Seminar Kajian Tindakan PISMP 2010.
- Mok, S. S (2008). *Literatur dan Kaedah penyelidikan*. Ipoh, Perak: Siri Pendidikan guru.
- Philomena J. U. (2012). *Pengaplikasian Teknik 'Belga' (Label dan Garis) Dalam Membantu Murid-Murid Pemulihan Menulis Algoritma dengan Cara Yang Betul*. Seminar Kajian Tindakan 2012.
- Zakaria, E., Nordin, N. M., & Ahmad, S. (2007). *Trend Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn bhd.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
Email: ¹quelynejerry04@gmail.com, ²sabmorcd@yahoo.com

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENAMBAH MELIBATKAN PENGUMPULAN SEMULA MURID PEMULIHAN MELALUI KAEDAH KOTAK TAMBAH

**JASMIN ABEN¹
SAPATOMAH@SABTUYAH BINTI MORSHIDI²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan mengkaji penggunaan kotak tambah untuk meningkatkan kemahiran menambah dengan mengumpul semula dalam kalangan murid pemulihan tahun dua. Kajian tindakan dijalankan berpandukan model Kurt Lewin dan data penyelidikan telah dikumpul melalui ujian, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian. Cara analisis data dilakukan secara kuantitatif. Hasil dapatan kajian tindakan ini menunjukkan peningkatan kemahiran menambah dengan mengumpul semula peserta kajian. Kajian lanjutan boleh dilakukan menggantikan kotak tambah dengan kotak tolak bagi meningkatkan kemahiran menolak melibatkan pengumpulan semula dalam kalangan murid pemulihan. Kata kunci: pendidikan pemulihan, menambah melibatkan pengumpulan semula, kotak tambah.

ABSTRACT

This action research aims to investigate the use of Addition Box to enhance the addition skill by regrouping among second-year remedial students. The action research was conducted based on Kurt Lewin's model and the research data were collected through tests, unstructured interviews and observations. The data analysis was done in a qualitative manner. The findings of this action research showed there is an increase in addition by regrouping the research participants. Further research can be done by replacing the Addition Box with the Subtraction Box to enhance the subtraction skill by regrouping among the remedial students.

Key words: remedial education, addition by regrouping, addition box.

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) menyatakan bahawa Program Pemulihan Khas adalah satu pendidikan yang disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas menulis, membaca dan mengira (3M) yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran. Merujuk kepada surat-surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan oleh Jabatan Pendidikan Khas (1999), guru pemulihan khas diwujudkan semula pada tahun 1995. Namun Progr

pemulihan ini bukanlah satu program yang baharu kerana ianya telah diperkenalkan di Malaysia pada sejak tahun 1960. Program Pemulihan melibatkan dua mata pelajaran asas iaitu Bahasa Melayu dan Matematik.


Bagi memastikan objektif pengajaran tercapai, guru haruslah kreatif dalam membina bahan bantu mengajar dan pemilihan teknik atau strategi pengajaran serta pelaksanaan aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar dan pendekatan pengajaran yang melibatkan deria melihat, mendengar, menyentuh dan gerak kerja murid adalah amat sesuai dilaksanakan dalam kelas Pendidikan Pemulihan khususnya. Aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran haruslah tersusun secara berperingkat.

Melalui pengalaman pengkaji semasa menjalani praktikum fasa pertama di sekolah di mana pengkaji ditempatkan untuk menjalankan Praktikum Fasa Pertama, pengkaji telah membuat pemerhatian berkenaan dengan masalah dalam kalangan murid Pendidikan Pemulihan Khas Tahap Satu yang pengkaji ajar. Seperti yang dikehendaki dalam Program Pendidikan Pemulihan Khas, pengkaji telah melaksanakan Ujian Diagnostik Matematik terhadap murid Pendidikan Pemulihan Khas yang pengkaji ajar bagi mengenal pasti daerah kelemahan murid tersebut. Melalui ujian diagnostik yang telah pengkaji laksanakan, pengkaji mendapati terdapat beberapa murid Pendidikan Pemulihan Khas yang menghadapi masalah dalam menyelesaikan soalan operasi tambah yang melibatkan pengumpulan semula.

Oleh itu, pengkaji memilih untuk melaksanakan satu kajian tindakan untuk melihat keberkesanan penggunaan kotak tambah dalam membantu meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula murid pemulihan. Penggunaan kotak tambah ini diaplikasikan dalam tiga bentuk iaitu dalam bentuk *PowerPoint*, dalam bentuk bahan maujud iaitu papan kotak tambah dan yang ketiga ialah dalam bentuk lembaran kerja. Pengkaji melaksanakan kajian ini bagi menilai keberkesanan penggunaan kotak tambah dalam meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula murid pemulihan.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini ialah penggunaan kotak tambah dalam meningkatkan kemahiran menambah murid pemulihan. Bahan bantu mengajar kotak tambah yang pengkaji bina dalam kajian tindakan ini terdapat dalam dua bentuk. Bahan bantu mengajar kotak tambah yang pertama ialah perisian komputer iaitu *Slide PowerPoint* dan yang kedua iaitu bahan maujud kotak tambah. Pengkaji memilih untuk menggunakan bahan bantu mengajar ini agar murid dapat mengenal apa itu kotak tambah dan penggunaan kotak tambah dalam menyelesaikan soalan operasi tambah. Dalam kotak tambah tersebut, pengkaji meletak nilai tempat satu dan puluh. Rajah 1 merupakan kotak tambah yang digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1. Kotak Tambah

Warna turut digunakan untuk memudahkan murid menggunakan kotak tambah. Hal ini kerana murid pemulihan mempunyai masalah dalam menghafal nilai tempat. Pengkaji berfokus kepada penambahan melibatkan pengumpulan semula nombor dua digit dengan satu digit. Contohnya ialah $25+6=31$. Maka, hanya dua nilai tempat yang digunakan iaitu nilai tempat satu dan puluh. Warna kuning mewakili nilai tempat satu manakala warna hijau mewakili nilai tempat puluh.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Selepas kajian ini dijalankan, murid pemulihan diharapkan dapat mencapai objektif berikut:

- i. Menguasai kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula menggunakan kotak tambah.

Soalan Kajian

- i. Adakah penggunaan kotak tambah mampu meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula murid pemulihan?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap seorang peserta kajian yang terdiri daripada murid pendidikan pemulihan. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan pengumpulan data yang telah pengkaji laksanakan pada minggu pertama praktikum fasa kedua dijalankan. Peserta kajian yang dipilih adalah murid Tahap Satu iaitu murid pemulihan dari Tahun 2. Peserta kajian yang dipilih adalah murid yang lemah dalam penambahan melibatkan pengumpulan semula. Mata pelajaran Matematik pemulihan mempunyai 22 kemahiran. Peserta kajian yang dipilih ini mempunyai masalah untuk menguasai kemahiran 11 iaitu penambahan melibatkan pengumpulan semula. Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji, pengkaji telah memilih seorang murid pemulihan iaitu pelajar lelaki sebagai peserta kajian. Pemilihan peserta kajian ini turut melibatkan perbincangan pengkaji bersama guru pembimbing iaitu guru pemulihan di sekolah tempat pengkaji melaksanakan kajian. Jadual berikut menunjukkan profil ringkas peserta kajian yang telah dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini.

Jadual 1.


Profil Peserta Kajian	
Kriteria	Penerangan
Jantina	Lelaki
Umur	8 Tahun

Kelas	Pendidikan Pemulihan
Kategori	Lewat Pembelajaran
Prestasi Akademik	Menguasai pranombor
Tngkah Laku	-mudah lupa perkara yang telah dipelajari -agak pendiam

Segala maklumat yang diisi pada profil peserta kajian adalah berdasarkan maklumat sedia ada pada fail maklumat peserta kajian. Maklumat ini diperolehi dengan kebenaran daripada guru pemulihan setelah pengkaji meminta persetujuan peserta kajian untuk menjadi sebahagian daripada pelaksanaan kajian ini serta mendapat kebenaran dari ibu bapa atau penjaga peserta kajian.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji menjalankan penyelidikan dengan beberapa langkah-langkah tindakan. Merujuk kepada model kajian Kurt Lewin, penyelidik perlu merancang terlebih dahulu sebelum bertindak dan disusuli dengan langkah memerhati dan mereflek. Langkah ini diulang pada kitaran seterusnya sekiranya kitaran pertama tidak memberi pencapaian seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian. Berikut merupakan model kajian tindakan Kurt Lewin (1946) yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini.



Rajah 2. Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946)

Peringkat pertama ialah merancang. Pada peringkat merancang, pengkaji membuat satu perancangan berkenaan apakah masalah pembelajaran yang pengkaji sedari pada praktikum fasa pertama. Pengkaji telah menetapkan satu masalah pembelajaran yang didapati dari dapatan data awal iaitu masalah menambah melibatkan pengumpulan semula.

Seterusnya pengkaji melaksanakan kajian pada praktikum fasa kedua. Pelaksanaan kajian ini merupakan peringkat bertindak iaitu peringkat kedua berdasarkan model kajian tindakan Kurt Lewin. Berikut merupakan aktiviti bertindak yang dilakukan oleh pengkaji.

- i) Kotak Tambah dalam bentuk *PowerPoint*
- ii) Kotak Tambah dalam bentuk bahan maujud
- iii) Kotak Tambah dalam bentuk lembaran kerja

Peringkat ketiga ialah memerhati. . Setelah pengkaji melaksanakan keempat-empat aktiviti tersebut, pengkaji telah menilai sejauh manakah keberkesanan kajian tindakan yang dilaksanakan oleh pengkaji. Segala hasil kerja peserta kajian telah pengkaji simpan untuk tujuan merekod dan memerhati. Proses memerhati dibuat berdasarkan pengumpulan data. Pengkaji menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu melalui ujian, pemerhatian dan temu bual tidak berstruktur.


Terakhir sekali, pengkaji mereflek. Proses mereflek ini dilakukan setelah kajian dilaksanakan. Melalui data-data yang sudah direkod dan dikumpul pada langkah memerhati, pengkaji telah membuat refleksi. Pengkaji membuat refleksi melalui analisis data yang dibuat setelah mengumpul data. Proses menganalisis data ini telah ditentukan pada langkah merancang iaitu langkah pertama dalam model kajian tindakan Kurt Lewin.

DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan sebanyak dua kitaran. Kitaran pertama menunjukkan perubahan positif dan berjaya menjawab persoalan kajian. Namun pengkaji meneruskan kitaran kedua bagi meningkatkan lagi penguasaan dan kemahiran peserta kajian. Berikut merupakan dapatan kajian yang diperoleh setelah kajian dijalankan sebanyak dua kitaran.

Ujian


Peserta kajian menjawab ujian 1 sebelum kajian dijalankan. Sebelum kajian dijalankan, skor yang diperoleh oleh peserta kajian ialah 10% iaitu hanya satu daripada sepuluh soalan berjaya dijawab dengan betul. Setelah kajian dijalankan, sekali lagi peserta kajian menjawab ujian iaitu ujian 2 yang megandungi soalan yang sama pada ujian 1 sebelum kajian dijalankan. Berikut merupakan grafik hasil skor ujian 1 dan ujian 2 pada Kitaran 1.



Rajah 3. Hasil Markah Ujian 1 dan Ujian 2 Kitaran 1

Berdasarkan grafik tersebut dapat dinyatakan bahawa kajian penggunaan kotak tambah ini berjaya menjawab soalan kajian kerana peserta kajian berjaya meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula kerana telah menunjukkan peningkatan skor sebanyak 30%.

Pada kitaran 2, pengkaji hanya menjalankan ujian 2 iaitu selepas kajian pada Kitaran 2 dijalankan. Hasil Ujian 2 pada Kitaran 1 diguna semula sebagai markah Ujian 1 peserta kajian dalam Kitaran 2. Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji dalam Kitaran 2.



Rajah 4. Hasil Markah Ujian 1 dan Ujian 2 Kitaran 2

Setelah Kitaran 2 dijalankan, peserta kajian menunjukkan banyak peningkatan iaitu sebanyak 50%. Peserta kajian berjaya menjawab 9 daripada 10 soalan penambahan melibatkan pengumpulan semula dengan betul. Berikut merupakan skor ujian setelah kajian dijalankan.

Jadual 2

Hasil Skor Ujian Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Kitaran	Skor		Peratus Kemajuan
	Ujian 1	Ujian 2	
1	10%	40%	30%
2	40%	90%	50%

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dan peningkatan pencapaian peserta kajian setelah Kitaran 2 dijalankan.

Temu Bual Tidak Berstruktur

Pengkaji telah membuat sesi temu bual bersama dengan peserta kajian iaitu sekali pada Kitaran 1 dan sekali pada kitaran 2 dijalankan. Sesi temubual dijalankan setelah kajian dijalankan pada setiap kitaran. Berikut merupakan hasil dapatan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji pada Kitaran 1.

Jadual 3

Hasil Temu Bual Kitaran 1

Bil.	Soalan Pengkaji	Jawapan Peserta Kajian
1.	Adakah kamu sudah dapat menambah melibatkan pengumpulan semula?	Ya.
2.	Bagaimana kotak tambah dapat membantu dan memudahkan kamu menambah melibatkan pengumpulan semula?	Dia asingkan nombor-nombor ikut kotak. Senang nak tambah.
3.	Sebelum kamu diajar tentang penggunaan kotak tambah, adakah kamu dapat menambah melibatkan pengumpulan semula? Kenapa?	Tidak. Sebab nombor tu banyak. Susah mau tambah.

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dilaksanakan, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kotak tambah ini berjaya membantu meningkatkan penguasaan menambah melibatkan pengumpulan semula peserta kajian. Hal ini kerana, jawapan yang diberikan oleh peserta kajian adalah berbentuk positif iaitu mengiyakan bahawa penggunaan kotak tambah telah memudahkan peserta kajian untuk menyelesaikan soalan penambahan melibatkan pengumpulan semula. Manakala, sebelum kotak tambah diperkenalkan peserta kajian menyatakan bahawa peserta kajian tidak dapat menambah melibatkan pengumpulan semula. Berikut adalah hasil temu bual Kitaran 2.

Jadual 4.

Hasil Temu Bual Kitaran 2

Bil.	Soalan Pengkaji	Jawapan Peserta Kajian
1.	Adakah kamu sudah dapat menambah melibatkan pengumpulan semula?	Ya. Saya dapat markah 90% hari itu.
2.	Bagaimana kotak tambah dapat membantu dan memudahkan kamu menambah melibatkan pengumpulan semula?	Ya.
3.	Sebelum kamu diajar tentang penggunaan kotak tambah, adakah kamu dapat menambah melibatkan pengumpulan semula? Kenapa?	Dapat sikit-sikit saja. Tapi sekarang saya dah pandai tambah sebab kotak tambah senang.

Berdasarkan temu bual pada Kitaran 2, respon yang didapati oleh pengkaji adalah positif. Peserta kajian menyatakan bahawa dengan adanya kotak tambah memudahkan proses menyelesaikan soalan penambahan

melibatkan pengumpulan semula. Ketika temu bual pada Kitaran 1 dijalankan, peserta kajian berasa was-was dengan kemampuannya untuk menjawab soalan penambahan. Berbeza dengan situasi ketika temu bual dijalankan pada Kitaran 2 dimana peserta kajian amat yakin dengan kemampuannya untuk menjawab soalan penambahan dengan menggunakan kotak tambah.

Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan setelah kajian dijalankan. Pemerhatian ini dilakukan pada kedua-dua kitaran setelah kajian dijalankan pada setiap kitaran. Berikut merupakan hasil dapatan pemerhatian yang telah dijalankan.

Jadual 5

Hasil Pemerhatian Kitaran 1 dan Kitaran 2

KITARAN 1			
Bil.	Kriteria yang dinilai	Ya	Tidak
1.	Menjawab soalan penambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan.		/
2.	Mampu menambah melibatkan pengumpulan semula tanpa bimbingan.		/
3.	Mempunyai keyakinan diri untuk menjawab soalan penambahan melibatkan pengumpulan semula apabila diajukan soalan di dalam kelas.		/
KITARAN 2			
Bil.	Kriteria yang dinilai	Ya	Tidak
1.	Menjawab soalan penambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan.		/
2.	Mampu menambah melibatkan pengumpulan semula tanpa bimbingan.	/	
3.	Mempunyai keyakinan diri untuk menjawab soalan penambahan melibatkan pengumpulan semula apabila diajukan soalan di dalam kelas.	/	

Berdasarkan Jadual 5 dapat dilihat peningkatan tanda (/) pada ruangan 'ya'. Hal ini merupakan perubahan positif kesan penggunaan kotak tambah yang telah dipelajari oleh peserta kajian. Pada kitaran 1, terdapat tiga (/) pada ruangan 'tidak'. Manakala pada kitaran 2 terdapat peningkatan di mana jumlah (/) pada ruangan 'ya' ialah dua. Peserta kajian didapati dapat menambah melibatkan pengumpulan semula tanpa bimbingan kerana telah berjaya meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian mempunyai

keyakinan diri untuk menjawab soalan penambahan melibatkan pengumpulan semula apabila diajukan soalan di dalam kelas berbanding pada Kitaran 1 dan sebelum kajian dijalankan.

REFLEKSI

Maka disimpulkan bahawa hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif kajian. Penggunaan kotak tambah telah berjaya membantu dalam meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula peserta kajian. Walaupun peserta kajian dipilih dari kumpulan murid pemulihan lewat perkembangan, namun peserta kajian mampu menguasai penambahan melibatkan pengumpulan semula setelah pengkaji menjalankan kajian ini iaitu kajian berkenaan penggunaan kotak tambah dalam meningkatkan kemahiran menambah melibatkan pengumpulan semula.

Daripada dapatan kajian yang dijalankan, kesemua hasil dapatan menunjukkan perubahan yang positif ke atas penggunaan kotak tambah. Kenyataan ini dapat dilihat melalui ketiga-tiga instrumen yang digunakan pada Kitaran 1 dan Kitaran 2. Peserta kajian juga menunjukkan minat mereka terhadap penggunaan kotak tambah kerana kotak tambah memudahkan mereka untuk menyelesaikan operasi tambah. Peserta kajian semakin bersemangat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dan sering meminta pengkaji untuk membina kotak tolak bagi menyelesaikan soalan operasi tolak.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kesan positif penggunaan kotak tambah ini boleh dilihat dalam masa yang cepat jika dibandingkan dengan penggunaan kaedah lazim di dalam kelas. Murid Pendidikan Pemulihan yang mengalami masalah pembelajaran yang lain juga boleh menggunakan kaedah ini dalam pembelajaran mereka. Terdapat beberapa cadangan yang boleh diambil kira untuk menjadikan kajian ini lebih mantap.

Antaranya ialah dari segi bahan pengajaran yang digunakan seperti bahan mautud kotak tambah, slaid *PowerPoint* dan lembaran kerja. Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai mampu memberi impak kepada peserta kajian. Cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan ialah dengan membina satu aktiviti pertandingan untuk menjawab soalan penambahan menggunakan kotak tambah. Dengan adanya aktiviti sebegini peserta kajian akan lebih seronok dan mempunyai perasaan tercabar untuk bertanding dengan rakan yang lain.

Selain itu, kaedah kotak tambah ini boleh diubahsuai untuk topik yang lain dalam mata pelajaran Matematik. Memandangkan penggunaan kotak tambah ini menunjukkan kesan yang positif bagi proses menambah melibatkan pengumpulan semula, pengkaji lain yang ingin menggunakan kaedah ini boleh membina satu kotak tolak sama ada melibatkan pengumpulan semula atau tanpa melibatkan pengumpulan semula.

Dari segi kekangan masa dalam menjalankan kajian akibat kekerapan peserta kajian tidak hadir ke sekolah pula pengkaji boleh mewujudkan satu kaedah. Pengkaji mewujudkan satu kaedah yang mampu memberi motivasi dalam diri peserta kajian untuk hadir ke sekolah. Maka peserta kajian akan sentiasa berusaha untuk menghadiri diri ke sekolah.

Untuk memperoleh kesan yang lebih mendalam dalam pembelajaran, pengkaji yang akan datang perlu menyediakan ruang pembelajaran yang sesuai agar peserta

kajian menjalankan aktiviti dengan selepas. Ruang yang sempit menyebabkan peserta kajian tidak bebas untuk bergerak dan mempengaruhi emosi peserta kajian. Menurut Rohani, nani dan Mohd. Sharani (2008), ruang untuk murid belajar perlu diambil kira dalam menentukan kejayaan dalam pembelajaran. Ruang pembelajaran yang selesa memainkan peranan dalam keberkesanan pembelajaran yang dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Razak Habib & Jamaluddin Badusah (2008). *Penggunaan Komputer Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan, 23, 75-91.
- Ahmad Zulhusni Salleh (2010). *Penggunaan bahan bantu paparan slaid membantu mempertingkatkan minat murid dalam pendidikan Islam tahun 5*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Aszoura binti Muhamed Salleh.(2007). *Keberkesanan Kaedah pembelajaran Komputer (Penggunaan Perisian PowerPoint Interaktif) Terhadap Tingkatan 1*. Diperoleh pada 17 febrauri 2019 daripada <http://www.arijpnj.com/tindak/files/baca.pdf>.
- Gill, J. & Johnson, P. (2010). *Research Methods for Managers*. London: SAGE Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.
- Lachs V.(2007). *Making Multimedia in the Classroom*. Dlm. Muhammad Asyraf Mustaffa (Terj.).Kuala Lumpur:Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Zoraini Wati.(2013). *Komputer dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Pendidikan Pemulihan
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
¹jazzzaben96@gmail.com, ²sabmorcd@yahoo.com

**PENGAPLIKASIAN KAEDAH GABUNGAN BUNYI-KATA
MENGUNAKAN KAD PERKATAAN UNTUK
MEMBANTU KEMAHIRAN AWAL
MEMBACA MURID PEMULIHAN
TAHUN 2**

JULIANA JAMES¹

SITI NOR ROSHASIDAH BINTI DERAMAN²

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan pelaksanaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata (KGBK) menggunakan kad perkataan dalam meningkatkan kemahiran awal membaca. Kemahiran awal membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, dan membaca perkataan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran awal membaca murid bermasalah pembelajaran. Kajian ini dijalankan ke atas 2 orang peserta kajian iaitu murid Pendidikan Pemulihan. Satu kaedah yang dikenali sebagai Kaedah Gabungan Bunyi-Kata telah diaplikasikan oleh pengkaji di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran bersama peserta kajian. Pengkaji menggunakan bahan bantu mengajar iaitu kad perkataan. Instrumen yang digunakan ialah senarai semak, temubual, dan ujian lisan. Hasil kajian menunjukkan program awal bacaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata menggunakan kad perkataan ini mempunyai kesan langsung terhadap kemahiran membunyikan suku kata KV, dan membaca perkataan KV+KV.

Kata kunci : Kaedah Gabungan Bunyi-Kata, kemahiran membaca, pendidikan pemulihan

ABSTRACT

This study investigates the implementation of the Word-Tuning Combined Method (KGBK) using word cards in improving initial reading skills. Early reading skills begin by identify, recognize and pronounce letters, syllables, and how to read the words. This study aims to help improve the early skills of reading for problematic learners. This study was conducted on two participants, which are pupils from remedial education. The method was known as the Sound-Word Combination Method applied by researcher throughout the teaching and learning process. Researcher use teaching aids which are word cards. Instruments used are checklists, interviews, and oral tests. The results of the study showed that the initial reading program of the Sound-Words Combination Method using this word card has a direct impact on the skill of sounding the (KV) syllable, and reading the word (KV + KV)

Key-words : Word-Tuning Combined Method, reading skills, remedial education

PENGENALAN

Mengikut Zaidah (2004) membaca adalah satu aktiviti menterjemah lambang-lambang bercetak kepada bunyi-bunyi yang dimaksudkan. Pendekatan pengajaran awal membaca pula berpegang kepada konsep bahawa pembelajaran mesti bermula dengan unsur-unsur bahasa yang kecil kepada unsur-unsur bahasa yang besar. Misalnya pada peringkat awal kemahiran membaca kanak-kanak seharusnya sudah dapat mengenali dan memahami bentuk, nama, kedudukan dan turutan abjad, seterusnya mereka akan diperkenalkan dengan sebutan atau huruf vokal; sebutan adunan konsonan dan vokal, dan sebutan suku kata konsonan dan vokal.

Berdasarkan kajian Sofia (2012) pengaplikasian Kaedah Gabungan Bunyi Kata untuk membantu kemahiran awal membaca murid pendidikan khas, kajian tersebut berjaya membantu murid pendidikan khas dalam menguasai kemahiran awal membaca. Pengkaji telah mengenal pasti murid yang telah dipilih untuk mengaplikasikan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata ini bagi membantu murid ini membaca dengan lancar.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini bertujuan meningkatkan kemahiran awal membaca menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata menggunakan kad perkataan. Sebelum membaca perkataan KV+KV, peserta kajian akan diajar membunyikan huruf vokal (a, i, dan u) dan huruf konsonan (b, d dan k) dan suku kata KV terlebih dahulu. Perkataan KVKV yang digunakan adalah perkataan yang bermakna dan murid mengenali perkataan tersebut.

Menurut Harun (2006), Kaedah Gabungan Bunyi-Kata pula merupakan satu kaedah pengajaran awal Bahasa Melayu. Kaedah Gabungan Bunyi-Kata ini menggabungkan kaedah fonik dan keseluruhan perkataan secara sistematik dan mengambil kira sistem ejaan Bahasa Melayu yang sistematik dan suku kata yang jelas.

Penggunaan bahan konkrit atau bahan maujud dapat membantu murid pemulihan untuk membaca dengan lebih baik. Dapatan kajian oleh Farah Nur Imaniah (2011) pula menunjukkan bahawa kemahiran penguasaan murid dalam kemahiran membaca juga telah meningkat melalui penggunaan kad perkataan. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian akan memberikan motivasi dan meningkatkan kemahiran membaca murid.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- a) Murid dapat membunyikan suku kata KV dengan betul melalui gabungan bunyi kata.
- b) Murid dapat membaca perkataan KV+KV berdasarkan gabungan daripada suku kata KV+KV menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata.

Persoalan Kajian

- a) Adakah penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata dapat membantu murid membunyikan suku kata KV dengan betul?
- b) Adakah pengaplikasian Kaedah Gabungan Bunyi-Kata membantu murid membaca perkataan KVKV?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini adalah melibatkan 2 orang murid Tahun 2 yang merupakan murid pendidikan pemulihan yang ada mengalami masalah dalam literasi iaitu belum menguasai konstruk 2 yang bermaksud bahawa murid-murid tersebut belum menguasai bacaan perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka KV+KV dan belum dapat mengecam dan membunyi huruf vokal dan konsonan dengan baik. kedua-dua murid mempunyai kebolehan mengenal huruf a hingga z. Apabila diminta membunyikan suku kata KV, peserta kajian mengecam huruf tetapi bunyi suku kata KV yang dihasilkan tidak betul. Hal ini menunjukkan murid keliru dengan nama abjad dan bunyi abjad. Malahan, murid juga belum menguasai kemahiran membunyikan huruf dan membaca perkataan mudah KV+KV.


TINDAKAN KAJIAN YANG DIJALANKAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah merangka dan merancang tindakan untuk mengatasi kelemahan membaca murid melalui Kaedah Gabungan Bunyi-Kata. Namun begitu, dalam merancang suatu rancangan pengajaran. Pengkaji perlu merenung kembali pendekatan-pendekatan dalam amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Hal ini dapat membantu pengkaji membuat refleksi sendiri dan memperbaiki kelemahan yang ada agar dapat memantapkan strategi pengajaran dan pemudahcaraan kelak.

Kaedah yang bakal digunakan dalam penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata ini ialah :

1. Memperkenalkan bunyi vokal mudah (a, i, dan u)
2. Perkenalkan bunyi konsonan mudah seperti 'b'
3. Bentuk suku kata terbuka (KV) daripada seperti 'ba, bi, dan bu'.
4. Bina perkataan dari suku kata terbuka (KV+KV) seperti 'baba, bibi, dan bubu'.
5. Diteruskan dengan huruf konsonan 'd' dan 'k'.

Pengkaji juga menjalankan kajian dengan menggunakan model yang dikemukakan oleh Kurt Lewin. Terdapat banyak kajian yang telah berjaya menyelesaikan masalah dengan menggunakan model ini. Misalnya kajian Jaraee (2015) dengan tajuk kajian "Penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata dengan teknik latih tubi meningkatkan kemahiran membaca bagi murid Tahun 1 (LINUS).



Rajah 1. Model Kurt Lewin

PERINGKAT PERANCANGAN

Setelah mengenal pasti peserta kajian, pengkaji menjalankan ujian lisan semasa sesi PdPc pemulihan untuk mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian. Selepas itu pengkaji mula menyediakan kajian iaitu objektif kajian, menyediakan persoalan kajian, membuat rujukan, alat-alat atau kaedah serta merancang tindakan iaitu langkah pengaplikasian Kaedah Gabungan Bunyi-Kata.

PERINGKAT TINDAKAN

Dalam melaksanakan tindakan, pengkaji menjalankan aktiviti PdPc di dalam kelas pemulihan dengan menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata untuk membantu meningkatkan kemahiran awal membaca peserta kajian. Keseluruhan sesi tindakan ini dijalankan selama 4 minggu iaitu 2 minggu untuk kitaran pertama dan 2 minggu kitaran kedua. Sesi aktiviti dijalankan selama 30 minit sesi PdPc Bahasa Melayu kelas pemulihan. Seterusnya pengkaji merancang langkah-langkah pengajaran menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata ke atas peserta kajian.

PERINGKAT PEMERHATIAN

Pada peringkat pemerhatian Pengkaji telah membuat pemerhatian iaitu membuat semakan ke atas borang senarai semak tentang setiap kebolehan, kemajuan, pencapaian dan perkembangan yang berlaku pada setiap peserta kajian. Sesi temubual berstruktur dijalankan di antara pengkaji dan peserta kajian yang berfokus kepada keberkesanan atau kebaikan menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata dalam aktiviti membaca.

PERINGKAT REFLEKSI

Dalam penulisan refleksi, pengkaji juga akan menyatakan kekuatan dan kelemahan kajian yang dijalankan bagi membuat penambahbaikan lagi sesi PdPc pengkaji yang seterusnya. Jika terdapat kelemahan pada kitaran pertama dan keputusan ujian pos peserta kajian kurang memuaskan, maka penambahbaikan dilaksanakan bagi mengatasi kelemahan yang telah dikenal pasti pada kitaran kedua. Pada kitaran kedua, pengkaji membuat penambahbaikan penggunaan Kaedah

Gabungan Bunyi-Kata dengan berbantuan kad perkataan sebagai bahan bantu mengajar agar lebih menarik bagi mencapai penguasaan peserta kajian yang lebih memuaskan .

1) DAPATAN KITARAN PERTAMA

DAPATAN PEMERHATIAN

Sepanjang kajian dijalankan, pengkaji menjalankan pemerhatian pada setiap kali sesi PdPc dijalankan. Pemerhatian dijalankan dengan melengkapkan borang senarai semak yang mengandungi 5 aspek utama. Berikut merupakan jadual senarai semak yang direkod melalui pemerhatian terhadap peserta kajian semasa PdPc dijalankan:

Jadual 1

Hasil Senarai Semak Pemerhatian (Kitaran 1)

Bil.	Perkara	P1		P2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Peserta kajian dapat mengecam dan membunyikan huruf vokal “a,i,u” dan huruf konsonon “b,d,k”	/			/
2.	Peserta kajian dapat membunyikan 6 daripada 9 suku kata KV dengan betul.	/			/
3.	Peserta kajian dapat membaca sekurang-kurangnya 6 perkataan KV+KV menggunakan KGBK berbantuan kad perkataan.	/			/
4.	Peserta kajian menumpukan perhatian semasa aktiviti dijalankan.	/		/	
5.	Peserta kajian dapat membunyikan huruf, membunyikan suku kata KV dan membaca perkataan KVKV menggunakan KGBK tanpa bimbingan guru.		/		/

Setelah mendapatkan peratusan hasil senarai semak. Pengkaji telah mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Peratus senarai semak peserta kajian 1 ialah 40% iaitu dalam kategori 40%-59%. Ulasan pada jadual kategori ialah “Peserta kajian boleh menguasai Kaedah Gabungan Bunyi Kata dengan bantuan daripada pengkaji.”. Manakala bagi peserta kajian 2 mendapat 20% dalam kategori 0%-39%. Ulasan pada jadual kategori “Peserta kajian belum menguasai sepenuhnya Kaedah Gabungan Bunyi-Kata dan tidak mampu membantu dalam meningkatkan kemahiran awal membaca berbantuan kad perkataan.”. Hasil daripada dapatan kajian pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa persoalan kajian yang pertama dan kedua belum dapat dicapai sepenuhnya. Hal ini kerana peserta kajian

masih belum menunjukkan keyakinan diri sepenuhnya semasa pemerhatian dilaksanakan.

DAPATAN UJIAN LISAN

Pengkaji telah menjalankan ujian lisan pra dan ujian pos kepada dua orang peserta kajian tersebut. Tujuan ujian dijalankan adalah bertujuan bagi melihat keberkesanan kaedah yang dipilih oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji telah menganalisis hasil ujian lisan pra dan ujian lisan pos mengikut peratus (%) berdasarkan huruf, suku kata KV dan perkataan KV+KV yang dibaca betul oleh peserta kajian. Berikut merupakan keputusan tahap pencapaian peserta kajian dalam ujian lisan pra dan ujian lisan pos tersebut :

Jadual 2

Keputusan Ujian Lisan 1 (Kitaran 1)

Perkara yang dinilai	P1	P2
1. Mengecam huruf	5/6	4/6
2. Membunyikan huruf	4/6	3/6
3. Membaca suku kata KV	4/9	3/9
4 Membaca perkataan KV+KV	4/9	2/9
Jumlah	15	12
Peratus (%)	50	40

Setelah tindakan menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata berbantuan kad perkataan dijalankan peserta kajian sekali lagi menjalani ujian pos yang mengandungi isi yang sama dengan ujian pra. Berikut merupakan keputusan peserta kajian dalam ujian pos tersebut :


Jadual 3

Jadual 3 : Keputusan Ujian Lisan 2 (Kitaran 1)

Perkara yang dinilai	P1	P2
1. Mengecam huruf	5/6	4/6
2. Membunyikan huruf	4/6	4/6
3. Membaca suku kata KV	6/9	4/9
4 Membaca perkataan KV+KV	4/9	3/9
Jumlah	19	15
Peratus (%)	63	50

Dapatan dari ujian pos menunjukkan bahawa peserta kajian menunjukkan peningkatan namun masih boleh dipertingkatkan lagi di kitaran 2. Terdapat

peningkatan terhadap pencapaian ujian pos yang dijalankan ke atas peserta kajian tersebut. Berikut merupakan graf peratusan tahap pencapaian ujian pra dan ujian pos :



Rajah 1. Ujian 1 dan Ujian 2 (Kitaran 1)

Berdasarkan rajah keputusan di atas, peningkatan telah berlaku daripada peratus markah ujian 1 dan ujian 2. Bagi peserta kajian 1, hanya 57% yang diperolehi pada ujian 1 berbanding pada ujian 2 yang telah meningkat kepada 63%. Manakala bagi peserta kajian 2, markah bagi ujian 1 ialah 40% dan seterusnya ujian 2, peserta kajian telah memperolehi markah 50%. Berdasarkan hasil dapatan kajian ujian lisan 1 dan ujian lisan 2, pengkaji mendapati bahawa persoalan kajian 1 dan 2 belum tercapai sepenuhnya. Hal ini kerana peserta kajian belum mencapai tahap yang memuaskan pengkaji.

DAPATAN TEMU BUAL

Pengkaji telah menjalankan temubual berstruktur ke atas dua peserta kajian selepas kajian dijalankan. Berikut merupakan soalan beserta jawapan hasil daripada temubual yang telah dijalankan:

Jadual 4

Hasil Temu bual (Kitaran 1)

Bil.	Soalan	P1		P2	
		ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah KGBK dapat membantu kamu mengecam dan membunyikan huruf vokal dan huruf konsonan dengan baik?	/		/	
2.	Selepas menggunakan KGBK, adakah kamu dapat membunyikan suku kata KV dengan mudah? Jika 'Ya' bunyikan suku kata KV (guru minta murid membunyikan	/		/	

beberapa suku kata KV yang ditunjuk oleh guru)

3. Selepas menggunakan KGBK, adakah kamu boleh membaca perkataan KV+KV dengan baik?	/	/
4. Adakah perkataan yang digunakan dalam aktiviti tadi senang atau sukar difahami kamu? ‘Ya’ untuk senang dan ‘Tidak’ untuk sukar.	/	/
5. Adakah kamu suka dan minat membaca dengan menggunakan KGBK berbantuan kad perkataan yang disediakan?	/	/

Setelah mendapat peratusan hasil temubual, pengkaji dapat mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Peratusan hasil temubual bagi peserta kajian 1 ialah 80% iaitu dalam kategori 71%-100%. Ulasan pada jadual kategori ialah “KGBK sangat menarik dan membantu meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf suku kata KV dan membaca perkataan KV+KV”. Manakala hasil temubual peserta kajian 2 ialah 40% iaitu dalam kategori 0%-40%. Ulasan pada kategori ialah “KGBK tidak mampu membantu meningkatkan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf, membunyikan suku kata KV, dan membaca perkataan KV+KV”. Peserta Kajian 2 belum mencapai persoalan kajian.

RUMUSAN KITARAN 1

Terdapat juga kelemahan pada pelaksanaan kitaran 1 iaitu bahan yang digunakan tidak sesuai. Antaranya ialah menukarkan saiz kad perkataan kepada saiz yang lebih besar. Pengkaji masih belum berpuas hati kerana hasil dapatan kajian peserta pada Kitaran 1 belum menunjukkan kesan yang memberangsangkan. Pengkaji membuat penambahbaikan pad kad perkataan pada Kitaran 2. Bagi menunjukkan peningkatan hasil dapatan kajian kepada keputusan yang lebih baik, pengkaji telah melaksanakan kitaran 2.

DAPATAN KITARAN KEDUA

Pada peringkat kitaran kedua ini, pengkaji telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap kelemahan yang telah dikenal pasti di kitaran satu.

DAPATAN PEMERHATIAN

Berikut merupakan jadual senarai yang direkod melalui pemerhatian terhadap peserta kajian semasa kajian dilaksanakan :

Jadual 5


Hasil Senarai Semak Pemerhatian (Kitaran 2)

Bil.	Perkara	P1		P2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Peserta kajian dapat mengecam dan membunyikan huruf vokal “a,i,u” dan huruf konsonon “b,d,k”	/		/	
2.	Peserta kajian dapat membunyikan 6 daripada 9 suku kata KV dengan betul.	/		/	
3.	Peserta kajian dapat membaca sekurang-kurangnya 6 perkataan KV+KV menggunakan KGBK berbantuan kad	/		/	
4.	Peserta kajian menumpukan perhatian semasa aktiviti dijalankan.	/		/	
5.	Peserta kajian dapat membunyikan huruf, membunyikan suku kata KV dan membaca perkataan KVKV menggunakan KGBK tanpa bimbingan guru.	/			/

Setelah mendapatkan peratusan hasil senarai semak. Peserta kajian 1 memperoleh peratus senarai semak 100% manakala peserta kajian 2 memperoleh 80%. Kedua-dua peserta kajian dalam kategori 71%-100%. Ulasan pada jadual kategori ialah “Peserta kajian telah menguasai sepenuhnya Kaedah Gabungan Bunyi-Kata berbantuan kad perkataan dan sangat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf, membunyikan suku kata KV dan membaca perkataan KV+KV dengan baik”.

DAPATAN UJIAN LISAN

Berikut merupakan analisis hasil ujian lisan 1 dan Ujian lisan 2 yang telah dijalankan oleh pengkaji kepada kedua-dua peserta kajian:



Rajah 2. Peratus Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2 (Kitaran 2)

Berdasarkan graf peratusan markah tersebut, dapat dilihat peratus pemarkahan bagi kedua-dua peserta kajian semakin meningkat. Bagi peserta kajian 1, hanya 63% yang diperoleh pada ujian 1 berbanding pada ujian 2 yang telah meningkat kepada 90%. Manakala bagi peserta kajian 2, markah bagi ujian 1 ialah 57% dan seterusnya ujian 2, peserta kajian telah memperoleh markah 80%. Berdasarkan kategori dalam jadual. Peserta kajian 1 dan 2 dalam kategori 80%-100% “Cemerlang”. Peningkatan yang ditunjukkan ini menunjukkan maklum balas yang positif terhadap pengaplikasian Kaedah Gabungan Bunyi Kata yang digunakan oleh pengkaji sepanjang sesi tindakan dan juga proses PdPc. Berdasarkan hasil dapatan kajian ujian lisan 1 dan ujian lisan 2 kitaran 2 pengkaji mendapat bahawa persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2 telah tercapai.

DAPATAN TEMU BUAL

Jadual 6

Hasil Temubual (Kitaran 2)

Bil.	Soalan	P1		P2	
		ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah KGBK dapat membantu kamu mengecam dan membunyikan huruf vokal dan huruf konsonan dengan baik?	/		/	
2.	Selepas menggunakan KGBK, adakah kamu dapat membunyikan suku kata KV dengan mudah? Jika ‘Ya’ bunyikan suku kata KV (guru minta murid membunyikan beberapa suku kata KV yang ditunjuk oleh guru)	/		/	
3.	Selepas menggunakan KGBK, adakah kamu boleh membaca perkataan KV+KV dengan baik?	/		/	
4.	Adakah perkataan yang digunakan dalam aktiviti tadi senang atau sukar difahami	/		/	

	kamu? ‘Ya’ untuk senang dan ‘Tidak’ untuk sukar.		
5.	Adakah kamu suka dan minat membaca dengan menggunakan KGBK berbantuan kad perkataan yang disediakan?	/	/

Setelah mendapat peratusan hasil temubual, pengkaji dapat mengkategorikan keputusan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Peratusan hasil temubual bagi peserta kajian 1 ialah 100% dan peserta kajian 2 ialah 80% iaitu dalam kategori 71%-100%. Ulasan pada jadual kategori ialah “KGBK sangat menarik dan membantu meningkatkan penguasaan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf suku kata KV dan membaca perkataan KV+KV”.

RUMUSAN KITARAN 2

Kesimpulannya, dapatan daripada kajian yang dijalankan pada kitaran 2 ini terbukti menunjukkan bahawa Kaedah Gabungan Bunyi- Kata menggunakan kad perkataan mampu membantu meningkatkan kemahiran awal membaca peserta kajian. Hal ini kerana terdapat peningkatan peratus pemerhatian ujian pos bagi kedua-dua peserta kajian. Selain itu, berdasarkan hasil dapatan pemerhatian dan temubual, KGBK menggunakan kad perkataan ini mampu meningkatkan minat membaca peserta kajian dan menunjukkan bahawa KGBK sangat sesuai untuk mereka. kedua-dua peserta juga telah menunjukkan peningkatan peratusan markah melalui pemerhatian dan temubual dengan begitu baik iaitu mencapai tahap sangat baik berdasarkan ulasan jadual kategori. Maka kedua-dua persoalan kajian telah tercapai.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah menjalankan kajian pengajaran dan pembelajaran secara intensif dengan mengaplikasikan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata terhadap peserta kajian, pengkaji dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang dihadapi.

pengkaji dapat mengetahui beberapa kekuatan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata. Antara kekuatan kaedah membaca ini ialah dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca. Melalui kaedah ini peserta kajian hanya perlu mengingat bunyi huruf, kemudian menggabungkan bunyi huruf dan seterusnya membentuk suku kata KV.

Penggunaan kad perkataan semasa aktiviti PdPc amatlah digalakkan agar murid dapat mengecam dan tahu mengenai bentuk dan bunyi huruf atau membaca perkataan yang digunakan kepada murid untuk belajar. Sehubungan dengan itu penggunaan kad-kad perkataan membantu dalam menarik tumpuan peserta kajian.

Malah, peserta kajian mengalami masalah dalam mengecam dan membunyikan huruf. Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati peserta kajian suka untuk membezakan huruf ‘b’ dan ‘d’ dengan baik. Secara tidak langsung hal ini menyebabkan peserta kajian sukar untuk membunyikan huruf ‘b’ dan ‘d’ dengan betul. Walau bagaimanapun, masalah ini tidak mengganggu dapatan kajian kerana peserta kajian dapat memahami perkataan yang diajar.

Melalui kajian ini, saya mampu untuk mengubah amalan sendiri saya ke arah yang lebih teratur bagi membantu murid menguasai kemahiran awal membaca. Selain

itu, kajian ini bukan sahaja hanya untuk diri saya malah untuk semua guru pemulihan yang mungkin menghadapi masalah serupa atau hampir serupa bagi meningkatkan lagi amalan pedagogi mereka.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian ini hanya terbatas kepada huruf-huruf tertentu sahaja iaitu huruf vokal (a, i, dan u) serta huruf konsonan (b, d, k). Justeru itu, Cadangan yang ingin saya utarakan untuk kajian selanjutnya ialah skop kajian lanjutan pada masa yang akan datang boleh diluaskan dengan mengambil kira skop huruf vokal dan huruf konsonan secara menyeluruh. Contohnya huruf 'a' hingga 'z'. berdasarkan jangka masa yang sesuai. Seterusnya, pengkaji boleh mempelbagaikan lagi aktiviti kemahiran awal membaca. Antaranya ialah membaca ayat mudah. Contohnya "abu ada buku" dan "ini ibu ani". Setelah murid menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KV, pengkaji boleh menyediakan bahan bacaan ayat mudah yang mengandungi perkataan KV+KV.

Pada kajian yang seterusnya, pengkaji ingin membuat penambahbaikan dengan mempelbagaikan bahan bantu mengajar untuk merangsang minat murid pemulihan untuk terus belajar. Pengkaji boleh menyediakan kad imbasan, kad gambar, atau kad huruf dan bahan bacaan yang sesuai digunakan untuk membantu meningkatkan kemahiran membaca murid pemulihan.

RUJUKAN

- Farah Nur Imaniah Mohd Shukri. (2011). Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) teknik KALAM (Kenali Abjad Lantas Arif Membaca) untuk meningkatkan kemahiran membatangkan suku kata dalam kalangan murid-murid Prasekolah SK Tronoh. Kertas projek sarjana yang tidak diterbitkan, IPG Kampus Ipoh, Ipoh.*
- Isahak Harun (2006). Mengkaji Kemahiran Asas Murid-murid Darjah 2 Dari Segi Huruf, Suku Kata Dan Gabungan Bunyi Suku Kata, Tesis M. Ed. Falkuti Pendidikan Universiti Malaysia.*
- Jaraee Jani (2015) Penggunaan Kaedah Gabungan BunyiKata Dengan Teknik Latih Tubi Meningkatkan Kemahiran Membaca Bagi Murid Tahun 1 (LINUS). Sarawak: Penerbit IPG Kampus Sarawak, Miri*
- Sofia Binti Saman. (2012). Pengaplikasian Kaedah Gabungan Bunyi Kata Membantu Kemahiran Awal Membaca Murid Pendidikan Khas. Sarawak: Penerbit IPG Kampus Sarawak, Miri.*
- Zaidah Hj. Othman (2004). Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Melayu Di Peringkat Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Utasan Publications and Distributors Sdn. Bhd.*

*Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
Email: ¹ jamesjuliana49gmail.com, ²sisnor79@yahoo.com*

PENGGUNAAN PAPAN WARNA BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN OPERASI TOLAK DALAM LINGKUNGAN 50 UNTUK MURID PEMULIHAN TAHAP 1

LAWRENCE MARKUS¹

SITI NOR ROSHASIDAH BINTI DERAMAN²

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi membantu murid masalah pembelajaran tahun tiga mengenalpasti operasi tolak dengan mengumpul semula. Kaedah nilai tempat digunakan untuk membantu peserta kajian meningkatkan penguasaan kemahiran menolak dalam bentuk lazim. Kajian juga melihat faktor-faktor motivasi sendiri yang mempengaruhi minat dan sikap peserta kajian terhadap matapelajaran Matematik sebelum intervensi dilaksanakan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Semua data dikumpulkan dan dianalisis melalui alat-alat kajian seperti pemerhatian, analisis dokumen dan temu-bual. Data-data diinterpretasikan secara penulisan naratif, menggunakan peratusan. Pendekatan intervensi dijalankan secara *hands-on*, berperingkat dan ansur maju membolehkan peserta kajian menghubungkan konsep Matematik sedia ada dengan konsep nilai tempat yang baru. Hasil analisis menunjukkan pendekatan intervensi kaedah penggunaan papan warna yang dilaksanakan berjaya membantu meningkatkan tahap penguasaan murid dalam operasi tolak dengan mengumpul semula.

Kata kunci : papan warna, penolakan, motivasi sendiri, bentuk lazim

ABSTRACT

This action research was carried out to help the year three remedial student to enhance on their subtraction operation skill within 50 using the coloured board. The place value in the coloured board was used to help the student to master the subtraction operation in the common form. In addition to that the research also aimed at changing the interest and attitude of the student towards learning Mathematics. All the action research data were collected using the research instruments such as observation, document analysis and interview. The research data analysis was done by transcribing the narratives, calculating the percentages. This action research findings showed that the hands-on, stages and progressive intervention enabled the student in the research to link the existing concept and subtraction operation with the new place value concept. In conclusion the intervention using the coloured board that can be carried out has successfully helped to increase the level of mastery of the student in the subtraction operation by grouping.

Key words : coloured board, subtraction operation, interest, remedial student

Pengenalan

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Semasa Praktikum Fasa II di sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di pinggir bandar, saya ditugaskan untuk mengajar Matematik Tahun Dua dan Tahun Tiga

pemulihan. Saya mendapati kebanyakan murid pemulihan Tahun Tiga tidak dapat menguasai kemahiran penolakan dengan baik. Untuk murid Tahun Dua pula, saya kurang dapat menerangkan konsep pendaraban kepada mereka dengan jelas. Namun, saya amat bersyukur kerana murid-murid di sekolah ini kebanyakannya sopan santun dan tidak melakukan apa-apa yang mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) saya.

Sekolah ini merupakan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan yang terletak di bandar Miri. Jumlah murid dalam setiap kelas adalah dalam lingkungan 30 hingga 40 orang. Kelas Tahun 3B merupakan kelas yang terdiri daripada 38 orang murid. Terdapat 20 orang murid lelaki dan 18 orang murid perempuan. Beberapa orang murid dalam kelas ini agak lemah dalam mata pelajaran Matematik kerana mereka sering tidak hadir ke sekolah. Masalah ini sangat ketara bagi murid yang memasuki program pemulihan. Terdapat tiga orang murid lelaki yang masuk program pemulihan dari kelas ini. Seorang daripada mereka didapati belum dapat menguasai kemahiran penolakan dua digit dengan mengumpul semula.

Fokus Kajian

Dalam penyelidikan tindakan ini, saya menumpukan keprihatinan saya kepada penggunaan papan warna dalam pengajaran penolakan yang melibatkan penolakan dua digit dengan mengumpul semula. Dalam mata pelajaran Matematik, terdapat empat jenis operasi, iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Operasi tambah merupakan operasi yang paling mudah difahami dan dipelajari oleh murid-murid. Masalah timbul apabila murid-murid mula mempelajari operasi tolak. Murid sering kali mencampuraduk atau keliru dengan operasi tolak dan operasi tambah. Kesalahan umum yang sering dilakukan oleh murid adalah mencari hasil tambah pada soalan penolakan ataupun murid hanya tahu menolak nilai kecil daripada nilai besar sahaja.


Selain itu, saya mendapati bahawa murid kehilangan minat untuk menyelesaikan soalan yang disediakan sekiranya nilai yang digunakan untuk menolak lebih daripada 10. Mereka berpendapat bahawa soalan tersebut terlalu susah untuk mereka. Kesilapan juga sering dilakukan sekiranya murid cuai dalam pengiraan. Kaedah jari “counting backward” yang digunakan oleh murid sering menyebabkan murid keliru dan cuai semasa menghitung nilai daripada besar hingga kecil. Murid-murid lebih fasih menghitung nilai daripada kecil hingga besar mengikut susunan yang betul.

Seterusnya, untuk memahami kelemahan murid-murid saya, saya telah menjalani satu temu bual dengan mereka. Melalui temu bual, murid-murid memberi respon bahawa soalan terlalu susah untuk mereka dan menyebabkan mereka kehilangan minat untuk meneruskannya. Masalah ini jelas dilihat melalui lembaran kerja dan latihan dalam buku kerja. Kebanyakan murid tidak membuat kerja rumah yang diberi kerana mereka tidak ada minat untuk menyiapkan kerja tersebut.

Dengan itu, saya telah mengadakan perbincangan dengan guru pembimbing tentang cara untuk mengatasi masalah ini. Guru pembimbing berpendapat bahawa murid-murid berminat untuk belajar sekiranya mereka bergerak. Dengan kata lain ialah penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah aktif. Penggunaan papan warna membolehkan murid untuk melibatkan diri secara aktif

dalam proses P&P dengan menjawab soalan pada papan warna dan bukan hanya mendengar penjelasan guru tanpa membuat apa-apa di tempat duduk masing-masing.

Saya telah memilih seorang murid pemulihan dari kelas Tahun Tiga Bestari sebagai peserta kajian dalam penyelidikan tindakan ini. Murid ini mempunyai masalah dalam pembelajaran seperti menyalin jawapan daripada rakan, sering melakukan kesilapan dalam mencari jawapan, tidak menjawab soalan dalam latihan yang diberi, tidak menyelesaikan soalan-soalan dengan cara yang betul dan tidak membuat latihan yang diberi dalam kelas. Rajah 1 menunjukkan contoh latihan murid berkenaan dan masalah pembelajaran dalam Matematik.



Rajah 1. Kesilapan murid dalam menyelesaikan operasi tolak dengan mengumpul semula.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam operasi tolak dua digit nombor dengan satu digit nombor dengan mengumpul semula.
- (ii) Membantu murid pemulihan untuk meningkatkan minat dan keyakinan diri murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Persoalan Kajian


Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut :

- (i) Adakah penggunaan papan warna dapat membantu murid pemulihan dalam menguasai operasi tolak dua digit nombor dengan satu digit nombor dengan mengumpul semula?
- (ii) Adakah penggunaan papan warna dapat membantu murid pemulihan meningkatkan minat dan keyakinan diri untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Pengkaji memilih menggunakan Gelung Kajian Tindakan bagi Model Kemmis & McTaggart (1988) sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan ini. Terdapat empat langkah dalam kajian tindakan berdasarkan gelungan ini iaitu seperti Rajah 2.



Rajah 2. Gelung Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988)

Pelaksanaan Tindakan

Saya telah menggunakan strategi perwakilan untuk mengajar murid pemulihan cara memahami konsep asas tolak. Saya menggunakan strategi perwakilan adalah untuk membantu murid saya ini agar dapat melihat sendiri perwakilan bagi operasi tolak dan secara tidak langsung murid dapat mengenal hubungan antara konsep yang berkaitan. Ini disokong oleh satu pernyataan seperti di bawah.

“Perwakilan boleh didefinisikan sebagai “Sebarang tatarajah huruf, imej atau objek konkrit yang boleh melambangkan atau mewakili sesuatu yang lain”. Perwakilan adalah perlu bagi pemahaman konsep dan hubungan matematik murid. Perwakilan membenarkan murid untuk mengenal hubungan antara konsep yang berkaitan dan mengaplikasikan matematik kepada masalah yang realistik.”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011)

Saya telah menggunakan perkataan “makan” atau “ambil” untuk mewakili perkataan “tolak”. Penggunaan papan warna untuk mengajar konsep penolakan dapat melibatkan penglibatan murid secara aktif dan langsung. Mereka dapat mengalami sendiri pengalaman mereka menolak dan secara tidak langsung mereka akan membina pengetahuan sendiri mengenai konsep penolakan. Langkah-langkah berikut merupakan langkah pelaksanaan tindakan saya untuk kajian ini.

Langkah 1:

Murid menentukan nilai tempat bagi setiap digit nombor.

Langkah 2:

Pada *place value of Ones*: Murid perlu menentukan sama ada nombor pada bahagian atas cukup untuk menolak nombor pada bahagian bawah.

	Tens	Ones
	2	4
-		6

Nombor di atas

Nombor di bawah

Langkah 3:

Murid melakukan pengumpulan semula bagi soalan Matematik yang perlu. Contohnya, “4 – 6 =” selepas pengumpulan semula akan menjadi “14 – 6 =”

Langkah 4:

Murid menulis semula hasil pengumpulan semula “14-6” ke dalam papan warna dengan mengekalkan warna bagi digit nilai puluh.

	Tens	Ones
	1	14
-		6

Selepas pengumpulan semula

Langkah 5:

Murid menyebut nombor pada bahagian bawah iaitu „6“. Selepas itu, murid meneruskan penghitungan sambil mengeluarkan satu jari per satu jari sehingga nombor yang disebut mencapai nombor pada bahagian atas iaitu „14“.

Langkah 6:

Murid menghitung bilangan jari yang ditunjukkan pada tangan untuk mencari jawapan.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Saya telah memilih seorang murid daripada 3 orang murid pemulihan kelas Tahun 3B. Murid ini merupakan seorang murid yang menghadapi masalah dalam menyelesaikan

soalan berkaitan penolakan pengumpulan semula. Satu sesi temu bual telah dijalankan untuk memahami sebab mereka tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan. Peserta kajian ini dikenal pasti daripada pemerhatian dan lembaran kerja semasa p&p. Hasil temu bual dengan guru pemulihan, beliau menyatakan punca utama masalah ini timbul ialah murid-murid ini kurang memahami konsep asas penolakan dan mereka beranggapan bahawa operasi tolak adalah lebih susah. Selain itu, murid ini selalu termenung jika diberikan lembaran kerja dan sering meniru jawapan daripada kawannya apabila diberikan latihan asas tolak.

Kaedah Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga jenis kaedah untuk mengumpul data bagi penyelidikan tindakan saya iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pengumpulan data yang dilaksanakan perlu mencukupi dan menyeluruh supaya data yang dikumpul berupaya memberi bukti dan sokongan dalam menjawab persoalan-persoalan penyelidikan tindakan saya.

Pemerhatian

Pemerhatian telah dilaksanakan bagi tujuan memerhatikan tingkah laku peserta dalam bilik darjah semasa p&p. Jadual 1 menunjukkan contoh borang rekod pemerhatian yang saya catatkan.

Jadual 1. Contoh borang pemerhatian.

Tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran			
No.	Perkara	Ya	Tidak
1.	Bercakap bersama-sama rakan-rakan		
2.	Memberi respon kepada guru semasa sesi soal jawab		
3.	Murid menumpukan perhatian semasa sesi p&p		
4.	Murid dapat bekerjasama dalam aktiviti kumpulan		
Hasil kerja murid			
1.	Tekun semasa membuat latihan		
2.	Murid berminat menggunakan Papan Warna		
3.	Murid dapat menjawab soalan semasa menggunakan Papan Warna		
4.	Murid dapat memahami konsep asas tolak		

Temu Bual

Bagi mengumpul data untuk menjawab persoalan kajian ini, saya menjalankan temu bual bersama peserta kajian. Jadual 2 menunjukkan contoh borang temu bual.

Jadual 2. Contoh borang temubual.

Bil	Soalan Temu Bual	Jawapan Murid
1	Belajar Matematik senang atau susah?	
2	Adakah anda mahir dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan operasi tolak?	
3	Adakah anda tahu cara menggunakan papan berwarna?	
4	Adakah anda merasakan bahawa penggunaan papan berwarna mudah dipelajari dan difahami?	
5	Suka atau tidak belajar menggunakan papan berwarna?	
6	Adakah anda melibatkan diri secara aktif dalam mengaplikasikan penggunaan papan berwarna untuk menyelesaikan masalah penolakan?	
7	Adakah penggunaan papan berwarna dapat membantu anda menyelesaikan masalah penolakan?	
8	Adakah anda lebih yakin menjawab soalan yang melibatkan penolakan setelah mempelajari penggunaan papan berwarna?	

Analisis Dokumen

Data berbentuk dokumen yang saya gunakan untuk kajian ini ialah lembaran kerja murid. Hasil lembaran kerja mereka disemak dan dianalisis bagi mengesan masalah yang timbul semasa penggunaan papan warna diaplikasikan dalam melakukan penolakan dengan mengumpul semula. Untuk tujuan itu, saya telah menganalisis lembaran kerja murid sebagai data untuk penyelidikan tindakan ini. Jadual 3 menunjukkan contoh kesilapan yang telah dilakukan oleh peserta kajian dalam lembaran kerja.

Jadual 3. Kesilapan peserta kajian dalam Lembaran Kerja 1.

Soalan	Jawapan Peserta Kajian
1	$\begin{array}{r} 16 \\ - 8 \\ \hline 12 \end{array}$
2	$\begin{array}{r} 23 \\ - 4 \\ \hline 21 \end{array}$
3	$\begin{array}{r} 34 \\ - 9 \\ \hline 35 \end{array}$

4		$\begin{array}{r} 42 \\ - 6 \\ \hline 44 \end{array}$	
5		$\begin{array}{r} 44 \\ - 7 \\ \hline 43 \end{array}$	

Cara Menganalisis Data

Bagi data yang telah saya analisis, saya telah masukkan data-data tersebut ke dalam bentuk jadual dan senarai semak. Jadual yang telah saya hasilkan adalah untuk menyusun data-data mengikut bilangan soalan yang dijawab dengan betul per lima. Contohnya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 4: Bilangan Soalan Yang Dijawab Dengan Betul Per Lima.

Bil.	Nama Murid	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul/ 5	
		Lembaran kerja 1	Lembaran kerja 2
1.			
2.			

Seterusnya, senarai semak yang telah saya hasilkan adalah bagi merekod tingkah laku murid semasa proses p&p dilaksanakan. Jadual 5 menunjukkan senarai semak pemerhatian tingkah laku murid semasa proses p&p.

Jadual 5: Borang Pemerhatian.

Tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran			
No.	Perkara	Ya	Tidak
1.	Bercakap bersama-sama rakan-rakan		
2.	Memberi respon kepada guru semasa sesi soal jawab		
3.	Murid menumpukan perhatian semasa sesi p&p		
4.	Murid dapat bekerjasama dalam aktiviti kumpulan		
Hasil kerja murid			
1.	Tekun semasa membuat latihan		
2.	Murid berminat menggunakan Papan Warna		
3.	Murid dapat menjawab soalan semasa menggunakan Papan Warna		
4.	Murid dapat memahami konsep asas tolak		

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian saya mendapati melalui penggunaan papan warna ini murid berjaya menguasai penolakan dengan mengumpul semula. Jika dibandingkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul per lima semasa tinjauan awal dan tinjauan akhir, murid pemulihan banyak menunjukkan peningkatan. Jadual 5 menunjukkan perbandingan tinjauan awal dan tinjauan akhir. Jadual 6 pula menunjukkan peningkatan penguasaan penolakan murid melalui tinjauan dua kali lembaran kerja yang diberikan.

Jadual 6: Perbandingan Tinjauan Awal dan Tinjauan Akhir.

Nama murid	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul	
	Tinjauan awal (Lembaran kerja 1)	Tinjauan akhir (Lembaran kerja 2)
Peserta 1	0	4


Jadual 7. Peningkatan Penguasaan Penolakan Murid

Nama murid	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul/5	
	Lembaran kerja 1	Lembaran kerja 2
Peserta 1	0/5	4/5

Melalui lembaran kerja yang diberikan kepada peserta kajian telah menunjukkan peningkatan yang positif iaitu dapat memahami konsep penolakan dengan pengumpulan semula. Ini menunjukkan penggunaan papan warna saya berjaya meningkatkan murid saya dalam memahami dan menguasai penolakan dengan pengumpulan semula. Malah melalui pemerhatian saya, peserta kajian saya juga suka menggunakan papan warna ini dengan menunjukkan reaksi ceria.


Seterusnya, peserta kajian telah menyatakan bahawa dia mempunyai keyakinan untuk menjawab soalan yang melibatkan penolakan dengan menggunakan papan berwarna. Pengkaji juga mendapati bahawa peserta kajian lebih seronok belajar secara berkumpulan kerana dia dapat berinteraksi dengan rakan-rakannya yang lain dengan baik dan berkesan. Peserta kajian dapat menyelesaikan masalah penolakan dengan jawapan yang lebih tepat dengan menggunakan papan berwarna. Carta pai dalam Rajah 2 menunjukkan peningkatan yang positif terhadap jawapan murid berkaitan minat dan keyakinan dirinya menggunakan papan warna melalui temu bual.

Rajah 2. Carta pai jawapan murid.




Melalui pemerhatian pula, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian bersungguh-sungguh dalam menyiapkan lembaran kerja yang diberikan tanpa meniru jawapan daripada rakan-rakannya. Peserta kajian juga sangat berminat menggunakan papan berwarna dalam menyelesaikan masalah penolakan dua digit nombor dengan satu digit nombor dengan mengumpul semula. Carta pai dalam Rajah 3 menunjukkan perubahan yang positif dalam tingkahlaku peserta kajian semasa pdp.

Rajah 3. Carta pai tingkahlaku murid (minat).



Seterusnya, carta pai dalam Rajah 4 menunjukkan perubahan yang positif dalam hasil kerja peserta kajian semasa pdp.

Rajah 4. Carta pai hasil kerja murid.



REFLEKSI DAPATAN

Refleksi Dapatan

- Adakah penggunaan papan warna dapat membantu murid pemulihan dalam menguasai operasi tolak dua digit nombor dengan satu digit nombor dengan mengumpul semula?

Sebelum melaksanakan kajian ini, saya telah menggunakan kaedah yang biasa seperti penggunaan jari untuk pengiraan operasi asas tolak kepada murid pemulihan. Selain daripada itu, saya juga turut menggunakan dekak-dekak untuk membina kefahaman mereka. Tambahan pula, saya juga memberikan beberapa lembaran kerja kepada mereka. Namun, masih ada juga murid yang kurang memahami penolakan dengan pengumpulan semula ini. Mereka seringkali menambah dua nombor bagi operasi tolak yang diberikan.

Melalui penggunaan papan warna ini, peserta kajian didapati sangat menyukai penggunaan teknik ini. Selain daripada itu, teknik ini juga memberikan kesan kepada murid pemulihan dalam pembelajaran penolakan dengan mengumpul semula. Kajian ini merupakan satu peluang yang baik kepada mereka untuk meneroka satu konsep penolakan yang berlainan daripada yang diajar dalam buku teks. Daripada data-data yang telah saya kumpul dan dianalisis, peserta kajian menunjukkan perkembangan dalam pemahaman penolakan dengan pengumpulan semula. Mereka telah dapat menyelesaikan masalah penolakan dengan pengumpulan semula menggunakan papan warna jika dibandingkan sebelum kajian dijalankan.

- Bagaimanakah penggunaan papan warna dapat membantu murid pemulihan meningkatkan minat dan keyakinan diri untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran?

Dari segi motivasi pembelajaran pula, penggunaan papan warna ini telah meningkatkan motivasi murid pemulihan ini untuk belajar topik tolak. Pada mulanya, saya perhatikan mereka kurang berminat belajar terutamanya topik tolak, malah semasa diberikan latihan, mereka lebih banyak termenung dan melengahkan masa. Oleh itu, saya telah mencari ilham dan membina inovasi baru dengan membina papan warna agar dapat menarik minat mereka dan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi pdp. Peserta kajian yang terdahulunya sering termenung apabila diberikan lembaran kerja, kini dia telah tekun menjawab lembaran kerja yang diberikan kepadanya dengan adanya papan warna digunakan oleh mereka untuk mengira jawapan. Jelasnya, kaedah ini telah memupuk minat mereka dan secara tidak langsung telah meningkatkan pemahaman mereka terhadap penolakan. Apabila mereka membuat latihan dengan menggunakan papan warna, mereka dapat bermain sambil mengira jawapan bagi latihan yang diberikan.

Sepertimana yang kita ketahui, tumpuan murid-murid adalah singkat dan mereka lebih berminat untuk bermain. Oleh itu, penggunaan papan warna ini dapat membantu mereka dalam menguasai penolakan dengan pengumpulan semula. Tambahan pula, mereka sangat menyukai warna kuning dan merah yang saya gunakan untuk membina papan warna.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Tiga kajian lanjutan yang dicadangkan adalah seperti dalam senarai berikut :

- i. Penggunaan Papan Warna Dalam Pengajaran Operasi Darab Dalam Bentuk Lazim.
- ii. Penggunaan Papan Warna Dalam Pengajaran Literasi Memadankan Suku Kata Bagi Membina Satu Perkataan Yang Bermakna.
- iii. Kajian Penggunaan Papan Berwarna Bagi Mengajar Bentuk Lazim Terhadap Murid Lelaki dan Murid Perempuan.

RUJUKAN

- Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 2*. Cetakan Pertama 2011. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kamarul Azmi Jasmi, A. H. (2011). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Johor Darul Takzim: Penerbit UTM Press Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, (2011) Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran, Johor Darul Takzim: Penerbit UTM Press Universiti Teknologi Malaysia, ms 131.
- Kemmis & McTaggart. (1988). dalam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. *Manual Kajian Tindakan*. Kuala Lumpur: Penerbit BPPDP, KPM.
- OTHMAN, M. B. (2009). PENGGUNAAN WARNA DAN SIMBOL (W&S) DALAM KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF JAWI BAGI TAHUN 3. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012, ms127-140.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
Email: ¹ozhiel726@gmail.com, ²sisnor79@yahoo.com

PENGGUNAAN DOH DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGENAL DAN MENGECEM HURUF KECIL

**LESLIE VANDER ANAK BEYAR¹
PUAN SITI NOR ROSHASIDAH BINTI DERAMAN²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf kecil dalam kalangan murid pemulihan melalui aktiviti membentuk huruf menggunakan doh. Fokus kajian merujuk kepada murid pemulihan yang masih belum mengenal dan mengecam bentuk huruf secara konsisten. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat sejauh manakah minat-murid dapat ditingkatkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan lima orang murid Tahun 1 yang agak lemah untuk mengenal dan mengecam huruf. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen. Tiga kaedah iaitu pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Pemerhatian dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian sebagai senarai semak. Soal selidik pula diberikan kepada guru Pemulihan Khas dalam bentuk borang untuk ditandakan semasa pengkaji menjalankan tindakan terhadap murid manakala analisis dokumen adalah berdasarkan hasil bagi Ujian 1 (Ujian Awal) dan Ujian 2 (Ujian Akhir) berserta lembaran kerja. Kajian yang dijalankan adalah berpandukan kepada Gelung Kajian Tindakan Kemmis dan MacTaggart (1988) yang menggunakan empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kajian ini melibatkan dua kitaran iaitu Kitaran 1 dan Kitaran 2. Kesimpulannya, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa penggunaan doh dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dapat meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf dalam kalangan murid pemulihan.

Kata kunci: Doh, mengenal dan mengecam huruf, pemerhatian, soal selidik, analisis dokumen

ABSTRACT

This action research was conducted to enhance the skill of recognizing and identifying of letters among remedial education pupils through activity of forming letters by using dough. The problem of this research is based on the pupils that still have difficulty in recognizing and identifying the form of letters well and consistently. This research also being conducted to see how far pupils' interest can be improved in malay language learning by the application of dough. Five pupils from Year 1 class were involved in this research which have difficulty in recognizing and identifying letters. Three methods such as observation, questionnaire and analysis of documents have being used to run this research. Observation have been done by using observation form as a checklist. Questionnaire have been distributed to Remedial Education teacher in the way of form meanwhile the analysis of documents is based on Test 1 (Early Test) dan Test 2 (Final Test) and also worksheets that have been given to the pupils. This research was conducted based on The Kemmis and McTaggart (1988) Action Research Spiral/Cycle which use four procedures starting from make a plan, act, observe and reflect. This research have two cycles that is Cycle 1 and Cycle 2. As a conclusion, the findings of this research shows that the usage of dough in learning and facilitating of studying letters can be enhance.

Key words: Dough, recognizing and identifying letters, observation, questionnaire, analysis of documents.

PENGENALAN

Program Pendidikan Pemulihan Khas (PPPK) diperkenalkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk memberi penguasaan literasi Bahasa Melayu dan numerasi dalam kalangan murid di peringkat awal bagi membolehkan murid berkomunikasi dan menimba ilmu pengetahuan (Mohd Asnorhisham & Abdul Rahim, 2017). Guru yang membimbing murid yang dikategorikan sebagai murid pemulihan khas dilatih sepenuhnya bagi membantu perkembangan murid pemulihan. Sebelum menguasai kemahiran membaca, adalah penting bagi mereka menguasai kemahiran mengenal serta mengecam huruf (Felicia Michael, 2012). Ini adalah kerana perkataan dibina melalui huruf-huruf.

Menurut Mazira Mohamad Ghazali (2015) kesukaran utama yang dihadapi oleh seseorang yang bermasalah pembelajaran adalah untuk mengingat dan mengenal abjad serta konfigurasi perkataan. Apabila seseorang murid sukar mengenal huruf maka adalah lebih sukar untuk mereka beralih ke peringkat yang seterusnya.

Mengenal huruf ialah proses yang mana murid tahu bentuk huruf yang ditunjukkan oleh orang lain kepada mereka manakala mengecam huruf ialah murid dapat mengenal pasti huruf berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh mereka dari aspek bunyi sebutan.

Menurut Punkoney (2015), mengenal huruf adalah penting bagi kanak-kanak yang baru mula membaca bagi mengetahui bagaimana sesuatu teks mempunyai perkaitan dengan bahasa lisan. Oleh itu, penguasaan huruf adalah penting bagi membolehkan pembelajaran mengenai bunyi huruf seronok dalam kalangan murid.

Menurut Bilodeau (2012), dua kemahiran yang perlu ditekankan dalam diri seseorang kanak-kanak ialah kemahiran membentuk dan mengenal huruf. Hal ini kerana tanpa kedua-dua kemahiran tersebut seseorang kanak-kanak mengalami kesukaran untuk membaca. Proses pembelajaran yang melibatkan pergerakan motor halus seperti menggentel untuk membentuk doh dapat memberi peluang kanak-kanak melibatkan diri dalam kemahiran manipulatif (Nor Hashimah & Yahya, 2003 dalam Noor Aini & Nur Liyana, 2015).

Menurut Saayah Abu (2007), doh merupakan objek yang terbaik bagi membentuk dan membina huruf. Melalui kajian ini, penggunaan doh semasa murid membentuk huruf dapat meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf. Menurut Goodwin (2008), semua aktiviti yang merangsang deria murid dan melibatkan deria sentuhan dapat meningkatkan perkembangan kognitif seseorang murid.

Hasil kajian Aliza Ali & Zamri Mahamod (2016) menunjukkan penggunaan bahan seperti doh berupaya membantu murid menguasai konsep huruf dengan baik dan modul yang mengandungi pelbagai aktiviti permainan berpotensi digunakan di prasekolah. Hasil kajian ini dikuatkan lagi oleh kajian Noor Aini & Nur Liyana (2015) yang mendapati bahawa aktiviti yang menggunakan doh sesuai untuk mengajar kemahiran mengenal huruf.

FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan mengenai penggunaan doh dilaksanakan pengkaji ini adalah tertumpu kepada lima orang murid yang tidak mengenal dan mengecam huruf. Penggunaan doh ini hanya digunakan untuk membentuk huruf kecil. Menurut Mohd Firdaus Razlan & Fariza Khalid (2017) kemahiran mengecam huruf adalah sangat penting bagi kanak-kanak agar mereka tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran mereka. Menurut

beliau juga, penggunaan objek yang dibina dalam kajian pengkaji ini menggunakan doh yang dihasilkan sendiri adalah bagi meningkatkan pencapaian murid yang dikesan tidak dapat mengenal dan mengecam huruf.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif:

- a) Menenal dan mengecam huruf menggunakan doh dalam kalangan murid pemulihan.
- b) Meningkatkan minat murid pemulihan dalam pembelajaran bahasa Melayu dengan aktiviti menggunakan doh.

Soalan kajian:

- a) Adakah aktiviti menggunakan doh dapat membantu murid pemulihan mengenal dan mengecam huruf?
- b) Adakah minat murid pemulihan dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat ditingkatkan dengan aktiviti menggunakan doh?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian adalah terdiri daripada lima orang murid. Kesemua murid bersekolah di Sekolah Kebangsaan Matahari (bukan nama sebenar) yang terletak di kawasan Miri. Peserta kajian adalah murid lelaki dari Tahun 1 Efisien. Berdasarkan hasil kerja murid, 3 daripada mereka ialah murid yang sederhana manakala yang 2 orang lagi ialah murid yang agak lemah. Pengkategorian ini juga turut disokong oleh guru pemulihan mereka.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menjalankan beberapa langkah menggunakan model Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988). Dalam Gelung Kajian tersebut ada empat langkah yang digunakan iaitu merancang (plan), bertindak (act), memerhati (observe) dan mereflek (reflect). Tindakan dimulakan dengan pengkaji memberikan Ujian 1. Ujian tersebut mengandungi lapan jenis huruf yang bertujuan untuk menguji kemahiran mengenal dan mengecam huruf. Selepas itu, pengkaji menunjukkan cara membentuk beberapa huruf menggunakan doh di atas meja sambil diperhatikan oleh murid. Kemudian, pengkaji membiarkan contoh tersebut berada di hadapan murid untuk menjadi panduan kepada murid. Seterusnya, pengkaji menyebut huruf secara lisan dan murid harus membentuk huruf tersebut menggunakan doh. Pengkaji memilih huruf secara rawak untuk dibentuk oleh murid menggunakan doh. Setelah itu, pengkaji memberi kebebasan kepada murid untuk membentuk mana-mana huruf. Tujuan pengkaji adalah untuk menilai sejauh mana doh mampu membantu murid meningkatkan kefahaman mereka dalam kemahiran mengenal dan mengecam huruf. Tindakan ini dijalankan selama 2 minggu bagi setiap

kitaran. Keseluruhannya ada 4 minggu bagi kedua-dua kitaran. Pengkaji perlu memberikan lembaran kerja dan Ujian 2 untuk mengenal pasti sama ada membentuk huruf menggunakan doh dapat meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf dalam diri murid.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian dijalankan oleh pengkaji menggunakan borang senarai semak. Borang senarai semak yang digunakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mengesan sejauh manakah penglibatan murid Pemulihan Khas dapat dinilai semasa di dalam kelas Pemulihan Khas. Dalam instrumen tersebut terdapat 8 perkara yang perlu ditandakan oleh pengkaji berdasarkan prestasi tingkah laku murid di dalam kelas Pemulihan Khas.

Dalam senarai Semak Individu Instrumen Penilaian Penglibatan Murid dalam Kelas Pemulihan Khas untuk Kitaran 1 menunjukkan hanya murid E yang mempunyai tingkah laku yang baik semasa tindakan dijalankan manakala murid A, B, C dan D mempunyai tingkah laku yang negatif seperti mengganggu rakan-rakannya yang lain dan juga melakukan kerja lain semasa tindakan dijalankan. Dalam senarai Semak Individu Instrumen Penilaian Penglibatan Murid dalam Kelas Pemulihan Khas untuk Kitaran 2 murid E masih mengekalkan tingkah laku yang positif seperti di kitaran 1. Murid A, B dan C menunjukkan perubahan tingkah laku yang negatif ke positif. Hanya murid D yang masih menunjukkan masalah tingkah laku yang negatif.

Jadual 1

Senarai Semak Individu Instrumen Penilaian Penglibatan Murid dalam Kelas Pemulihan Khas untuk Kitaran 1 dan 2

Bil.	Item	Murid				
		A	B	C	D	E
1.	Murid menunjukkan wajah yang ceria semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)	/	/	/	/	/
2.	Murid bersemangat untuk bertanyakan soalan semasa PdPc berlangsung			/	/	/
3.	Murid bersemangat untuk menjawab soalan semasa PdPc berlangsung			/		/
4.	Murid melibatkan diri secara aktif dalam PdPc	/	/	/	/	/
5.	Murid kelihatan seronok dan tidak sabar untuk meneruskan pembelajaran	/	/	/	/	/
6.	Murid melibatkan diri semasa aktiviti kumpulan		/	/		/
7.	Murid tidak mengganggu rakan yang lain					/
8.	Murid tidak membuat kerja lain					/

Bil.	Item	Murid				
		A	B	C	D	E
1.	Murid menunjukkan wajah yang ceria semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)	/	/	/	/	/
2.	Murid bersemangat untuk bertanyakan soalan semasa PdPc berlangsung	/	/	/	/	/
3.	Murid bersemangat untuk menjawab soalan semasa PdPc berlangsung	/	/	/		/
4.	Murid melibatkan diri secara aktif dalam PdPc	/	/	/	/	/
5.	Murid kelihatan seronok dan tidak sabar untuk meneruskan pembelajaran	/	/	/	/	/
6.	Murid melibatkan diri semasa aktiviti kumpulan	/	/	/		/
7.	Murid tidak mengganggu rakan yang lain		/			/
8.	Murid tidak membuat kerja lain	/	/	/		/

Soal selidik dalam kajian ini ada dua jenis iaitu dengan menggunakan borang soal selidik 1 dan 2. Borang soal selidik 1 digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru Pemulihan Khas mengenai murid-murid Pemulihan Khas yang dijadikan sebagai peserta kajian manakala borang soal selidik 2 digunakan untuk mengenal pasti sejauh manakah penggunaan doh dalam pembelajaran dapat meningkatkan minat murid untuk belajar. Borang soal selidik 1 diberikan kepada guru Pemulihan Khas kerana guru tersebut merupakan individu yang paling dekat dengan murid di sekolah. Guru Pemulihan juga sudah mempunyai semua maklumat yang diperlukan mengenai murid-murid tersebut sebelum dimasukkan di dalam kelas Pemulihan Khas. Guru Pemulihan Khas ialah orang yang paling sesuai untuk diberikan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat murid.

Dalam soal selidik 1, tiga orang murid menunjukkan sedikit peningkatan iaitu murid A, B dan D bagi sesuatu item. Murid C dan E pula menunjukkan pengekaln pencapaian bagi setiap item. Murid A menunjukkan peningkatan bagi item 1 iaitu meningkat dari skala 2 ke skala 3. Murid B menunjukkan peningkatan bagi item 6 iaitu dari skala 2 ke skala 3. Murid D pula menunjukkan peningkatan bagi item 4 iaitu dari skala 1 ke skala 2. Peningkatan skala tersebut menunjukkan bahawa ada berlakunya peningkatan yang positif bagi sesuatu item yang mereka telah berjaya capai. Ketiga-tiga murid ini tidak menunjukkan peningkatan yang agak banyak kerana hanya satu item sahaja yang mereka dapat capai untuk tunjukkan peningkatan. Murid C dan E mempunyai tahap kognitif yang agak baik kerana dapat mengekalkan pencapaian mereka bagi item-item tersebut dan tidak menunjukkan sebarang penurunan skala.

Jadual 2

Bilangan item yang dicapai oleh murid dalam soal selidik 1 berserta peratus bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Murid	Item									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

A		2	3	3	3	3	3	1	3	3	3
B		3	3	3	3	3	2	2	2	3	2
C	Skala	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3
D		1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
E		3	3	3	3	3	3	3	3	3	3

Murid	Item									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
A	3	3	3	3	3	3	1	3	3	3
B	3	3	3	3	3	3	2	2	3	2
C	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3
D	1	1	1	2	1	1	1	1	1	1
E	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3

Jadual 3 merupakan item yang berjaya dicapai oleh murid dalam soal selidik 2 bagi kedua-dua kitaran untuk mengukur minat murid terhadap penggunaan doh dalam mempelajari huruf kecil.

Dalam kitaran 1, murid A dan D tidak berminat terhadap tindakan yang dijalankan pengkaji menggunakan doh. Murid B, C dan E menunjukkan minat pada tahap yang sederhana terhadap tindakan yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Dalam kitaran 2, murid A, B, C dan E menunjukkan minat yang tinggi dalam tindakan yang telah dijalankan oleh pengkaji menggunakan doh. Murid D pula masih berada pada tahap yang kurang menyukai terhadap tindakan pengkaji yang menggunakan doh.

Jadual 3

Bilangan item yang dicapai oleh murid dalam soal selidik 2 beserta peratus bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil.	Murid	Bilangan item yang dicapai	Peratus
1.	A	0/6	0%
3.	B	2/6	33%
3.	C	3/6	50%
4.	D	0/6	0%
5.	E	2/6	33%

Bil.	Murid	Bilangan item yang dicapai	Peratus
1.	A	5/6	83%
3.	B	5/6	83%
3.	C	6/6	100%
4.	D	1/6	17%
5.	E	6/6	100%


Analisis dokumen dilakukan apabila telah mentadbir Ujian 1 (awal) dan Ujian 2 (akhir) terhadap murid-murid. Analisis dokumen seperti lembaran kerja juga diambil kira sebagai eviden mengenai masalah yang dialami oleh murid. Jadual 4 menunjukkan perbezaan peratus yang diperolehi oleh setiap murid untuk Ujian 1 (awal) dan Ujian 2 (akhir).


Dalam Ujian 1 dan Ujian 2, murid dikehendaki untuk menulis 5 huruf vokal (a, e, i, o dan u) dan 3 huruf konsonan yang mempunyai ekor (g, j dan y) berdasarkan huruf yang disebut oleh pengkaji secara rawak. Rasional pengkaji meminta murid menulis huruf secara rawak adalah kerana untuk mengukur tahap pemahaman dan ingatan murid setelah tindakan dijalankan menggunakan doh dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan doh membantu murid dalam meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf kecil dalam kalangan murid pemulihan.

Data dianalisis ke dalam bentuk jadual sebelum diterjemahkan dalam bentuk carta bar. Data tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk carta bar adalah untuk memudahkan pengkaji dan pihak yang berkaitan untuk mengesan peningkatan yang telah ditunjukkan oleh murid dalam menilai keberkesanan penggunaan doh dalam membantu murid pemulihan mengenal dan mengecam huruf kecil.

Jadual 4

Perbezaan peratus Ujian 1 dan Ujian 2 bagi kitaran 1 dan 2





Dalam lembaran kerja pula, murid dikehendaki untuk memadankan huruf-huruf yang sama. Misalnya, huruf kecil 'a' pada bahagian kiri kertas dipadankan dengan huruf kecil 'a' pada bahagian kanan kertas.

Jadual 5

Hasil markah lembaran kerja murid bagi Kitaran 1 dan 2

Bil.	Murid	Bilangan jawapan yang betul	Markah (%)
1.	A	8/8	100
2.	B	8/8	100
3.	C	8/8	100
4.	D	6/8	75
5.	E	8/8	100

Bil.	Murid	Bilangan jawapan yang betul	Markah (%)
1.	A	8/8	100
2.	B	8/8	100
3.	C	8/8	100
4.	D	8/8	100
5.	E	8/8	100

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah menjalankan dua kitaran pelaksanaan bagi kajian tindakan ini, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua objektif kajian yang telah berjaya dicapai. Objektif kajian yang dapat dicapai ialah murid pemulihan dapat mengenal dan mengecam huruf menggunakan doh. Objektif kedua yang dapat dicapai ialah minat murid pemulihan dalam Bahasa Melayu dapat ditingkatkan dengan aktiviti menggunakan doh. Dalam

kitaran pertama, murid-murid tersebut masih kurang menunjukkan minat untuk membentuk huruf menggunakan doh bagi membantu mereka mengenal dan mengecam huruf. Berbanding kitaran pertama, murid menunjukkan minat serta penglibatan yang lebih baik dalam kitaran kedua.

Melalui Ujian 1 dan Ujian 2 yang telah dijalankan, dalam kitaran pertama murid menunjukkan pencapaian dalam tahap yang memuaskan sahaja manakala dalam kitaran kedua murid menunjukkan pencapaian dalam tahap yang baik. Kesimpulannya, hanya empat daripada lima orang murid yang berjaya mencapai kedua-dua objektif yang ditetapkan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan yang ingin pengkaji utarakan bagi kajian selanjutnya ialah membentuk huruf vokal sahaja dengan menggunakan doh. Cadangan yang kedua ialah pastikan bilangan murid yang menjadi peserta kajian adalah sedikit. Hal ini demikian kerana murid yang menjadi peserta dalam kajian ini ialah murid pemulihan bukannya murid perdana. Cadangan yang ketiga ialah guru Pemulihan Khas perlu dilibatkan sekali semasa menjalankan kajian terhadap murid. Hal ini adalah untuk mengelakkan wujudnya tingkah laku murid yang negatif di dalam kelas Pemulihan Khas yang boleh menyebabkan pembelajaran terganggu. Cadangan yang terakhir ialah boleh menggunakan instrumen lain seperti rakaman audio dan video untuk mengukuhkan lagi objektif kajian. Cadangan ini dikemukakan adalah kerana objektif utama kajian ini adalah untuk bagi murid mengenal dan mengecam huruf menggunakan doh. Sebagai rumusnya, cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat diambil perhatian oleh pengkaji seterusnya yang akan menggunakan doh dalam penyelidikannya demi memastikan penyelidikan yang dijalankan adalah kukuh dan mantap.

RUMUSAN

Sebagai rumusnya, penggunaan doh dalam kalangan murid pemulihan dapat meningkatkan kemahiran mengenal dan mengecam huruf. Hal ini kerana aktiviti membentuk doh dapat merangsang kemahiran psikomotor yang secara langsung akan membantu murid mengingat huruf yang telah mereka bentuk melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung mereka dalam aktiviti tersebut.

RUJUKAN

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2016). *Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran bahasa melayu kanak-kanak prasekolah*. Diperoleh dari <http://journalarticle.ukm.my/9863/1/105-207-1-SM.pdf>
- Bilodeau, K. (2012). *Hand-on strategies to help assist children in letter formation and letter recognition*. Thesis. St. John College. Diperoleh dari https://fisherpub.sjfc.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=&httpsredir=1&article=1223&context=education_ETD_masters
- Felicia Michael. (2012). *Biskut huruf meningkatkan prabacaan*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PRA/8.%20Felicia.pdf>
- Goodwin, P. M. (2008). *Sensory experiences in the early childhood classroom: teachers' use of activities, perceptions of the importance of activities, and barriers to implementation*. Oklahoma: Graduate College. Diperoleh dari <http://digital.library.okstate.edu/etd/umi-okstate-2706.pdf>

- Mazira Mohamad Ghazali. (Mei, 2015). *Masalah disleksia*. Diperoleh dari <https://www.majalahsains.com/penyakit-disleksia/>
- Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Hamdan. (2017). *Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam program pemulihan khas bahasa melayu*. Diperoleh dari <http://journalarticle.ukm.my/10414/1/134-258-1-SM.pdf>
- Mohd Firdaus Razlan & Fariza Khalid. (2017). *Penggunaan bahan ilustrasi objek padanan abjad (ioap) bagi meningkatkan keupayaan mengecam huruf kanak-kanak prasekolah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Diperoleh dari <http://conference.ukm.my/sprin/index.php/sprin/sprin/paper/viewFile/65/25>
- Noor Aini Ahmad & Nur Liyana Abd. Latiff. (2015). *Belajar kemahiran mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh*. Diperoleh dari <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/1018/1/BELAJAR%20KEMAHIRAN%20MENGENAL%20HURUF%20MENGUNAKAN%20AKTIVITI%20MEMBENTUK%20DOH.pdf>
- Punkoney, S. (2015). *Why teach the abcs*. Diperoleh dari <https://stayathomeeducator.com/letter-identification-why-teach-the-abcs/>
- Saayah Abu. (2007). *Menjadi guru tadika*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Pendidikan Pemulihan
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
JalanBakam, 98009 Miri, Sarawak
¹vanderleslie96@gmail.com, ²sisnor79@yahoo.com

PENGGUNAAN RUMUS ‘PPH’ DALAM PEMBINAAN AYAT MUDAH BAGI MURID PEMULIHAN TAHAP 1

**MIKE JONATHAN ANAK JOHN¹
PUAN HAJAH AINAH BINTI JULHEE²**

ABSTRAK

Kebolehan membaca dan membina ayat mudah merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid dalam pendidikan pemulihan. Justeru, penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid pemulihan menulis ayat mudah dengan menggunakan rumus ‘PPH’ (Pelaku+Perlakuan+Huraian). Penyelidikan tindakan ini dijalankan dengan menggunakan Model Kurt Lewin (1948) dan melibatkan seorang daripada murid pemulihan menjadi peserta kajian ini. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, penelitian hasil kerja peserta kajian, dan catatan buku log. Data yang dikumpul dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif dan keputusan kajian dibuat dengan menggunakan kaedah triangulasi. Dapatan kajian penyelidikan menunjukkan bahawa peserta kajian berjaya menunjukkan prestasi yang positif setelah menjalani kajian. Kaedah kajian ini berguna dan dapat digunakan untuk membantu guru pemulihan lain dan guru Bahasa Melayu untuk membantu murid yang menghadapi masalah yang sama dalam menulis ayat mudah. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan murid aliran perdana dan penambahbaikan bahan bantu mengajar yang digunakan dalam menjalankan kajian.

Kata kunci : ‘PPH’ (Pelaku+Perlakuan+Huraian), ayat mudah, model Kurt Lewin

ABSTRACT

The ability to read and construct simple sentence is one of the important skill to be acquired by the student in remedial education. As such this action research aims at assisting remedial students to write simple sentences using the “PPH” (Pelaku+Perlakuan+Huraian) formula. This action research was implemented using the Kurt Lewin Action Research Model (1948) and it involved one remedial student as the participant of this research. Data collection in this research was done by using observation, student work and log book record. The data are then analyse in quantitative and qualitative manner, and the conclusion of the research was made using the triangulation method. The research findings shows that the participant have shown positive performance after undergoing the study. The research method is useful and can be used to help other remedial and language teacher to assist their students to overcome their difficulties in writing simple sentences. Further research can be done by researcher with mainstream pupils and improvements in teaching aids used in conducting action research.

Key words: “PPH” (Pelaku+Perlakuan+Huraian), simple sentence, Kurt Lewin model

PENGENALAN

Pengajaran menulis ayat dalam Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu adalah satu kewajipan yang harus dititik berat oleh guru pemulihan khas. Ini adalah kerana, murid pemulihan perlu menguasai kemahiran menulis ayat mudah sebelum mempelajari kemahiran pemahaman dan pembacaan. Menurut Junaidah Ibrahim (2009), ayat ialah unit pengucapan yang paling tertinggi dalam tatabahasa. Ayat juga mempunyai makna yang lengkap yang terbentuk daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Pengajaran kemahiran menulis ayat mudah ini sering menjadi permasalahan yang dihadapi oleh guru pemulihan khas. Semasa menjalani praktikum fasa satu, saya telah memerhati beberapa murid pemulihan tahap satu yang sedang

mempelajari kemahiran menulis ayat mudah dan mendapati bahawa sukar bagi mereka menulis ayat mudah walaupun dibimbing oleh guru pemulihan. Secara tidak langsung, minat dan motivasi murid untuk mempelajari kemahiran ini telah hilang.

Justeru itu, saya telah memikirkan satu rumus “PPH” iaitu Pelaku + Perbuatan + Huraian untuk mengatasi masalah menulis ayat mudah dalam kalangan murid pemulihan tahap satu. Dengan adanya rumus ini, maka guru akan lebih mudah mengajar murid membina ayat mudah dan murid lebih mudah memahami cara membina ayat mudah dengan cepat.

Refleksi pengajaran dan pembelajaran lalu / Refleksi Sorotan Kajian

Pengkaji telah menjalani sesi praktikum fasa pertama selama tiga bulan di sekolah yang telah ditempatkan. Semasa menjalani sesi praktikum di sekolah tersebut, pengkaji mendapati bahawa murid pemulihan mempunyai masalah dalam pembinaan ayat mudah. Contoh ayat yang sering ditulis oleh murid adalah “Adik dan kakak main di luar badminton”. Ayat yang dibina ini terbalik dan perlu diperbetulkan oleh guru pemulihan. Menurut Fun (2012) dalam kajiannya meningkatkan kemahiran membina ayat dalam kalangan murid pemulihan melalui kaedah bermain puzzle gambar, beliau mendapati bahawa masalah menulis ayat bekas murid pemulihan yang berada dalam tahap dua masih berlaku dan ianya memerlukan perhatian yang lebih daripada para guru. Ini memberikan makna bahawa ayat adalah perkara yang amat tinggi darjatnya kerana ianya mempunyai maksud yang ingin disampaikan.

FOKUS KAJIAN

Menulis adalah suatu perlakuan yang menggunakan pen, pensil, ataupun sebarang alat tulis bagi menulis ataupun menaip sebarang idea ataupun pernyataan (Othman, 2005). Menurut Juriah Long (1990) menulis ialah satu proses untuk menyampaikan buah fikiran, idea atau pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca dengan menggunakan bentuk grafik. Kemahiran menulis ayat perlu dikuasai oleh murid pemulihan sebelum mereka mempelajari kemahiran yang seterusnya. Sebaliknya apa yang berlaku dalam kalangan murid pemulihan ialah mereka sering menghadapi masalah menulis ayat mudah. Ini adalah kerana murid pemulihan tidak mengetahui cara yang betul untuk menulis ayat mudah.

Oleh itu, pengkaji telah memikirkan satu rumus iaitu PPH (Pelaku + Perlakuan + Huraian) untuk mengatasi masalah menulis ayat dalam kalangan murid pemulihan. Peserta kajian diperkenalkan dengan rumus ini dan perlu mengingati rumus ini dengan baik. Setelah itu, peserta kajian diberikan sebuah gambar situasi untuk menulis ayat mudah berdasarkan rumus yang telah diberikan. Pengkaji membimbing murid membina ayat mudah dengan penggunaan rumus yang diperkenalkan agar murid boleh mengukuhkan kemahiran menulis ayat. Dengan adanya rumus PPH ini, maka murid pemulihan boleh menguasai cara menulis ayat mudah dengan baik seterusnya boleh membina ayat mudah dengan betul.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data awal adalah perkara yang perlu dilakukan oleh pengkaji agar maklumat yang diinginkan boleh ditafsir dan digunakan untuk menjalankan kajian. Oleh itu, pengkaji telah memilih hasil kerja peserta kajian untuk mendapatkan data

awal. Ini adalah kerana dengan adanya hasil kerja peserta kajian, pengkaji boleh menilai sejauh manakah penguasaan peserta kajian dalam menulis ayat mudah. Selain itu, pengkaji juga memerhati setiap kali latih tubi yang diberikan kepada peserta kajian ketika pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Oleh itu, pengkaji perlu membuat pemerhatian terhadap cara menulis peserta kajian dengan memerhatikan cara pemegangan pensel dan postur badan.

Tindakan

Model Kajian Tindakan Lewin adalah satu kitaran kajian yang mempunyai langkah-langkah yang tertentu iaitu merancang, memerhati dan mereflek. Kitaran ini pula akan berterusan ke satu kitaran yang lain yang melibatkan perancangan semula, bertindak, pemerhatian dan membuat refleksi bagi satu kitaran yang telah dilaksanakan (Lewin, 1946). Pengkaji menyediakan media pengajaran dan pembelajaran berbentuk elektronik untuk mengajar peserta kajian yang telah dipilih dan juga lembaran kerja. Ini adalah kerana peserta kajian mempunyai sifat inkuiri yang sangat tinggi serta minat dan motivasi untuk mempelajari sesuatu benda yang baru.

Pengkaji menggunakan waktu peralihan sesi pagi dan sesi petang bagi menjalankan kajian ini di dalam bilik pendidikan pemulihan. Ini adalah waktu yang terbaik untuk menjalankan kajian di samping mengisi waktu peralihan tersebut.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menerapkan penggunaan rumus PPH dalam kalangan murid pemulihan agar mereka boleh menulis ayat dengan baik. Kajian ini juga akan memberikan kesan terhadap guru bagi memahirkan diri bagi pengajaran dan pembelajaran membina ayat mudah dalam pendidikan pemulihan.

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian :

- a. Membolehkan murid pemulihan menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus PPH.
- b. Meningkatkan kemahiran pengkaji mengajar ayat mudah dengan menggunakan rumus PPH.

Kajian ini mempunyai dua soalan kajian :

- a. Adakah murid pemulihan boleh menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus PPH ?
- b. Adakah pengkaji boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH?

PESERTA KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seorang murid pemulihan yang dipilih secara rawak oleh pengkaji. Peserta kajian yang dipilih ini mempunyai potensi yang tinggi dalam menguasai kemahiran tiga puluh satu iaitu membaca dan membina ayat mudah.


Jadual 1

Sasaran Kajian

Nama	Jantina	Umur	Agama	Kaum	Pendapatan Keluarga Sebulan (RM)
Raymie	Lelaki	8 tahun	Kristian	Kenyah	RM 1000

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji menggunakan Model Kurt Lewin (1946) untuk menjalankan kajian tindakan. Menurut Lewin (1946) menjelaskan bahawa sesebuah penyelidikan perlu diikuti dengan tindakan sosial. Perkara ini jelas bahawa Model Kurt Lewin mempunyai langkah perancangan yang teratur dan mempunyai tindakan yang perlu diambil dalam setiap langkah. Model ini merangkumi beberapa langkah-langkah penyelidikan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi bagi setiap kitaran kajian yang dilaksanakan.



Rajah 1. Model kajian tindakan Lewin (1946)

Dalam peringkat merancang, pengkaji telah memilih dan menggunakan bahan yang sesuai untuk mengesan masalah menulis ayat mudah dalam kalangan murid pemulihan. Pengkaji memberikan gambar situasi kepada peserta kajian dan peserta kajian perlu menulis ayat mudah berdasarkan pemahaman sendiri sebelum rumus diperkenalkan.


Dalam peringkat bertindak, pengkaji memperkenalkan rumus PPH iaitu Pelaku + Perlakuan + Huraian kepada peserta kajian menggunakan slaid power point. Pengkaji juga memberikan latihan tubi yang disediakan kepada peserta kajian. Peserta kajian perlu menulis rumus PPH sebelum menulis ayat. Secara tidak langsung peserta kajian boleh mengingat rumus yang diberikan dengan baik. Peserta kajian perlu menulis lima ayat mudah yang mereka fahami terhadap gambar yang diberikan berdasarkan rumus yang diberikan. Pengkaji akan membimbing peserta kajian untuk menyiapkan latihan tubi yang diberikan dengan memberikan contoh yang sesuai dengan latihan yang diberikan.

Dalam memerhati, pengkaji memerhatikan peserta kajian ketika menyiapkan latihan yang diberikan. Pengkaji membuat pemerhatian berdasarkan perlakuan,

responden dan cara menulis yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Pemerhatian ini direkodkan ke dalam buku log kajian tindakan yang pengkaji sediakan.

Selain itu, pengkaji memberikan borang pemerhatian kepada guru pembimbing untuk memerhati pengkaji ketika menjalankan kajian bersama dengan peserta kajian. Guru pembimbing perlu membuat pemerhatian terhadap kajian yang dilaksanakan berdasarkan item dalam borang pemerhatian.

Setelah pemerhatian dilakukan, pengkaji membuat refleksi terhadap setiap hasil latihan peserta kajian, pemerhatian oleh guru pembimbing dan buku log. Setiap kesalahan yang dilakukan oleh peserta kajian diambil perhatian oleh pengkaji dan pengkaji akan merancang semula strategi untuk gelung kedua kajian yang dilaksanakan. Setiap item yang terdapat dalam borang pemerhatian dan buku log turut dibaca dan difahami dengan baik.



Rajah 2. Kaedah Pengumpulan Data

Pemerhatian adalah satu bentuk data kualitatif yang memerlukan pemerhatian dan perakaman mengenai sesuatu kejadian yang dilihat secara berterusan (Schmuck, 1997) Dalam pemerhatian ini, pengkaji meminta guru pembimbing untuk membuat pemerhatian terhadap pengkaji semasa menjalankan kajian bersama dengan peserta kajian. Pemerhatian yang dibuat adalah pemerhatian berstruktur yang memerlukan guru pembimbing untuk memberikan skala terhadap pemerhatian yang dibuat dan membuat catatan pada ruangan yang disediakan dalam borang pemerhatian.

Pengkaji juga menggunakan hasil kerja peserta kajian untuk menilai sejauh manakan penguasaan rumus yang diperkenalkan untuk membina ayat. Setiap hasil kerja peserta kajian akan dianalisis oleh pengkaji setiap kali hasil kerja dihantar.

Buku log ini digunakan oleh pengkaji untuk mencatat kemajuan yang ditunjukkan oleh peserta kajian dari masa ke semasa. Ianya juga untuk mencatatkan perlakuan yang ditunjukkan oleh peserta kajian pada hari pengajaran dilaksanakan. Setiap latihan yang diberikan kepada peserta kajian dipantau oleh pengkaji dan mencatatkan maklumat yang diperolehi berdasarkan item yang terdapat dalam buku log.

Cara menganalisis data

Pemerhatian

Analisis bagi pemerhatian adalah berdasarkan skor yang diberikan oleh pemerhati terhadap pengkaji. Pemerhati adalah daripada guru pembimbing yang memerhatikan pengkaji ketika menggunakan rumus PPH dalam pengajaran dan pembelajaran bersama peserta kajian di dalam bilik darjah. Hasil analisis data ini dipaparkan mengikut skala yang diberikan oleh guru pembimbing.

Hasil Kerja Peserta Kajian

Analisis hasil kerja peserta kajian adalah berdasarkan latih tubi yang diberikan. Latih tubi ini adakan disemak dan diinterpretasikan oleh pengkaji secara deskriptif. Ini adalah kerana, latih tubi yang dihasilkan sendiri oleh peserta kajian perlu diberikan perhatian lebih oleh pengkaji untuk menilai keberkesanan rumus yang diberikan kepada peserta kajian. Pengkaji akan menggunakan pelbagai jenis gambar untuk memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Buku Log

Analisis buku log pula adalah berdasarkan item yang disenaraikan dalam buku log kajian tindakan. Setiap buku log akan ditulis nama peserta kajian dan nama pengkaji sendiri. Pengkaji perlu membuat catatan yang menjawab kepada item yang disediakan. Analisis pula dilakukan hasil daripada catatan yang dilakukan oleh pengkaji pada bahagian catatan pengkaji. Ianya akan memberikan pengkaji maklumat yang terkini mengenai keberkehasilan penggunaan rumus yang dibina. Berikut adalah contoh buku log yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Adakah murid pemulihan boleh menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus PPH ?

Ya murid pemulihan boleh menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus PPH. Kajian ini menunjukkan murid pemulihan boleh menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus yang diberikan oleh pengkaji. Ianya boleh dibuktikan dengan kaedah kajian yang digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

Jadual 2

Perubahan Skor Penggunaan Rumus Pada Awal dan Akhir Kajian

Bil.	Penggunaan Rumus Pada Awal Kajian (A)	Penggunaan Rumus Pada Akhir Kajian (B)	Perbezaan Skor (B) – (A)
1.	Tiada	Ada	1
2.	Tiada	Ada	1
3.	Tiada	Ada	1
4.	Tiada	Ada	1
5.	Tiada	Ada	1

JUMLAH SKOR

5

Setelah kajian siap dilaksanakan, peserta kajian menunjukkan prestasi yang positif dalam penulisan ayat mudah. Perkara ini terbukti dengan hasil kerja peserta kajian yang telah diperolehi dan dipaparkan dalam bentuk jadual tujuh di atas. Oleh itu, peserta kajian berjaya menulis ayat mudah dengan menggunakan rumus PPH dengan baik dan betul.

Jadual 3

Perubahan Skor Aktiviti Awal dan Skor Aktiviti Akhir

BIL.	ITEM	SKOR AKTIVITI AWAL (a)	SKOR AKTIVITI AKHIR (b)	PERUBAHAN SKOR (b) – (a)
1	Peserta kajian boleh mengaplikasikan rumus yang diberikan dengan baik	2	3	+1
2	Peserta kajian boleh menulis ayat mudah dengan baik	2	3	+1
3	Peserta kajian menunjukkan minat dalam mempelajari kemahiran menulis ayat	3	4	+1
4	Peserta kajian menggunakan rumus dengan baik dan betul	3	4	+1
5	Pengkaji menggunakan rumus PPH dengan betul	4	5	+1
JUMLAH PERUBAHAN SKOR				+5

Kesimpulannya, hasil dapatan daripada pemerhatian yang dilakukan oleh guru pembimbing ini jelas menunjukkan bahawa jumlah perubahan skor adalah positif lima. Perkara ini menandakan bahawa setiap item yang diperhatikan mendapat perubahan skor yang positif dan menunjukkan bahawa kajian yang dilaksanakan memberikan impak yang positif kepada peserta kajian sekali gus menambahbaik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH. Rumusnya, melalui pemerhatian yang dilakukan oleh guru pembimbing jelas menunjukkan bahawa persoalan pertama terjawab.

Berdasarkan buku log dalam jadual empat, pengkaji perlu memberikan tumpuan kepada kedua-dua item. Setiap item yang disenaraikan dalam buku log ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam pelaksanaan kajian ini. Pengkaji perlu memberikan perhatian sepenuhnya kepada peserta kajian ketika kajian dilakukan. Setiap item yang diberikan perlu diperhatikan terhadap peserta kajian dengan teliti agar data yang dikutip ini boleh dijadikan sebagai bahan bukti untuk kajian yang dilakukan.

Jadual 4

Perbandingan Catatan Pengkaji Pada Awal Dan Akhir Kajian

BIL.	ITEM	CATATAN PENKAJI	
		AWAL KAJIAN	AKHIR KAJIAN
1.	Peserta kajian boleh menggunakan rumus PPH dengan baik.	Peserta kajian masih lemah dalam menggunakan rumus ini dan tidak menulis rumus PPH sebelum menulis ayat. Peserta kajian juga tidak memberikan kerjasama yang baik dalam penggunaan rumus PPH.	Peserta kajian boleh menggunakan rumus dan mengingati rumus. Peserta kajian turut menunjukkan disiplin diri dengan menulis rumus PPH terlebih dahulu sebelum menulis ayat. Perkara ini membuatkan peserta kajian mengingati rumus dengan baik.
2.	Peserta kajian boleh menulis ayat mudah setelah menggunakan rumus PPH	Peserta kajian serba sedikit boleh menulis ayat dengan rumus ini. Penambahbaikan perlu dibuat oleh pengkaji untuk menggalakan peserta kajian menulis ayat dengan baik berdasarkan rumus yang diberikan.	Peserta kajian boleh menulis ayat dengan baik dan mengikuti rumus ini. Ayat yang dibina turut mengikuti kehendak pengkaji dan peserta kajian berjaya membuktikan bahawa penggunaan rumus PPH adalah mudah dan senang digunapakai.

Kesimpulannya, peserta kajian boleh menulis ayat mudah dengan baik menggunakan rumus PPH dan meningkatkan keyakinan diri dalam mempelajari sesuatu yang baharu. Dapatan data daripada hasil kerja peserta kajian, pemerhatian dan buku log jelas menunjukkan bahawa murid pemulihan boleh menulis ayat mudah dengan baik walaupun bukan berada pada aliran perdana. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian mampu untuk menulis ayat mudah dengan baik dengan menggunakan rumus PPH yang diperkenalkan oleh pengkaji. Pengkaji turut mendapati impak positif daripada kajian ini iaitu peserta kajian boleh mendisiplinkan diri ketika kajian dilaksanakan. Contohnya, peserta kajian akan memberikan kerjasama terhadap pengkaji ketika kajian dilakukan dan menulis rumus membina ayat sebaik sahaja menerima latihan yang diberikan.

Adakah pengkaji boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH?

Ya pengkaji boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH. Setelah kajian dilaksanakan pengkaji boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH. Ini adalah kerana dengan adanya kajian ini mampu untuk membuktikan bahawa guru boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH.

Jadual 5

Perubahan Skor Aktiviti Awal dan Skor Aktiviti Akhir Pengkaji

BIL.	ITEM	SKOR AKTIVITI AWAL (a)	SKOR AKTIVITI AKHIR (b)	PERUBAHAN SKOR (b) – (a)
1	Peserta kajian boleh mengaplikasikan rumus yang diberikan dengan baik	2	3	+1
2	Peserta kajian boleh menulis ayat mudah dengan baik	2	3	+1
3	Peserta kajian menunjukkan minat dalam mempelajari kemahiran menulis ayat	3	4	+1
4	Peserta kajian menggunakan rumus dengan baik dan betul	3	4	+1
5	Pengkaji menggunakan rumus PPH dengan betul	4	5	+1
JUMLAH PERUBAHAN SKOR				+5

Berdasarkan jadual lima, skor yang diberikan pada item kelima ketika aktiviti awal yang dibuat adalah empat dan aktiviti akhir adalah lima yang membawa maksud perubahan skor sebanyak positif satu. Ini bermaksud bahawa pengkaji pada awal kitaran boleh menggunakan rumus PPH dengan betul. Pada latihan yang seterusnya pengkaji menambahbaik penggunaan rumus dengan menerapkan penulisan rumus sebelum menulis ayat pada latihan yang diberikan kepada peserta kajian. Pada akhir kitaran pengkaji menguasai pengajaran rumus PPH dengan penggunaan yang betul terhadap peserta kajian. Oleh itu, perubahan skor positif satu menandakan bahawa pengkaji boleh menggunakan rumus PPH dengan betul.

Jadual 6

Perbandingan Buku Log Kajian Tindakan (Awal dan Akhir)

BIL.	ITEM	CATATAN PENKAKAJI	
		AWAL KAJIAN	AKHIR KAJIAN
1.	Pengkaji boleh mengendalikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan rumus PPH	Pengkaji perlu meningkatkan cara pengajaran untuk menarik minat peserta kajian. Pengkaji perlu melatih peserta kajian agar ingat rumus. Pengkaji perlu memberikan latihan yang sesuai.	Pengkaji boleh menggunakan rumus PPH. Pengkaji berjaya menerapkan rumus dalam ingatan peserta kajian. Pengkaji boleh menarik minat peserta kajian dengan kepelbagaian latihan yang diberikan dan juga menaikkan motivasi peserta kajian.

Pengkaji berjaya menggunakan rumus ini dengan menambahbaik cara menjalankan kajian setelah membuat refleksi terhadap catatan buku log awal kajian. Penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji adalah menggunakan audio muzik yang mesra dan tenang ketika kajian dijalankan. Audio ini digunakan bertujuan untuk memberikan peserta kajian perasaan yang tenang dan selesa ketika kajian dilakukan. Perkara ini membuatkan pengkaji berjaya dalam menerapkan rumus dalam ingatan peserta kajian.

Kesimpulannya, pengkaji boleh menambah baik amalan pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis ayat mudah dengan rumus PPH serta keyakinan diri dalam menjalankan kajian. Beberapa penambahbaikan perlu dibuat setelah menjalankannya kajian ini. Oleh itu, pengkaji perlu memperkembangkan penggunaan rumus ini pada murid aliran perdana dan bukannya pada murid pemulihan sahaja.

REFLEKSI

Setelah selesai menjalankan kajian tindakan ini, kekuatan ketika menjalankan kajian adalah penerapan penulisan rumus sebelum membina ayat. Peserta kajian diminta untuk meningati dan menulis rumus terlebih dahulu sebelum membina ayat agar rumus ini kekal dalam ingatannya. Kelemahan daripada kajian tindakan pengkaji adalah penggunaan waktu kitaran yang agak lama. Pengkaji menggunakan waktu yang lama dalam membuat satu kitaran disebabkan peserta kajian sering tidak hadir ke sekolah disebabkan faktor kesihatan. Namun begitu, pengkaji mampu untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan kajian yang boleh dilakukan pada masa hadapan ialah memperbetulkan kesalahan ejaan oleh murid. Walaupun kajian ini berjaya menunjukkan rumus boleh diaplikasikan dengan baik namun kesalahan ejaan perkataan masih berlaku terhadap peserta kajian. Oleh itu, kajian mengenai memperbetulkan kesalahan ejaan perlu dilakukan pada masa hadapan.

Selain itu, kajian ini juga boleh digunakan terhadap murid perdana dalam subjek Bahasa Melayu yang diajar oleh guru aliran perdana. Dengan adanya rumus ini, maka guru Bahasa Melayu aliran perdana boleh mengaplikasikan rumus ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran membina ayat. Rumus ini sangat mudah digunakan dan diaplikasikan dalam pembinaan ayat.

Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar bagi rumus ini juga boleh dijadikan bahan kajian pada masa hadapan. Pembinaan bahan bantu mengajar yang lebih menarik berkemungkinan akan menarik perhatian peserta kajian agar lebih bersemangat dan bermotivasi untuk menjalankan kajian sepanjang tempoh kajian berlangsung.

Pada masa akan datang, pengkaji berharap rumus yang dibina ini mampu diperkenalkan di seluruh Malaysia bagi membantu guru pemulihan dalam pengajaran ayat mudah terhadap murid pemulihan. Dengan adanya rumus ini, guru pemulihan boleh menarik nafas lega kerana rumus ini amat mudah untuk digunakan dan sesuai dengan tahap kognitif murid pemulihan

RUJUKAN

- Akhiar Pardi, S. S. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fun, C. O. F. T. C. O. (2012). *Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Dalam Kalangan Murid Pemulihan Berdasarkan Gambar Melalui Kaedah Bermain Puzzle Gambar*. Paper presented at the Seminar Penyelidikan Tindakan, Miri.
- Junaidah Ibrahim, N. J., Nur Aida Sulaiman & Safia Najmi. (2009). *Sistem Bahasa, Kata Banyak Makna & Kata Hampir Sama Makna*. Kuala Lumpur: Ilmu Bakti Sdn. Bhd.
- Juriah Long, R. H. S., dan Sofiah Hamid. (1990). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Khan, A. R. A. M. (2009). *Guru Sebagai Penyelidik*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Lebak, E. A. (2014). *Penggunaan Rumus 'Pelaku + Perbuatan + Huraian (Objek)' Bagi Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Dalam Kalangan Murid Tahun 4*. (PISMP), IPGKS, IPGKS.
- Lewin, K. (1946). Action Research And Minority Problems. *Journal Of Social Issues*, 2, 34-36.
- Othman, Y. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Schmuck, R. A. (1997). *Practical Action Research For Change*. Arlington Heights, IL: Skylight Professional Development.

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
¹mikejonathan6@gmail.com, ².ainah.bt.julhee@gmail.com

**PENGGUNAAN TEKNIK ‘CANTUM DAN SEBUT’ MENINGKATKAN
PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN
MENGANDUNGI DIGRAF DALAM KALANGAN
MURID PEMULIHAN TAHUN 2**

MOHD ASYRAF BIN KAMRI¹

HAJAH AINAH BINTI JULHEE²

ABSTRAK

Isu murid gagal menguasai kemahiran membaca masih menjadi isu perbualan semua pihak. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui penggunaan kaedah yang paling efektif dalam membantu murid pemulihan untuk menguasai kemahiran membaca. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teknik ‘Cantum dan Sebut’ bagi membantu murid pemulihan tahun 2 yang mempunyai kesukaran untuk membaca. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada masalah membaca perkataan yang mengandungi ‘ng’ dan ‘ny’ atau dipanggil digraf. Pengkaji telah memilih 4 orang peserta kajian dari tahun 2 yang mengalami masalah dalam membaca perkataan yang mengandungi suku kata digraf. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti penggunaan teknik ‘Cantum dan Sebut’ berkesan dalam membantu membaca perkataan yang mengandungi digraf. Pengkaji telah menggunakan Model Kemmis & McTaggart (1988) sebagai langkah pelaksanaan yang digunakan dalam kajian dengan melakukan 2 kitaran dalam kajian ini. Dapatan analisis daripada kitaran pertama menunjukkan perubahan positif kepada peserta kajian. Kitaran kedua pula dilaksanakan untuk mengukuhkan fokus kajian dengan menambahbaik penyampaian dengan penerapan permainan dalam intervensi. Pengkaji juga menggunakan pemerhatian berstruktur, temu bual dan analisis dokumen (lembaran kerja) bagi pengumpulan data kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan teknik ‘Cantum dan Sebut’ ini dapat membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan digraf murid pemulihan tahun 2.

Kata kunci: pendidikan pemulihan, cantum dan sebut, digraf, teknik, permainan

ABSTRACT

The issue of pupil fails to master reading skills is still the issue of conversation of all parties. This study was conducted to determine the most effective method of assisting recovery students to master reading skills. In this study, researcher has used the “Combine and Call it” technique to help the year 2 recovery student who have difficulty reading. In this study, the researcher focused on the problem of reading words containing 'ng' and 'ny' or called digraphs. The researcher selected 4 study participants from year 2 who experienced problems reading the word containing the word syllables. The objective of this study is to identify the use of “Combine and Call it” technique effectively in helping to read the words that contain the digraphs. The researchers used the Kemmis & McTaggart Model (1988) as the implementation steps used in the study by doing two cycles in this study. Analysis findings from the first cycle showed positive changes to study participants. The second cycle was carried out to strengthen the focus of the study by improving the presentation with the implementation of the game in the intervention. Researchers also use structured observation, interviews and analytical documents (worksheets) for data collection. The findings of this study show that the “Combine and Call it” technique can help

students improve the mastery of reading skills of the word digraphs student recovery year 2.

Keywords: remedial education, combine and call it, digraphs, technique, games

PENGENALAN

Konteks

Dalam pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia, penekanan terhadap proses membaca telah diberikan perhatian terutama melalui penetapan kemahiran bahasa yang perlu dicapai seperti yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Ini juga termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013-2025) dalam anjakan kedua iaitu memastikan setiap murid profisien dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Justeru itu, pengkaji ingin membuat satu kajian mengesan penguasaan teknik yang akan digunakan berkesan untuk membantu murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran membaca.

Pengkaji telah menjalankan amalan perofesionalisme keguruan pratikum sepanjang tempoh tiga bulan. Pengkaji telah mengajar 10 orang murid tahun 2 bagi matapelajaran Bahasa Melayu dan pada amnya sebilangan besar mereka masih lemah dalam kemahiran membaca suku kata. Sepanjang pengajaran pengkaji mendapati murid kurang bermasalah untuk membaca suku kata mudah seperti suku kata KV dan KVK. Apabila pengkaji mengajar kemahiran suku kata yang mengandungi konsonan bergabung (digraf) 4 orang murid mengalami kesukaran untuk murid mengeja dan membatangkan perkataan yang mengandungi suku kata tersebut.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Semasa pengkaji menjalankan pengajaran kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf pengkaji mendapati beberapa orang murid yang telah dikenalpasti akan tersekat-sekat untuk mengeja dan membunyikan perkataan yang mengandungi digraf ini. Sebagai contoh apabila murid mengeja perkataan 'singa' murid tidak dapat atau keliru untuk mengeja suku kata 'nga'. Murid kebiasaannya akan mengeja 'sin' dan 'ga' dan menjadikan mereka menyebut perkataan 'singa' dengan salah iaitu 'sin' dan 'ga'.

Bertitik tolak daripada kesedaran ini, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan membuat penambahbaikan amalan pengajaran pengkaji untuk membantu murid meningkatkan kemahiran membaca terutamanya kemahiran suku kata digraf. Dalam hal ini pengkaji telah membuat kajian dengan menggunakan teknik 'Cantum dan Sebut' bagi membantu murid pemulihan mudah membaca perkataan mengandungi digraf dengan mudah dan berkesan.

FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan penggunaan teknik cantum dan sebut yang pengkaji laksanakan ini tertumpu kepada 4 orang murid pemulihan tahun 2 sebagai peserta kajian. Teknik ini memfokuskan bagaimana proses murid boleh membaca dengan mudah perkataan yang mengandungi digraf iaitu menggunakan teknik cantum dan sebut.

Menurut Mazni Othman (2008), kajiannya yang membantu mengatasi murid menyebut konsonan bergabung dengan teknik ‘Cantum dan Sebut’ menunjukkan dapatan kajian semua murid berminat untuk mengikuti PdPc yang dijalankan. Teknik ini pengkaji ingin memfokuskan murid menyebut perkataan yang mengandungi digraf dengan betul. Menurut Khairuddin Mohamad (2011), membaca yang memfokuskan fonetik ini murid akan dapat menyebut dengan baik suku kata dengan baik serta dapat mengingatnya untuk tempoh yang lama dan tersimpan dalam memori mereka. Seterusnya mereka perlu mengecam huruf berkenaan dari segi bentuk, rupa dan cara menulis huruf tersebut di samping dapat mengaitkan huruf yang dilihat dengan bunyi yang dilafazkan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- 1) Meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf dengan murid tahun 2 dengan teknik “Cantum dan Sebut”.
- 2) Menilai tahap minat membaca murid pemulihan tahun 2 melalui penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” bagi meningkatkan kemahiran membaca perkataan digraf

Soalan Kajian

- 1) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca yang melibatkan perkataan mengandungi digraf?
- 2) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat memberi minat terhadap murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf ?

PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji terlibat secara langsung dalam menjalankan kajian ini untuk menjalankan intervensi dan mengumpul maklumat untuk tujuan kajian ini. Kajian ini dijalankan ke atas 4 orang murid pemulihan tahun dua di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Miri.

Jadual 1 : Jadual Maklumat peserta kajian

Maklumat Murid	Peserta Kajian A	Peserta Kajian B	Peserta Kajian C	Peserta Kajian D
Jantina	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Perempuan
Umur	8 tahun	8 tahun	8 tahun	8 tahun
Kaum	Melayu	Melayu	Iban	Iban
Ciri-ciri	Nakal, boleh membaca tapi lambat, suka mengganggu rakan lain, banyak bercakap.	Nakal dan hiperaktif, suka bercakap, tidak yakin dengan diri sendiri, bermasalah membunyikan perkataan yang panjang.	normal, boleh membaca dan masih tidak lancar, Nakal, selalu tidak buat kerja rumah	Pendiam, tidak aktif, suara yang tidak jelas, membaca dengan perlahan dan memerlukan bimbingan guru baru boleh

Markah Ujian Bm Semester 1	31% Lemah	24% Sangat Lemah	18% Sangat Lemah	38% Lemah
-------------------------------	--------------	---------------------	---------------------	--------------

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah – Langkah Tindakan

Jadual 2 : Prosedur tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart

KITARAN PERTAMA		
Langkah	Perkara	Tindakan
1	Refleksi amalan	Masalah yang dikenalpasti Refleksi amalan PdPc Tinjauan awal <ul style="list-style-type: none"> - Melalui keputusan ujian Bahasa Melayu - Temubual informal dengan peserta kajian - Pemerhatian tidak berstruktur
2	Merancang/bertindak	Perancangan dari segi : <ul style="list-style-type: none"> - Tindakan yang sesuai - Pdpc - Tempoh pelaksanaan Cadangan tindakan: <ul style="list-style-type: none"> - Latih tubi - Cantum dan sebut Persediaan aktiviti Jadual pelaksanaan/tindakan Cara pengumpulan data: <ul style="list-style-type: none"> - Borang pemerhatian - Borang temubual - Dokumen analisis
3	Pelaksanaan/memerhati kesan perubahan	Pelaksanaan tindakan ikut perancangan jadual Pengumpulan data melalui: <ul style="list-style-type: none"> - Hasil kerja murid - Pemerhatian - Temubual informal
4	Merefleks	Menganalisis menilai kekuatan dan kelemahan Membuat refleksi tentang keberkesanan tindakan yang dilakukan berdasarkan data yang dikumpul
KITARAN KEDUA		
5	Merancang semula	Tindakan yang sesuai Perancangan semula dari segi: <ul style="list-style-type: none"> - Tindakan baharu yang dilakukan - Prosedur ganjaran - Tempoh pelaksanaan Tindakan baharu yang dicadangkan : <ul style="list-style-type: none"> - Penyerapan unsur bermain Persediaan aktiviti Cara pengumpulan data <ul style="list-style-type: none"> - Borang pemerhatian - Dokumen analisis - Borang temubual

6	Tindakan Lanjut/memerhati dan menganalisis data yang dikumpul	Pelaksanaan tindakan Mengumpul data: - Hasil kerja murid - Pemerhatian
7	Merefleks dan menilai tindakan lanjut	Menilai keberkesanan tindakan berdasarkan data yang telah dikumpul
8	Kitaran seterusnya	Tindakan serta cadangan seterusnya

Kaedah Pengumpulan Data

1) Pemerhatian(senarai semak)

Pemerhatian berstruktur dijalankan menggunakan senarai semak terhadap peserta kajian semasa intervensi dijalankan bagi menjawab persoalan kedua dalam kajian iaitu untuk menilai sejauh mana teknik Cantum dan Sebut dapat membantu peserta kajian menguasai kemahiran membaca perkataan, ayat dan petikan yang melibatkan digraf dengan lebih lancar dan baik.

2) Temu bual

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi persoalan kedua iaitu sejauh manakah teknik Cantum dan Sebut dapat membantu murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan yang melibatkan digraf dengan lebih lancar. Temu bual dijalankan selepas intervensi dijalankan bersama peserta kajian. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui serba sedikit tentang peserta kajian mengenai sejauh mana peserta kajian menunjukkan minat dengan PdPc yang dijalankan.

3) Analisis Dokumen(Lembaran Kerja)

Pengkaji juga menggunakan bagi mengumpul data dan dengan menganalisis dokumen. Dalam instrumen dokumen analisis, hasil kerja murid disemak bagi membuat penilaian yang selanjutnya. Penilaian dibuat berdasarkan peratusan dari markah yang diperolehi daripada jawapan betul peserta kajian jawab dan kuasai. Lembaran kerja akan dinilai setiap kali PdPc dijalankan bersama peserta kajian.

Cara Menganalisis Data

1) Pemerhatian(Senarai Semak)

Dalam pemerhatian pengkaji telah menumpukan perhatian kepada tiga kemahiran iaitu kemahiran suku kata KV, suku kata KKV dan perkataan digraf. Suku kata dan perkataan dinilai berdasarkan bacaan secara individu di mana murid harus mengeja dan menyebut suku kata dan perkataan dengan tepat. Kemudian jumlah suku kata dan perkataan yang betul yang diperolehi dicatatkan dalam instrumen senarai semak sepanjang tindakan di jalankan. Pengiraan bilangan penguasaan dikira dalam bentuk kekerapan dan jumlah bilangan yang betul. Data dapatan daripada pemerhatian dipersembahkan dalam peratusan.

2) Temu bual

Temubual yang melibatkan 10 item soalan berstruktur yang telah ditetapkan. Berdasarkan item ini peserta kajian telah memberikan jawapan setiap soalan yang diajukan dan pengkaji telah menganalisis jawapan murid berdasarkan Ya(/) bermaksud setuju dan Tidak(X) membawa maksud tidak setuju. Hasil dapatan ini juga pengkaji telah membuat peratusan berdasarkan jawapan peserta kajian supaya data dapat dilihat dengan jelas. Pengiraan peratusan jawapan peserta kajian adalah seperti di bawah.

$$\frac{x}{10} \times 100\%$$

x – jumlah respon responden

Pengkaji akan menganalisis secara satu persatu item soalan berdasarkan peratusan jawapan peserta kajian bagi mengenalpasti tema yang diperlukan dapat membantu dalam menjawab soalan kajian ini .Berdasarkan analisis ini nanti pengkaji akan membuat kesimpulan dan rumusan berdasarkan tema temubual yang menunjukkan minat murid terhadap membaca terutamanya yang melibatkan kemahiran digraf.

3) Analisis Dokumen(Lembaran Kerja)

Dalam analisis dokumen pengkaji menggunakan analisis hasil kerja murid disemak bagi membuat penilaian selanjutnya. Penilaian dibuat berdasarkan peratusan pencapaian. Peserta kajian yang mendapat peratus kurang daripada 40% dan ke bawah selepas tindakan dijalankan dianggap masih belum menguasai kemahiran yang diajarkan atau dikategorikan masih lemah. Peserta kajian yang mendapat peratusan antara 50% - 70% sudah dikategorikan dalam kategori sederhana dan peserta kajian yang sudah mendapat 80% - 100% sudah dikategorikan sudah menguasai.

Jadual 3 : Jadual Kategori Pencapaian Murid

<i>Peratusan</i>	Kategori
0% - 40%	Lemah
50% - 70%	Sederhana
80% - 100%	Baik


DAPATAN KAJIAN

Kitaran 1

1) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca yang melibatkan perkataan mengandungi digraf?

Soalan kajian pertama ini dapat diukur berdasarkan instrumen pemerhatian dan analisis dokumen. Berdasarkan dapatan hasil analisis pemerhatian sepanjang tindakan dapat dijelaskan berdasarkan rajah 1 di bawah

Rajah 1 : Peratusan Pencapaian Perkataan digraf




Berdasarkan analisis pemerhatian telah menunjukkan semua peserta kajian menunjukkan peningkatan dalam menguasai perkataan digraf. Peserta kajian A dan D telah menunjukkan penguasaan sebanyak 90% kemahiran yang diajarkan. Perubahan yang sangat besar ini jelas menunjukkan bahawa dengan teknik cantum dan sebut membantu peserta kajian meningkatkan penguasaan mereka dalam membaca perkataan digraf. Peserta kajian C telah mencapai 50% pencapaian sepanjang tindakan dijalankan. Ini menunjukkan peserta kajian C telah menguasai separuh perkataan digraf setelah mengikuti tindakan bersama pengkaji.

Namun begitu, peserta kajian B menunjukkan perubahan pencapaian yang sangat rendah iaitu sebanyak 20%. Walaupun demikian, peserta kajian ini masih menunjukkan peningkatan dalam menguasai perkataan digraf kerana pada tindakan yang pertama(T1) peserta kajian B masih belum menguasai perkataan digraf dan pada akhir tindakan(T5) peserta kaji telah menguasai 20% perkataan digraf. Walau bagaimanapun, peserta kajian ini juga telah menunjukkan sikap berusaha untuk menguasai kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf.

Namun demikian, ia juga disokong berdasarkan instrumen analisis dokumen. Dalam dapatan analisis dokumen lembaran kerja juga menunjukkan carta positif peningkatan peratusan markah sepanjang tindakan dijalankan. Pencapaian peserta kajian setelah mengikuti tindakan adalah seperti rajah 2 di bawah

Rajah 2 : Carta Pencapaian Peserta Kajian Berdasarkan Lembaran Kerja



Berdasarkan rajah di atas, peserta kajian D telah menunjukkan penguasaan yang baik kerana beliau telah menguasai 80% perkataan mengandungi digraf. Namun begitu, peserta kajian A dan C masing-masing telah menguasai 60% pada akhir tindakan juga menunjukkan peningkatan yang baik daripada sebelum tindakan dijalankan. Pencapaian peserta kajian A dan C telah meningkat tetapi masih pada tahap yang sederhana. Peserta kajian B pula juga menunjukkan peningkatan dalam menguasai kemahiran digraf daripada 0% pada awal dapatan lembaran kerja namun pada akhir tindakan sekurang-kurangnya beliau dapat menguasai 30% kemahiran ini. Pencapaian 30% yang diperolehi peserta kajian B masih pada kategori lemah

berdasarkan jadual rubrik markah pencapaian yang digunakan pengkaji dalam analisis dokumen kajian ini.

Kesimpulannya, dapatan analisis data daripada pemerhatian dan juga analisis dokumen lembaran menunjukkan kesinambungan kedua data yang mana peserta kajian telah dapat menguasai kemahiran membaca perkataan digraf dengan baik walaupun terdapat masih ada seorang peserta kajian yang masih pada tahap lemah akan tetapi masih boleh dibantu pada tindakan yang seterusnya dalam kitaran selanjutnya.

2) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat memberi minat terhadap murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf ?

Berdasarkan dapatan analisis daripada instrumen temu bual pengkaji telah menentukan tema berdasarkan soalan dan respon peserta kajian terhadap temu bual. Dalam analisis ini pengkaji telah menetapkan 5 tema utama yang telah dikenalpasti iaitu keyakinan membaca, minat membaca, keinginan membaca, mendapatkan ganjaran selepas membaca dan perasaan gembira bila membaca. Penentuan tema berdasarkan analisis setiap item soalan berdasarkan respon murid terhadap soalan temu bual.

Jadual 4 : Jadual Anilisis Temu Bual


PENCAPAIAN	0%	25%	50%	75%	100%
PESERTA KAJIAN	0/4	1/4	2/4	3/4	4/4
NO. ITEM	7	1, 5	4	9	2, 3, 6, 8, 10
TEMA	Keyakinan	Minat	Keinginan	Ganjaran	Suka , Minat, Keyakinan

Kesimpulanya, secara keseluruhannya jika dinilai berdasarkan jadual 4 jelas menunjukkan 7 item daripada 10 item telah direspon oleh separuh dan hampir semua peserta kajian telah menunjukkan respon positif dan minat mereka dalam membaca setelah melalui sesi tindakan belajar menggunakan teknik cantum dan sebut untuk menguasai kemahiran membaca perkataan mengandungi digraf. Jelas disini menunjukkan peserta kajian telah mulai minat dan bermotivasi dalam menjalankan PdPc dalam amalan nilai yang sedang pengkaji terapkan kepada mereka. Berdasarkan dapatan analisis ini jelas persoalan kajian telah terjawab iaitu adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat memberi minat terhadap murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf ?

Kitaran 2

1) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca yang melibatkan perkataan mengandungi digraf?

Rajah 3 : Carta Pencapaian Kitaran Kedua




Peserta kajian B pada kitaran yang pertama hanya boleh mencapai 20% penguasaan bagi perkataan digraf dan selepas melalui kitaran peserta kajian telah mencapai penguasaan sebanyak 50%. Walaupun peserta kajian B agak lemah tetapi beliau telah menunjukkan respon yang sangat positif kerana beliau telah menguasai separuh daripada perkataan digraf yang diajarkan.

Peserta kajian C yang sebelumnya pada kitaran 1 telah menguasai separuh perkataan digraf iaitu 50% yang diajarkan dan selepasnya melalui fasa kitaran kedua beliau juga telah menunjukkan perubahan pencapaian kepada 80% penguasaan bagi perkataan digraf. Pada kitaran kedua pula peserta kajian A tiada menunjukkan perubahan pencapaian masih kekal 90%. Walaupun peserta kajian A tiada menunjukkan perubahan tetapi beliau masih mengekalkan pencapaian yang lepas.

Peserta kajian D pula dalam kitaran kedua ini telah meningkat pencapaian sebanyak 10% iaitu dari 90% pencapaian sebelumnya dan mendapat 100% pencapaian setelah mengikuti tindakan dalam kitaran 2. Peserta kajian D sangat memberangsangkan pencapaiannya kerana telah mencapai keseluruhan perkataan digraf yang diajar dalam tindakan kajian. Ini jelas bahawa tindakan kajian dalam kitaran 2 juga telah banyak membantu semua peserta kajian menguasai perkataan digraf terutamanya peserta kajian B dan C.

Rajah 4 : Carta Perbandingan Peratus Pencapaian Kitaran 2



Berdasarkan rajah 4, peserta kajian A meningkat sebanyak 30% pencapaian dari sebelum 60% kepada 90%. Satu peningkatan yang baik ditunjukkan peserta kajian setelah melalui tindakan dalam kitaran kedua ini. Penguasaan peserta kajian sebelum ini pada tahap sederhana dan setelah tindakan kitaran 2 beliau menguasai dengan baik perkataan digraf yang diajarkan. Peserta kajian D dan B masing - masing menunjukkan peratus perubahan pencapaian sebanyak 20% setelah mengikut tindakan kitaran kedua. Peserta kajian D pada tindakan sebelumnya telah mencapai 80% pencapaian dan dalam kitaran kedua peserta kajian telah mencapai 100% pencapaian. Pencapaian ini selari dengan analisis pemerhatian di mana peserta kajian telah mencapai penguasaan 100%.

Peserta kajian B pula pada tindakan sebelumnya mencapai 30% pencapaian dan setelah mengikut tindakan kedua peserta kajian dapat menguasai 50% penguasaan dalam menguasai kemahiran membaca perkataan mengandungi digraf. Peserta kajian B telah keluar dari kategori lemah dan telah masuk dalam kategori sederhana berdasarkan pencapaiannya.

Peserta kajian C pula menunjukkan paling sedikit perubahan peratusan pencapaian iaitu sebanyak 10%. Pada tindakan sebelumnya peserta kajian C menguasai 60% pencapaian pada lembaran kerja dan setelah mengikut tindakan kitaran kedua peserta kajian sudah mencapai 70% pencapaian terhadap penguasaan kemahiran membaca perkataan digraf ini dan pada tahap sederhana.

Kesimpulannya berdasarkan analisis pemerhatian dan analisis dokumen lembaran kerja jelas menunjukkan semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan dalam penguasaan membaca perkataan mengandungi digraf. Semua peserta kajian juga telah menguasai 50% dan ke atas pencapaian dalam penguasaan perkataan yang mengandungi digraf.

2) Adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat memberi minat terhadap murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf ?

Jadual 5 : Jadual Analisis Temu Bual Kitaran Kedua

PENCAPAIAN	0%	25%	50%	75%	100%
PESERTA KAJIAN	0/4	1/4	2/4	3/4	4/4
NO. ITEM	7	1	5	4,9	2, 3, 6, 8, 10
TEMA	Keyakinan	Minat	Minat	Ganjaran, keinginan	Suka, Minat, Keyakinan

Kesimpulannya, secara keseluruhannya jika dinilai berdasarkan jadual 5 jelas menunjukkan 8 item daripada 10 item telah direspon oleh separuh dan hampir semua peserta kajian telah menunjukkan respon positif dan minat mereka dalam membaca setelah melalui sesi tindakan belajar menggunakan teknik cantum dan sebut untuk menguasai kemahiran membaca perkataan mengandungi digraf. Jelas disini menunjukkan peserta kajian telah mulai minat dan bermotivasi dalam menjalankan PdPc dalam amalan nilai yang sedang pengkaji terapkan kepada mereka. Berdasarkan dapatan analisis ini jelas persoalan kajian telah terjawab iaitu adakah penggunaan teknik “Cantum dan Sebut” dapat memberi minat terhadap murid untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi digraf ?

REFLEKSI

Perancangan tindakan yang telah pengkaji rancang telah dijalankan dengan lancar dan teratur mengikut jadual perancangan yang telah dibuat. Pengkaji rasa bersyukur kerana tidak terdapat halangan dan masalah yang timbul semasa mengendalikan setiap tindakan dijalankan.

Kelemahan utama yang dapat pengkaji kenal pasti adalah komitmen murid dalam tindakan dijalankan. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ada yang tidak menunjukkan kesungguhan mereka untuk mengikuti PdPc pengkaji. Mereka terlalu banyak bermain dan berkhayal semasa sesi pengajaran. Ini mengganggu murid lain memberi tumpuan semasa sesi PdPc berlansung.

Pengkaji menyampaikan pengajaran dengan bantuan slaid elektronik interaktif dalam tindakan kitaran 1. Mengikut Rusmimi Ahmad (2014), peranan ICT dari segi meningkatkan mutu dan mempelbagaikan penyampaian dan pegajaran ialah melalui penggunaan internet dan bahan-bahan multimedia interaktif yang dibangunkan dengan menggunakan visual, muzik, video serta animasi yang membantu mengukuhkan lagi kefahaman murid terhadap sesuatu konsep.

Menurut Analisis dapatan kajian dilakukan oleh Charlie Anak Ungang (2009) berkenaan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan menunjukkan bahawa nilai 80% bersetuju menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar membolehkan murid menerima dengan jelas pengajaran guru. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dapat menarik minat peserta kajian untuk membaca. Hal ini adalah kerana peserta kajian boleh memegang sendiri bahan sambil dieja dan dibaca berulang kali. Ini menyebabkan murid berasa yakin untuk menyebut perkataan yang telah dieja dan dibaca. Hal dapat pengkaji lihat dalam tindakan pengkaji dalam kitaran 1

Dalam kitaran 2, pengkaji dapat melihat peserta kajian sangat aktif melibatkan diri tindakan yang dijalankan kerana pengkaji menerapkan unsur bermain dalam kitaran ini. Imam Al-Ghazali dalam Sharuddin Salleh(2014) berpendapat, menitikberatkan bermain bagi murid kerana dengan bermain murid boleh mengembangkan sikap semula jadi mereka disamping menyihatkan tubuh dan menguatkan otot-otot. Beliau juga menyatakan dengan bermain boleh mendatangkan kegembiraan, kerehatan bagi kanak-kanak selepas penat belajar.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Tindakan susulan ini adalah berpandukan tinjauan beberapa kajian lepas yang membuat cadangan kajian untuk tindakan seterusnya. Untuk kitaran seterusnya, pengkaji mencadangkan supaya menggunakan teknik cantum dan sebut dengan kaedah “FOKUPEN”. Kaedah ini merupakan gabungan tiga cara untuk mengajar kemahiran berbahasa kepada murid-murid. “FO” merujuk kepada Kaedah Fonetik iaitu salah satu kaedah yang digunakan untuk mengajar murid membunyikan huruf dan membaca perkataan. Kaedah fonetik memfokuskan kepada bunyi simbol huruf, berbeza dengan kaedah tradisional yang menekankan teknik penghafalan huruf. Kaedah ini menekan kepada setiap bunyi-bunyi abjad yang terdapat dalam bahasa sama ada bunyi vokal atau konsonan. “KU” pula merujuk kepada aktiviti pengukuhan. Setelah murid-murid didedahkan dengan kaedah fonetik, guru akan membuat aktiviti pengukuhan bagi memastikan bahawa perkara yang telah dipelajari murid benar-benar dikuasai dengan baik. “PEN” pula merujuk kepada aktiviti penilaian setelah kedua-dua aktiviti di atas telah dilaksanakan terhadap murid-murid, maka guru akan menjalankan aktiviti penilaian untuk mengukur peningkatan tahap penguasaan murid dalam mengeja perkataan yang mempunyai digraf. Pengkaji berharap dengan cadangan ini dapat membantu dan mengurangkan masalah membaca perkataan yang mengadungi digraf dalam kalangan murid terutamanya murid pemulihan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Charlie Ak Ungang. (2009) *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan*. Sarawak: Penerbitan IPGK Batu Lintang.
- Khairuddin Mohamad. (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mazni Othman (2008). *Mengatasi Kelemahan Menyebut Perkataan Yang Melibatkan konsonan Bergabung (Digraf) Dengan Teknik “Cantum dan Sebut”*. 10(1). 1-15
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd
- Shahrudin Salleh (2014, November 24). *Pelbagaikan teknik Pengajaran, Pembelajaran*. Utusan Online. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pelbagaikan-teknik-pengajaran-pembelajaran-1.27070>

Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
Email: asyrafkamri78@gmail.com¹, ainah.bt.julhee@gmail.com²

PENGGUNAAN TEKNIK NYANYIAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVK BAGI MURID PEMULIHAN TAHUN TIGA

**MUHAMMAD HUSAINI BIN ZAKARI¹
SELINA BINTI HJ. AHMAD²**

ABSTRAK

Kelemahan murid membaca adalah salah satu masalah yang cuba diatasi dalam Pendidikan Pemulihan. Tiga peserta kajian yang dipilih dikesan mengalami masalah dalam membaca perkataan KV+KVK. Oleh itu, kajian ini bertujuan meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK menggunakan teknik nyanyian. Pengkaji menggunakan model kajian penyelidikan tindakan Kurt Lewin dalam dua kitaran yang telah dijalankan. Muzik dan melodi lagu yang digunakan bagi aktiviti nyanyian dalam kajian adalah daripada dua lagu kanak-kanak iaitu 'Anak itik Tok Wi' dan 'Lagu Tiga Kupang'. Lirik lagu yang dibina pula disesuaikan dengan tujuan kajian. Kumpulan perkataan KV+KVK adalah dominan dalam struktur lirik lagu. Data bagi kajian dikumpul dalam bentuk pemerhatian, ujian lisan dan rakaman suara. Hasil analisis data menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bagi peserta kajian yang lulus kesemuanya pada kitaran kedua. Keputusan kajian menunjukkan bahawa teknik nyanyian banyak membantu peserta kajian untuk menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK dengan baik. Boleh dinyatakan bahawa nyanyian dan muzik yang telah diaplikasikan menunjukkan bahawa mereka seronok dan aktif mengikuti sesi pengajaran dan pemudahcaraan semasa pelaksanaan kajian. Bagi kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan lagu yang ingin digunakan terlebih dahulu dimasukkan rakaman suara yang telah diubah suai, mempunyai video animasi dan video lirik serta menguji kemahiran peserta untuk membaca perkataan yang tiada dalam lirik lagu.

Kata kunci: pendidikan pemulihan, KV+KVK, nyanyian, lagu kanak-kanak

ABSTRACT

Weakness in reading is one of the problems that is need to be resolve in Remedial Education. Three selected participants were found to have problems in reading KV+KVK words. Therefore, this study aims to improve the reading skill of KV+KVK words by using the song technique. The researcher used Kurt Lewin's action research model in two action cycles that were conducted for the study. The music and the songs' melodies used for singing activities in the study are from two children's songs namely 'Anak Itik Tok Wi' and 'Lagu Tiga Kupang'. Hence, the lyrics of the songs were modified based on the study purpose. The KV+KVK words are dominant in the song lyrics structure. The data collected for the study were in the form of observations, oral tests and voice recordings. The results of the data analysis shown the impressive improvement for the study participants who passed all the tests in the second cycle. The results showed that the singing techniques help the participants to read the KV + KVK words better. It can be noted that the songs and music that have been applied shown that the participants enjoyed the sessions and participate well during teaching and learning sessions throughout the study implementation. For further research, the researcher suggested that the songs to be used must include modified voice recording, animated video and lyrics video, also test the ability of participants to read words that are not in the songs' lyrics.

Keywords: remedial education, KV+KVK, singing, children's songs

PENGENALAN

Menurut Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, dan Faiziah Shamsudin (2015), pemulihan adalah usaha untuk memperbaiki sesuatu kekurangan atau memperbetul sesuatu. Kekurangan murid terutama dalam lambat menguasai kemahiran 3M berbanding rakan sekelas yang lain boleh dirujuk kepada guru pemulihan untuk sesi rawatan. Seterusnya, pengkaji gemar menggunakan teknik nyanyian ketika di set induksi kerana ia mudah dilakukan disamping memberi keseronokan kepada murid pada permulaan PdPc. Selain berhibur murid juga dapat diajar membaca perkataan yang ditulis oleh guru daripada perkataan yang ada dalam lagu.

FOKUS KAJIAN

Teknik nyanyian yang pengkaji gunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa peneguh. Hallam (2010) menyatakan bahawa pengalaman muzik boleh meningkatkan pemprosesan maklumat dan dapat memberi impak kepada persepsi bahasa yang turut memberi kesan dalam belajar membaca. Wilson (2017) menerangkan bahawa pengaplikasian muzik dalam pengajaran dapat meningkatkan kosa kata dan kemahiran membaca kanak-kanak. Lirik lagu yang disediakan memberi mereka peluang untuk mengenal pasti bunyi yang dihasil bagi setiap suku kata yang membentuk sebuah perkataan yang bermakna. Dapat diringkaskan bahawa nyanyian berpotensi untuk membantu manusia terutama kanak-kanak dalam belajar sesuatu bahasa dan membaca berdasarkan perkataan pada lirik lagu. Tambahan pula, menurut Bollinger (2010), pengulangan dalam lagu adalah kunci bagi kefasihan berbahasa dan muzik menjadikan latihan yang berulang itu sesuatu yang menyeronokkan. Pengkaji menyokong pernyataan itu kerana dapat dilihat bahawa kanak-kanak amat mudah menghafal dan menyanyikan lagu-lagu popular ketika menjalani praktikum di sekolah. Perkataan KV+KVK yang dipilih pula adalah merupakan kemahiran asas yang ke-11 daripada 32 kemahiran asas dalam pendidikan pemulihan berdasarkan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- a. Membantu murid pemulihan membaca suku kata KV dan KVK dengan betul menggunakan teknik nyanyian.
- b. Meningkatkan kemahiran membaca murid pemulihan terhadap perkataan KV+KVK menggunakan teknik nyanyian.

Soalan Kajian

- a. Adakah teknik nyanyian dapat membantu murid pemulihan membaca suku kata KV dan KVK dengan betul?
- b. Adakah teknik nyanyian dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK bagi murid pemulihan?

PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Ciri-ciri Peserta Kajian

Nama	Jantina	Kaum/ Etnik	Umur	Kelas
A	Lelaki	Iban	9	3 Efisien
B	Lelaki	Iban	9	3 Efisien
C	Lelaki	Melayu	9	3 Efisien

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji menggunakan Model Kajian Tindakan Lewin (1946) seperti yang dinyatakan oleh Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, dan Bushro Ali (2018). Model ini mempunyai empat proses utama dalam menjalankan sesebuah kajian iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Turutan langkah atau peringkat itu membentuk satu kitaran dan boleh diulang bagi kitaran yang seterusnya. Bagi kajian ini sebanyak dua kitaran kajian telah dijalankan.

Bagi peringkat merancang, pengkaji telah mengenalpasti masalah peserta kajian dan memilih teknik nyanyian sebagai medium kajian. Lirik lagu dibina dan diubah suai menggunakan melodi lagu kanak-kanak 'Anak Itik Tok Wi' dan 'Lagu Tiga Kupang'. Lirik lagu yang dibina adalah mudah dan ringkas. Hal ini disebabkan pengkaji menerima pandangan Rini Lestari (2012) yang menyatakan bahawa kanak-kanak boleh menyanyikan lagu kanak-kanak kerana sudah terbiasa dengan lirik yang sederhana, pendek dan mudah dinyanyikan. Pengumpulan data dibuat melalui pemerhatian, ujian lisan dan rakaman suara. Setiap kitaran dilakukan dalam dua kali tindakan. Sebanyak lapan perkataan KV+KVK difokuskan dalam Kitaran 1 dan 11 perkataan KV+KVK difokuskan dalam Kitaran 2. Jadual 2 di bawah adalah merupakan ringkasan bagi peringkat bertindak dalam kajian ini.

Jadual 2

Peringkat Bertindak

Kitaran/ Tindakan	Penerangan
Kitaran 1	Lapan perkataan KV+KVK diperkenal
Tindakan 1	<ul style="list-style-type: none"> - menunjukkan gambar dan perkataan KV+KVK - bersoal jawab - memperkenalkan lirik lagu ubah suai yang menggunakan melodi lagu 'Anak Itik Tok Wi' - membimbing peserta untuk menyanyi dengan iringan muzik dan tanpa iringan muzik - menyiapkan lembaran kerja
Tindakan 2	<ul style="list-style-type: none"> - menyanyi secara berkumpulan - peserta kajian menyanyi secara individu

	<ul style="list-style-type: none"> - latihan menyanyi - menyiapkan lembaran kerja
Kitaran 2	11 perkataan KV+KVK diperkenal
Tindakan 1	<ul style="list-style-type: none"> - menggunakan kad gambar dan perkataan KV+KVK - bersoal jawab - memperkenalkan lirik lagu ubah suai yang menggunakan melodi lagu 'Lagu Tiga Kupang' - membimbing peserta untuk menyanyi dengan iringan muzik dan tanpa iringan muzik - menyiapkan lembaran kerja
Tindakan 2	<ul style="list-style-type: none"> - menyanyi secara berkumpulan - peserta membaca dan menyanyi secara individu - aktiviti imlak - latihan menyanyi - menyiapkan lembaran kerja

Ketika di peringkat memerhati, pengkaji meneliti hasil pemerhatian ke atas peserta kajian, rakaman suara peserta daripada aktiviti nyanyian yang telah ditranskripkan dan daripada keputusan ujian lisan yang telah dicatat. Peringkat mereflek, pengkaji menilai data yang diperolehi, meneliti sama ada persoalan dapat dijawab, mengenalpasti kekurangan dan penambahbaikan sebelum pengkaji meneruskan kitaran kedua. Jadual 3 di bawah memaparkan bagaimana cara mengumpul data dan cara analisis data dijalankan.

Jadual 3

Kaedah Mengumpul Data dan Cara Analisis Data

Kaedah Mengumpul Data	Cara Analisis Data
<p>Pemerhatian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan borang senarai semak individu yang mengandungi lima item. • Pengkaji mengisi kotak 'Ya' dan 'Tidak' pada borang senarai semak. 	<p>Pemerhatian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengkaji melihat kesan perubahan selepas tindakan dijalankan daripada hasil catatan dalam borang senarai semak sama ada positif atau negatif.
<p>Ujian Lisan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua ujian lisan sebelum dan selepas. • Peserta membaca perkataan KV+KVK secara individu. • Lapan perkataan KV+KVK di Kitaran 1 dan 11 perkataan KV+KVK di Kitaran 2. 	<p>Ujian Lisan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengkaji merujuk kotak 'Betul' dan 'Salah' pada borang semak ujian lisan. • Pengkaji menggunakan peratus (%) bagi jumlah skor yang diperolehi. • Graf dibina setelah skor sebelum dan selepas tindakan kajian dikumpul bagi tujuan perbandingan.
<p>Rakaman Suara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakaman dibuat ketika aktiviti membaca, menyanyi dan ujian lisan. 	<p>Rakaman Suara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakaman suara pada bahagian ujian lisan dibuat transkrip secara ringkas.

- Catatan ringkas bagi rakaman ujian lisan diletak dalam ruang catatan senarai semak ujian lisan.
- Pengkaji dapat meneliti cara peserta menyebut suku kata dan perkataan ketika membaca.

DAPATAN KAJIAN

Kitaran 1

Dapatan Pemerhatian

Jadual 4

Senarai Semak Pemerhatian Kitaran 1

Bil.	Item	Ya	Tidak
4.	Murid dapat membaca suku kata KV dan KVK dengan betul.		
5.	Murid dapat membaca perkataan KV+KVK dengan baik apabila ditunjukkan secara rawak.		

1 palang mewakili seorang murid

Borang senarai semak pemerhatian digunakan bagi dapatan ini dan diisi pada akhir setiap kitaran. Pada Item 4 di Jadual 4, peserta B dan C dapat membaca suku kata KV dan KVK sebagai sebuah perkataan KV+KVK manakala peserta A masih lemah untuk membaca suku kata KVK dengan betul. Item 5 pula, peserta B dan peserta C berjaya lulus dengan membaca melebihi lima daripada lapan perkataan KV+KVK dengan betul manakala peserta A gagal.

Dapatan Ujian Lisan

Jadual 5


Keputusan Ujian Lisan 2, Kitaran 1

Peserta Kajian	Perkataan KV+KVK								Skor	Peratus (%)	Keputusan	
	semut	katak	kilat	hujan	kolam	makan	datuk	rotan			Lulus (L)	Gagal (G)
A	X	/	X	/	X	X	X	/	3/8	37.5		G
B	/	/	/	/	/	/	/	/	8/8	100.0	L	
C	/	/	/	/	X	/	/	/	7/8	87.5	L	

Petunjuk: Markah lulus adalah melebihi 5 perkataan.

Jadual 5 ialah analisis bagi ujian lisan 2 yang dijalankan setelah selesai dua tindakan dalam Kitaran 1. Peserta A mendapat skor ujian lisan 2 sebanyak 37.5%, peserta B memperoleh 100% manakala skor peserta C meningkat dengan mendapat 87.5% bagi membaca perkataan KV+KVK dengan betul. Konklusinya, bagi kitaran 1, peserta B dan peserta C telah berjaya lulus dalam ujian lisan manakala peserta A masih gagal kerana tidak melepasi syarat minimum lulus iaitu membaca dengan betul sekurang-kurangnya 5 perkataan KV+KVK.

Graf pada Rajah 1 memberi gambaran ringkas mengenai hasil pencapaian dan perbandingan markah yang diperolehi oleh setiap peserta kajian. Peserta A hanya menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 12.5%, peserta B mendapat skor yang lebih baik berbanding ujian lisan sebelumnya dengan pertambahan 25%. Peserta C adalah yang mempunyai peningkatan skor yang paling ketara daripada sifar peratus kepada 87.5%.



Rajah 1. Perbandingan Hasil Ujian Lisan dalam Kitaran 1

Dapatan Rakaman Suara

Rakaman suara dibuat ketika proses membaca lirik lagu, membaca perkataan beramai-ramai, semasa menyanyi dan ketika ujian lisan. Pengkaji hanya memaparkan hasil transkrip bagi ujian lisan 2 kerana ia sudah memadai untuk menjawab persoalan kajian dan menyokong instrumen pemerhatian dan ujian lisan. Daripada tiga peserta, hanya peserta B dapat membaca semua suku kata KV dan KVK, dan membaca perkataan KV+KVK dengan betul.

Jadual 6

Catatan Rakaman Suara Ujian Lisan 2, Kitaran 1

Bil.	KV+KVK	Rakaman Suara Peserta		
		A	B	C
1.	semut	se + mut → lat = kilat	= semut	= semut
2.	katak	= katak	= katak	meneka = kolam
3.	kilat	ki + lat → ikan = kilat	= kilat	= kilat
4.	hujan	hu + jan = hujan	= hujan	= hujan
5.	kolam	ko + lam → lan = hujan	= kolam	= kolam
6.	makan	ma + kan → ? tiada jawapan	= makan	= makan
7.	datuk	te → re + tu → kan = pokok	= datuk	= datuk

8.	rotan	= rotan	= rotan	= rotan
Jumlah Sebutan yang Betul		3/8	8/8	7/8

Rumusan Kitaran 1

Setelah Kitaran 1 selesai, pengkaji telah membuat refleksi sendiri mengenai cara dan strategi yang digunakan dalam Kitaran 1. Keputusan bagi Kitaran 1 adalah kurang memuaskan. Lagu yang digunakan iaitu 'Anak Itik Tok WI' tidak sepenuhnya dapat dihafal dan dinyanyikan dengan lancar oleh peserta kajian. Beberapa perkara telah dikenal pasti dan perlu diperbaiki pada kitaran seterusnya. Antaranya ialah melodi lagu yang dipilih bagi Kitaran 1 iaitu daripada lagu kanak-kanak 'Anak Itik Tok Wi' mempunyai tempo yang cepat. Peserta kajian memerlukan lebih banyak latihan dan masa untuk menguasai dan menghafal lagu tersebut. Perkataan-perkataan dalam lirik lagu yang ditulis pada kertas mahjong juga tidak dapat dibaca dengan baik oleh peserta kerana kurang kemas. Disebabkan itu, pengkaji telah mencetak perkataan-perkataan itu dengan font yang sesuai agar dapat dibaca dengan baik oleh peserta kajian.

Kitaran 2

Dapatan Pemerhatian

Jadual 7

Senarai Semak Pemerhatian Kitaran 2

Bil.	Item	Ya	Tidak
4.	Murid dapat membaca suku kata KV dan KVK dengan betul.		
5.	Murid dapat membaca perkataan KV+KVK dengan baik apabila ditunjukkan secara rawak.		

1 palang mewakili seorang murid

Jadual 7 merupakan senarai semak pemerhatian setelah tindakan dalam Kitaran 2 selesai dijalankan. Item 4 melibatkan aktiviti imlak yang telah dijalankan dan kesemua peserta berupaya membaca suku kata KV dan KVK dengan hampir semuanya betul. Bagi item 5 hanya peserta B yang dapat membaca perkataan KV+KVK dengan betul kesemuanya manakala peserta A dan peserta C membuat beberapa kesalahan semasa membaca. Walau bagaimanapun, diakhir Kitaran 2 pada ujian lisan 2, peserta A, B dan C melepasi syarat lulus iaitu sekurang-kurangnya dapat membaca dengan betul lapan perkataan KV+KVK daripada 11 perkataan yang diberi.

Dapatan Ujian Lisan

Jadual 8


Keputusan Ujian Lisan 2, Kitaran 2

Peserta	Perkataan KV+KVK											Skor	Peratus (%)	Keputusan	
	kakak	kasut	hitam	bulan	malam	nenek	lobak	kobis	tanah	kotak	rumah			Lulus (L)	Gagal (G)
A	/	/	/	X	/	/	X	/	X	/	/	8/11	72.7	L	
B	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	11/11	100.0	L	
C	X	/	/	/	/	/	/	/	/	X	/	9/11	81.8	L	

Petunjuk: Markah lulus adalah melebihi 8 perkataan

Jadual 8 memaparkan analisis ujian lisan 2 bagi Kitaran 2. Ketiga-tiga peserta mendapat skor yang sangat memuaskan. Peserta B mendapat skor penuh 100%, diikuti peserta C, 81.8% dan peserta A dengan skor 72.7%. Konklusinya, kesemuanya lulus kerana peserta A juga turut melepasi syarat untuk lulus dengan dapat membaca lapan perkataan KV+KVK dengan betul.

Graf pada Rajah 2 di bawah memperlihatkan perbandingan peratus markah setiap peserta dalam dua ujian lisan yang dijalankan pada Kitaran 2. Peserta B masih konsisten menunjukkan peningkatan yang positif sama seperti dalam Kitaran 1 dengan memperoleh 100% pada ujian lisan 2. Markah peserta A dan peserta C pula melonjak naik selepas menerima tindakan dalam Kitaran 2, daripada sifar peratus kepada 72.7% dan 81.8%.



Rajah 2. Perbandingan Hasil Ujian Lisan dalam Kitaran 2

Dapatan Rakaman Suara

Jadual 9

Catatan Rakaman Suara Ujian Lisan 2, Kitaran 2

Bil.	KV+KVK	Rakaman Suara Peserta		
		A	B	C
1.	kakak	= kakak	= kakak	= kekak
2.	kasut	ka + sut = kasut	= kasut	= kasut
3.	hitam	hi + tam = hitam	= hitam	= hitam
4.	bulan	bu + lan → lam = malam	= bulan	= bulan
5.	malam	ma + lam = malam	= malam	= malam
6.	nenek	ne + nek = nenek	= nenek	= nenek
7.	lobak	lo + bak → = ketam	= lobak	= lobak
8.	kobis	ko + bis = kobis	= kobis	= kobis
9.	tanah	ta + nah → lan = bulan	= tanah	= tanah
10.	kotak	ko + tak = kotak	= kotak	ko + tak → ta = datok
11.	rumah	ru + mah = rumah	= rumah	= rumah
Jumlah Sebutan yang Betul		8/11	11/11	9/11

Data rakaman bagi ujian lisan 2 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Peserta B dapat membaca dan menyebut kesemua perkataan KV+KVK yang diuji dalam turutan rawak tanpa perlu mengeja suku kata bagi perkataan itu terlebih dahulu. Peserta C juga dilihat semakin baik dalam membaca perkataan KV+KVK tanpa perlu mengeja terlebih dahulu. Pengkaji berpuas hati dengan peserta A kerana walaupun dia dilihat sebagai peserta yang paling lemah dalam penguasaan membaca perkataan KV+KVK, dia berjaya melepasi syarat lulus ujian lisan dan dapat membaca suku kata dan perkataan KV+KVK dengan lebih separuh daripada perkataan yang diuji dengan betul.

Rumusan Kitaran 2

Berdasarkan keputusan analisis data yang telah diperolehi daripada tiga instrumen kajian yang digunakan, kedua-dua persoalan kajian tersebut telah dapat dijawab. Bagi persoalan pertama, salah satu jawapan boleh dirujuk pada senarai semak pemerhatian item 4 iaitu murid dapat membaca suku kata KV dan KVK dengan betul dengan tiga tanda palang mewakili tiga peserta kajian diletakkan pada kotak 'Ya'. Hal ini disokong dengan data rakaman suara bagi ujian lisan 2 Kitaran 2, Peserta A yang merupakan murid yang paling lemah antara ketiga-tiga peserta dapat membaca suku kata KV dan KVK dengan baik dan hampir betul kesemuanya dengan dapat membaca sebanyak lapan daripada 11 perkataan. Ketiga-tiga mereka juga lulus dalam ujian lisan membaca perkataan KV+KVK.

Persoalan kedua pula boleh dijawab berdasarkan senarai semak pemerhatian pada item 5 iaitu murid dapat membaca perkataan KV+KVK dengan baik apabila

ditunjukkan secara rawak. Tiga palang ditanda pada kotak 'Ya' dan turut disokong dengan hasil keputusan ujian lisan. Peserta A mendapat skor 8/11, peserta B mendapat skor 11/11 dan peserta C mendapat skor 9/11. Hal ini dikukuhkan lagi dengan rakaman suara yang telah ditranskripikan secara ringkas tentang bagaimana mereka dapat menyebut perkataan KV+KVK setelah membaca.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Secara ringkasnya dua persoalan yang ditimbulkan sudah dapat dijawab. Nyanyian berpotensi dalam pengajaran literasi terutama bagi membantu peserta menghafal, bertutur dan membaca. Hal ini disokong dengan hasil laporan daripada The Royal Conservatory of Music pada tahun 2014, yang menerangkan bahawa kajian yang diperoleh menunjukkan murid yang banyak dilatih menggunakan muzik memiliki kemahiran fonologi yang lebih baik yang membantu dalam belajar perkataan dengan lebih cepat, mempunyai perbendaharaan kata yang lebih luas dan cepat belajar membaca.

Pengkaji yakin kesan teknik nyanyian ke atas kemahiran peserta membaca perkataan KV+KVK bukanlah suatu kebetulan. Hal ini boleh dirujuk dalam kajian Walton pada tahun 2014 yang memfokuskan nyanyian dan gerakan dalam mengajar kemahiran pra bacaan dan membaca. Beliau menyatakan lapan perkataan awal daripada 12 perkataan yang diuji terdapat dalam lagu manakala empat perkataan terakhir ditambah untuk menguji sama ada kanak-kanak dapat menggunakan kemahiran membaca pada perkataan baharu. Hasilnya, kumpulan rawatan dapat membaca lebih banyak perkataan berbanding kumpulan kawalan dan ini membuktikan bahawa mereka dapat menggunakan kemahiran membaca itu bagi membaca perkataan yang tidak dikenali. Lantas membidas pandangan bahawa kumpulan rawatan hanya dapat membaca perkataan berdasarkan memori penglihatan terhadap perkataan yang diajar dalam lagu.

Menerusi kajian ini, pengkaji telah dapat membuka mata mengenai kepentingan lagu kanak-kanak ke atas diri kanak-kanak. Greenhalgh (2018) dalam bukunya yang bertajuk *Music and Singing in the Early Years A Guide to Singing with Young Children* menyatakan bahawa aktiviti nyanyian dapat membentuk memori muzikal: perkataan-perkataan digabungkan dengan melodi memberi bentuk dan struktur pada lagu serta memberikan ciri yang tidak dapat dilupakan. Lagu kanak-kanak adalah sesuai untuk diajar kerana mempunyai struktur yang ringkas dan pendek dan disebabkan itu, murid mudah untuk menghafal dan menyanyikan bersama. Contohnya, lagu Lompat si Katak Lompat, Burung Kakak Tua dan Ikan Kekek.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Bagi kajian lanjutan pengkaji menyarankan beberapa cadangan antaranya bagi pembinaan lagu yang diubah suai, suara atau audio dirakam bagi lagu itu. Selain itu, video animasi dan video lirik juga boleh dibina bagi menarik minat murid. Hal ini kerana video animasi sangat disukai kanak-kanak. Video lirik juga sesuai dan dapat menjadi panduan kepada murid ketika menyanyikan lagu. Seterusnya, kajian Walton (2014) memasukkan beberapa perkataan yang tidak dikenali dalam ujiannya. Oleh itu,

boleh diaplikasikan dalam tindakan susulan dengan menguji perkataan yang tidak diperkenalkan kepada peserta kajian semasa ujian.

RUMUSAN

Nyanyian bukan sekadar suatu hiburan tetapi medium pendidikan bagi pembelajaran literasi. Teknik nyanyian adalah mudah untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak. Dengan syarat, nyanyian itu perlu ringkas, mudah dan mempunyai melodi yang rancak. Nyanyian yang turut membantu kanak-kanak menghafal juga secara beransur-ansur akan membantu mereka untuk mahir membaca.

RUJUKAN

- Bollinger, C. (2010). Using Music to Teach Early Reading Skills. Diperoleh daripada <http://songsforteaching.net/early-reading-skills/>
- Bahagian Pendidikan Khas. (2012) Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/images/Bahagian-pendidikan-khas/Muat-Turun-PPK/BM-Buku-Panduan.pdf>
- Greenhalgh, Z. (2018). Music and Singing in the Early Years A Guide to Singing with Young Children. New York: Routledge
- Hallam, S. (2010). The Power of Music: Its Impact on The Intellectual, Social and Personal Development of Children and Young People. *International Journal of Music Education*, 28(3):269-289. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/242560857_The_power_of_music_Its_impact_on_the_intellectual_social_and_personal_development_of_children_and_young_people
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, & Faiziah Shamsudin. (2015). Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. Prosiding Seminar Nasional Islami Surakarta. 131-136. Diperoleh daripada <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/bitstream/handle/11617/1760/B6.%20RiniUMS%20%28fixed%29.pdf?sequence=1&isAllowed=y>
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, & Bushro Ali. (2018). Asas Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- The Royal Conservatory of Music. (2014). The Benefits of Music Education: An Overview of Neuroscience Research. Toronto. Diperoleh daripada <https://artshealthnetwork.ca/resources/benefits-music-education-overview-neuroscience-research>
- Walton, P. D. (2014) Using Singing and Movement to Teach Pre-reading Skills and Word Reading to Kindergarten Children: An Exploratory Study. *Language and Literacy*, 16(3),54-77. Diperoleh daripada <https://journals.library.ualberta.ca/langandlit/index.php/langandlit/article/download/23441/17341>
- Wilson, N. (2017). Improving Grammar and Fluency with Songs. Diperoleh daripada <https://www.augusthouse.com/single-post/Improving-Grammar-and-Fluency-with-Songs>

Jabatan Ilmu Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

¹husainizakari96@yahoo.com, ²selinahjahmad08@hotmail.com

PENGGUNAAN SLAID ANIMASI BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN OPERASI ASAS TOLAK LINGKUNGAN 50 DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN

TAHAP 1

**NUR AZRIN SYARMILA ABDUL MUTDALIB¹
HUANG CHWEI ING²**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan kaedah slaid animasi dalam membantu dua orang murid tahap satu menguasai kemahiran operasi asas tolak. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah rendah di Miri Responden terdiri daripada 2 orang iaitu seorang murid lelaki dan seorang murid perempuan yang belum menguasai kemahiran operasi asas tolak. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui temu bual, dokumen, dan pemerhatian. Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, peserta kajian menunjukkan peningkatan yang baik dalam kemahiran operasi asas tolak setelah kaedah ini digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci : kesan, slaid animasi, operasi asas, tolak, murid tahap satu, peningkatan.

ABSTRACT

This study was carried out to investigate the effect of using animation slide method in helping two students level one to master of of subtraction skills. The study was conducted at one of the primary schools in Miri. Participants consisting of 2 students, a male pupil and a female pupil who had not mastered basic operational skills. Data collection methods used are through interviews, documents, and observations. Based on the analysis, the study participants showed a good improvement in basic operational skills after this method was used in the teaching and learning process.

Keywords: effect, animation slide, basic operation, subtraction, level one pupil, improvement.

Pengenalan

Sepanjang menjalani Praktikum Fasa 2, pengkaji mendapati terdapat 2 orang peserta kajian pemulihan mempunyai tahap penguasaan operasi asas tolak yang agak rendah. Mereka tidak dapat menyelesaikan soalan operasi asas tanpa bimbingan guru. Apa yang pengkaji dapati daripada peserta kajian-peserta kajian tersebut ialah mereka tidak dapat menguasai kemahiran operasi asas tolak dengan baik dan menyukarkannya untuk menguasai kemahiran yang lebih mencabar. Mereka hanya dapat menyelesaikan soalan yang mengandungi operasi asas dengan bimbingan guru. Sekiranya diminta untuk menyelesaikan soalan tanpa bimbingan guru, mereka tidak dapat melaksanakan arahan yang guru berikan. Mereka akan menulis semula nombor yang terdapat pada soalan ataupun meniru daripada rakan yang lain walaupun jawapan yang ditulis adalah tidak tepat.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan untuk mengatasi masalah penguasaan operasi asas tolak lingkungan 50 dalam kalangan peserta kajian pemulihan tahap 1. Berdasarkan kemampuan peserta kajian, pengkaji akan memfokuskan kajian

ini bagi memudahkan peserta kajian menguasai operasi asas tolak dalam lingkungan 50 sahaja. Walaupun peserta kajian dapat mengenal dan mengecam nombor namun peserta kajian sering menghadapi masalah dalam menyelesaikan operasi asas tolak yang melibatkan pengumpulan semula .

Oleh itu, bagi meningkatkan ingatan serta penguasaan peserta kajian di dalam kemahiran operasi asas tolak lingkungan 50 yang melibatkan pengumpulan semula, pengkaji menggunakan kaedah multimedia, iaitu Slaid animasi. Pengkaji juga akan merangka aktiviti di mana dapat mengaplikasikan penggunaan slaid animasi di dalam aktiviti yang lebih menarik dan berkesan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif :

- a. Meningkatkan penguasaan menyelesaikan operasi asas tolak lingkungan 50 dalam kalangan murid pemulihan tahap 1 dengan menggunakan slaid animasi.
- b. Mengenalpasti keberkesanan penggunaan slaid animasi dalam menarik minat murid pemulihan untuk belajar dalam pengajaran dan pembelajaran matematik

Soalan Kajian :

1. Adakah penggunaan kaedah slaid animasi dapat membantu meningkatkan penguasaan menyelesaikan operasi asas tolak lingkungan dalam kalangan murid pemulihan tahap 1?
2. Adakah penggunaan slaid animasi dapat membantu menarik minat murid pemulihan untuk belajar dalam pengajaran dan pembelajaran matematik?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian yang dipilih oleh pengkaji merupakan murid pemulihan tahap 1 yang kurang menguasai kemahiran operasi asas tolak lingkungan 50. Pengkaji telah memilih dua orang peserta kajian yang berusia 9 tahun. Peserta kajian yang dipilih adalah peserta kajian pemulihan berprestasi sederhana yang boleh mengecam dan menulis nombor dengan betul namun menghadapi masalah untuk menyelesaikan operasi asas tolak. Jadual menunjukkan ciri-ciri yang terdapat pada kumpulan sasaran.

Jadual 1

Ciri-ciri peserta kajian

Butiran	Peserta kajian A	Peserta kajian B
Jantina	Perempuan	Lelaki
Umur	9 tahun	9 tahun
Prestasi Akademik	Sederhana	Sederhana
Masalah	Rendah diri	Hiperaktif
Ciri-ciri Lain	Pendiam	Sering bercakap semasa guru mengajar
	Suka mengelamun apabila guru memberi penerangan	Suka menyanyi

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam menguasai operasi asas tolak, pengkaji telah merangka satu langkah kajian tindakan bagi mengatasi masalah ini. Untuk itu, pengkaji telah menjadikan Model Kemmis & McTaggart 1988 sebagai asas kepada kajian tindakan yang telah dilaksanakan.


Peringkat pertama ialah mereflek pengajaran dan pembelajaran lampau. Proses refleksi dilakukan oleh pengkaji dalam mengenalpasti kekuatan, kelemahan serta masalah yang dihadapi dalam sesi P&P. Pengkaji telah melaksanakan proses pengumpulan awal data bagi mengenalpasti masalah utama yang dihadapi peserta kajian.

Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji telah mengenalpasti masalah utama yang dihadapi peserta kajian ialah kurangnya kefahaman dalam kemahiran operasi asas tolak. Peserta kajian tidak menumpukan perhatian sepenuhnya semasa guru sedang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Akibatnya, peserta kajian tidak mampu menyelesaikan operasi asas tolak dan seterusnya tidak berminat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Setelah masalah dikenalpasti, pengkaji merancang suatu intervensi untuk memperbaiki masalah peserta kajian yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Seterusnya pengkaji memilih kaedah multimedia iaitu dengan menggunakan Slaid animasi bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian. Pengkaji menggunakan slaid animasi berdasarkan perisian *powerpoint* yang mengandungi langkah serta kaedah dalam penyelesaian operasi asas tolak secara umum dan latihan yang akan dijalankan semasa pengkaji menjalankan tindakan bersama peserta kajian.

Peringkat yang seterusnya ialah memerhati. Pada peringkat ini, pengkaji merekod dan menganalisis segala data yang diperolehi. Selain itu, pemerhatian ini juga dijalankan untuk melihat peningkatan tahap penguasaan murid dalam menyelesaikan operasi asas tolak dan minat mereka untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan slaid animasi. Seterusnya, pengkaji mencatat pemerhatian tentang apa yang berlaku di dalam bilik darjah semasa proses intervensi berlangsung berdasarkan kepada aspek-aspek yang terdapat di dalam borang pemerhatian.

Pengumpulan data merupakan langkah utama dalam menjayakan sesebuah kajian tindakan. Pemilihan instrument sangat penting kerana ia akan menentukan hala tuju objektif serta persoalan kajian yang telah dibina. Pengkaji telah memilih beberapa cara menganalisis data sepanjang pelaksanaan kajian ini.



Rajah 2. Cara pengumpulan data

DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan sebanyak 2 kitaran. Dapatan kajian menunjukkan data yang telah diperolehi dan diproses melalui instrumen-instrumen yang digunakan dalam pengumpulan data kajian. Dapatan ini bertujuan untuk membuat interpretasi data-data yang dianalisa untuk tujuan membuat rumusan dan kesimpulan serta menjawab persoalan kajian.

Pemerhatian


Jadual 2

Senarai semak pemerhatian

Aspek	Peserta kajian	Peserta Kajian	Peserta Kajian
		A	B
Menyebut ayat matematik secara lisan		/	/
Boleh menulis semula ayat matematik kepada bentuk lazim		/	/
Menolak dua nombor operasi asas matematik lingkungan 50		/	/
Menyelesaikan operasi asas matematik langkah demi langkah		/	/

Ujian Bertulis

Berdasarkan ujian awal dan akhir yang telah dilaksanakan, peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif terhadap penguasaan operasi asas tolak setelah Penggunaan slaid animasi dilaksanakan dalam pengajaran. Keada-dua peserta kajian boleh menyelesaikan operasi asas tolak tanpa bimbingan guru.



Rajah 3. Graf peratusan ujian 1 dan ujian 2

Temubual

Berdasarkan hasil temubual bersama peserta kajian, kedua-dua peserta kajian memberikan respon positif terhadap kajian yang telah dilaksanakan. Berikut merupakan transkrip temubual bersama peserta kajian.

Soalan

Pengkaji : *Adakah kamu ingin belajar menggunakan slaid animasi?*

Jadual 3

Hasil temubual bersama peserta kajian

Intervensi kedua	
Peserta Kajian A	Peserta Kajian B
<i>Ya cikgu. Saya seronok belajar guna komputer</i>	<i>Nak cikgu. Saya suka tengok animasi dalam komputer.</i>

Selain itu, pengkaji turut menjalankan temubual bersama guru. Respon daripada guru juga amat baik.

“ Penggunaan slaid animasi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sangat sesuai dijalankan dalam kelas bagi membantu murid menguasai operasi asas matematik kerana murid dibimbing satu per satu melalui animasi yang ditunjukkan dalam powerpoint dan diperkukuhkan lagi dengan gambar yang berwarna-warni. Murid lebih berminat dengan cara ini berbanding cara konvensional “ – Cikgu A

Rekod Anekdote

“ Penggunaan slaid animasi yang menggabungkan animasi, audio, teks dan imej yang digabungkan semasa pengajaran dan pembelajaran mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Murid semakin berminat dengan aktiviti pengajaran yang dijalankan oleh guru. Murid dapat mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan dengan baik “

(Praktikum fasa 2)

REFLEKSI

Hasil dapatan daripada instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji, pengkaji mendapati Penggunaan slaid animasi dalam pengajaran dan pembelajaran operasi asas tolak lingkungan 50 dalam kalangan murid pemulihan tahap 1 telah menjawab kedua-dua persoalan kajian. Penggunaan slaid animasi dalam pengajaran dan pembelajaran berjaya meningkatkan minat murid pemulihan tahap 1 dalam mempelajari operasi asas tolak dan juga meningkatkan tahap penguasaan peserta kajian.

Selain itu, tahap penguasaan peserta kajian yang lemah dalam operasi asas tolak semakin baik dan mereka boleh menyelesaikan soalan latihan yang diberikan oleh pengkaji berbanding sebelumnya. Bagi pengkaji, kekuatan yang terdapat dalam Penggunaan slaid animasi ini adalah gabungan beberapa elemen grafik di dalamnya dan memudahkan peserta kajian mempelajari dan seronok belajar menggunakan kaedah tersebut. Elemen yang digunakan oleh pengkaji ialah elemen audio, visual, dan grafik yang dapat menarik minat peserta kajian. Ini secara tidak langsung dapat membantu guru dalam merancang pengajaran yang menyeronokkan. Elemen keseronokkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu yang sangat penting bagi mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Antara kelemahan yang dilihat oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kekangan masa dan ketidakhadiran peserta kajian ke sekolah. Ini menjadikan kelemahan bagi pengkaji kerana pengkaji telah membuat perancangan dan terpaksa mengubah perancangan tersebut berdasarkan keadaan semasa. Selain itu, intervensi yang dijalankan tidak dijalankan di tempat yang kondusif supaya peserta kajian lebih memberikan tumpuan kepada intervensi yang dijalankan. Pernyataan ini selaras dengan pendapat yang dinyatakan oleh Rohani, Nani dan Mohd Sharani (2003) yang menyatakan ruang untuk murid belajar perlu diambil kira dalam menentukan kejayaan pembelajaran.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kesan positif Penggunaan kaedah slaid animasi ini boleh dilihat dalam masa yang cepat jika dibandingkan dengan penggunaan kaedah konvensional di dalam kelas. Terdapat beberapa cadangan yang boleh diambil kira untuk menjadikan kajian tersebut lebih mantap.

1. Bahan pengajaran

Pengajaran operasi asas tolak menggunakan slaid animasi memerlukan suasana belajar yang aktif. Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai mampu memberikan impak kepada peserta kajian. Bahan pengajaran yang digunakan hendaklah sesuai dan dapat menarik minat murid untuk mengikuti pengajaran guru. Walaubagaimanapun, bahan pengajaran yang sedia ada begitu terhad. Inisiatif guru diperlukan dalam mempelbagaikan bahan pengajaran alternative terutama bahan yang melibatkan penggunaan alat TMK.

2. Matapelajaran lain

Selain itu kaedah ini juga sesuai digunakan untuk matapelajaran lain yang terdapat dalam kelas pemulihan mahupun kelas aliran perdana. Ini kerana agak susah untuk guru menarik minat murid yang mempunyai masalah pembelajaran ini sekiranya guru tidak menyediakan bahan bantu mengajar yang mampu menarik perhatian mereka untuk belajar.

3. Ruang pembelajaran yang kondusif

Untuk memperoleh kesan yang lebih mendalam dan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menyediakan ruang pembelajaran yang sesuai agar murid boleh menjalankan aktiviti dengan selesa. Menurut Rohani, Nani dan Mohd Sharani (2003) ruang untuk murid belajar perlu diambilkira dalam menentukan kejayaan dalam sesuatu pembelajaran.

RUJUKAN

- Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud (2011). Siri Pendidikan : *Kajian tindakan : Konsep & amalan dalam pengajaran*. Penerbit Multimedia Sdn. Bhd, ISBN 978-967-374-130-4. Selangor, Malaysia.
- Nur Shazlina (2009). Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL. *Kaedah Pengajaran Operasi Penambahan Dalam Mata Pelajaran Matematik Dalam Kalangan Peserta kajian Slow Learner*, ms.172-179. Sarawak

Pendidikan Pemulihan
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
¹azrinsyarmila96@gmail.com, ²chweiing@gmail.com

MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN OPERASI TAMBAH LINGKUNGAN 10 MURID PEMULIHAN TAHAP 1 DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK NYANYIAN

**PATRICK JOING ANAK SUMPING¹
Dr HUANG CHWEI ING²**

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan murid tahap 1 dalam topik operasi tambah lingkungan 10 dengan menggunakan teknik nyanyian. Teknik nyanyian adalah berasaskan kecerdasan muzik Gardner (1983). Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam 1 kitaran yang mengandungi 3 tindakan dalam masa 3 bulan di sebuah sekolah rendah di Miri. Data kajian tindakan telah dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan senarai semak yang dijalankan ke atas 2 orang murid yang menjadi peserta kajian ini. Pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti tahap minat peserta kajian terhadap teknik nyanyian manakala analisis dokumen dalam bentuk lembaran kerja murid-murid digunakan untuk menilai tahap penguasaan mereka dalam operasi tambah lingkungan 10 dan senarai semak digunakan untuk menilai tahap kemahiran yang telah dikuasai sebelum dan selepas teknik nyanyian diperkenalkan. Model Kemmis dan McTaggart (1988) telah dipilih untuk digunakan di dalam kajian ini bagi melihat perkembangan kajian. Hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan kesan positif dari segi peningkatan tahap minat murid dan penglibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran selain daripada peningkatan markah dalam lembaran kerja operasi tambah. Selain itu, kaedah nyanyian turut menambah baik amalan saya dalam proses pengajaran dan pemudahcara operasi tambah dalam lingkungan 10.

Kata kunci: murid, teknik, nyanyian, operasi tambah

ABSTRACT

This action research was carried out with the aim of enhancing on the primary school level one student in learning addition operation within 10 using the singing technique. The action research was carried out in one cycles consisted of 3 action within three months in a primary school in Miri and it was carried out based on Kemmis and McTaggart model (1988) The data for the research was gathered using observation, analysis of document and checklist on two students as the research respondent. The research findings showed that there is a positive effect in terms of increase in the interest of the students and active participation in the learning activities besides an increase in the addition operation score in the worksheets. Furthermore, the research also showed the singing technique has also enhance on the researcher's teaching and facilitating practices in addition operation within 10.

Key words: singing technique, addition operation, Kemmis dan McTaggart model

PENGENALAN

Pendidikan Pemulihan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran belajar dalam menguasai satu-satu kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Menurut Abdul Latif Samian (2010) Matematik merupakan satu bidang ilmu yang melatih minda supaya berfikir secara mantik dan bersistem dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Sifat matematik secara logikal menggalakkan pembelajaran yang bermakna dan mencabar pemikiran seseorang individu.

Kurikulum Matematik Sekolah Rendah Tahap 1 merupakan asas kepada pembinaan kemahiran matematik dan aplikasi asas (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Dua, 2017). Teknik nyanyian dipilih kerana sifatnya mesra dan mudah diterima oleh kanak-kanak serta menarik perhatian dan memudahkan kanak-kanak untuk berkeyakinan di dalam pembelajaran. Hal ini kerana golongan kanak-kanak merupakan golongan yang suka menyanyi dan bergerak pada peringkat usia masih kecil (Mohd. Daud Hamzah, 2009). Justeru murid lebih mudah memahami sesuatu pelajaran dengan hanya melalui nyanyian. Menurut Lestari (2012), kaedah yang kreatif dan inovatif adalah menggunakan teknik nyanyian kerana nyanyian adalah sebahagian daripada kanak-kanak selain aktiviti bermain.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan teknik meningkatkan penguasaan tambah murid pemulihan tahun dua dalam lingkungan 10 dan juga mengajar murid untuk memahami dengan jelas tentang operasi tambah yang betul. Menurut Rini Lestari (2012) dengan menggunakan teknik nyanyian dapat menarik minat murid agar yakin pada diri bahawa konsep pengajaran dan pembelajaran dalam matematik adalah tidak susah. Pengkaji telah membuat pemerhatian tentang isu yang dihadapi perlu kaedah penyelesaian yang lebih relevan dengan tahap minat murid pada masa kini. Fokus murid dilihat sebagai satu elemen penting dalam menjadikan pengajaran guru yang berkesan untuk mencapai objektif yang telah dirancang. Pengkaji memilih penggunaan teknik nyanyian kerana merasakan perlunya inovasi dan pendekatan yang mudah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Teknik nyanyian dipilih kerana amat bersesuaian dengan minat dan persekitaran murid di samping meningkatkan penguasaan murid dalam operasi tambah dalam lingkungan 10. Melalui penggunaan teknik nyanyian ini diharapkan agar kefahaman murid dalam topik penambahan meningkat serta dapat menyelesaikan soalan yang berkaitan dengan tambah dengan betul.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian

- a. Menentukan keberkesanan penggunaan teknik nyanyian dalam membantu murid menguasai operasi tambah lingkungan 10.
- b. Meningkatkan penguasaan murid untuk mengingat kaedah operasi tambah dalam lingkungan 10 dengan menggunakan teknik nyanyian.

Soalan kajian

- a. Adakah penggunaan teknik nyanyian berkesan bagi membantu murid pemulihan menguasai operasi tambah dalam lingkungan 10?
- b. Sejauh manakah murid dapat menguasai operasi tambah dalam lingkungan 10 dengan menggunakan teknik nyanyian?

PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Ciri - ciri Peserta Kajian

Murid	Jantina	Kaum	Umur	Kelas
Mir(nama samaran)	Perempuan	Kayan	8	2 Efisien
Zaf(nama samaran)	Perempuan	Iban	8	2 Efisien

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji telah memilih Model Kemmis dan McTaggart (1988) untuk menjalankan tindakan kajian. Model ini terbahagi kepada empat proses utama dalam menjalankan sesebuah kajian iaitu mereflek, merancang, bertindak dan memerhati. Berdasarkan proses tersebut, pengkaji membentuk satu kitaran sahaja yang mengandungi 3 tindakan.

Bagi peringkat mereflek, pengkaji telah melaksanakan proses pengumpulan data awal dengan mereflek data analisis dokumen yang telah diperolehi berdasarkan pemerhatian yang dijalankan terhadap peserta kajian iaitu melalui hasil penilaian ujian diagnostik.

Pada peringkat merancang, pengkaji merancang tindakan untuk memperbaiki masalah peserta yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Menerusi kajian ini, peserta kajian mempunyai masalah dalam penguasaan tambah lingkungan 10. Pengkaji telah membuat dan membentuk soalan kajian bagi menentukan kajian yang akan dijalankan dengan membuat rujukan literatur dan alat-alat kajian serta merancang tindakan. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan teknik nyanyian untuk mengatasi masalah tersebut. Lirik lagu yang digunakan adalah dengan mengubah lirik lagu kanak-kanak sedia ada. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan tiga instrumen iaitu pemerhatian, senarai semak dan analisis dokumen.

Jadual 2

Peringkat Bertindak

Tindakan	Penerangan
Sebelum	Pengkaji menjalankan ujian 1 operasi tambah lingkungan 10 terhadap peserta kajian.
Tindakan 1	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran 1 iaitu aktiviti menyatakan bilangan objek dalam kumpulan. Menggunakan batang ais krim yang pelbagai warna.

	<ul style="list-style-type: none"> • membilang batang ais krim mengikut warna yang sama. • Kemahiran 2 iaitu menyatukan dua kumpulan objek dan menyatakan jumlah. Menggunakan batang ais krim pelbagai warna. • menggabungkan dua warna batang ais krim dan menyatakan jumlah. • Kemahiran 3 iaitu membilang objek dalam kumpulan dan meletakkan kad nombor. • mengira guli yang bersaiz besar dan meletakkan kad nombor pada cawan.
Tindakan 2	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran 4 iaitu membina dan menyebut ayat matematik bagi proses penyatuan. • lembaran kerja untuk aktiviti • memperkenalkan lirik lagu tambah dalam lingkungan 10 dengan memperkenalkan melodi lagu 'Kalau Rasa Gembira Tepuk Tangan'. • Kemahiran 5 iaitu menulis ayat matematik berpandukan gambar. • menggunakan kad nombor yang bergambar • menulis ayat matematik pada kertas mahjong dengan teknik nyanyian. Lembaran kerja disediakan.
Tindakan 3	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran 6 iaitu melengkapkan ayat matematik operasi tambah. • latihan nyanyian operasi tambah • mengira hasil jumlah tambah secara berkumpulan dengan lirik lagu operasi tambah mengikut melodi yang sedia ada. • menghitung jumlah tambah secara individu dengan lirik nyanyian yang sama.
Selepas	Pengkaji jalankan ujian 2 operasi tambah lingkungan 10 terhadap peserta kajian.

Peringkat memerhati, pengkaji merekod dan mencatat segala maklumat atau data yang telah diperolehi. Pengkaji melakukan pemerhatian berdasarkan aspek yang dibina pada borang pemerhatian dan sepanjang tindakan dijalankan. Rekod data pemerhatian diambil selepas tindakan dilaksanakan. Keputusan hasil ujian 1 dan 2 juga dicatat pada senarai semak ujian. Data dianalisis untuk melihat peningkatan penguasaan tambah lingkungan 10 peserta kajian selepas tindakan kajian dijalankan ke atas mereka.

DAPATAN KAJIAN

Melalui dapatan kajian, pengkaji telah melakukan analisis data berdasarkan daripada hasil kaedah mengumpul data yang telah dipilih. Data dikumpul hasil daripada pemerhatian, senarai semak dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan sama ada objektif kajian telah tercapai atau sebaliknya.

Dapatan Pemerhatian

Jadual 3

Ringkasan Borang Pemerhatian

Bil	Item	Memuaskan	Tidak Memuaskan
7	Memahami konsep operasi tambah dengan betul.	I	I
8	Menyanyikan mengikut irama lagu sambil mengira dengan betul.	II	
9	Menyatakan bilangan objek dalam kumpulan.	II	
10	Menyatukan dua kumpulan objek dan menyatakan jumlahnya.	II	
11	Membilang objek dalam kumpulan dan meletakkan angka di bawahnya.	I	I

Petunjuk I palang menunjukkan I peserta kajian

Borang pemerhatian telah digunakan bagi dapatan keputusan ini dan dicatat pada akhir tindakan 2 dijalankan. Pada item 7, Zaf dapat memahami konsep operasi tambah dengan betul manakala Mir memberi keputusan yang tidak memuaskan. Item yang 8 pula, kedua-dua peserta kajian dapat menyanyikan mengikut irama lagu sambil mengira dengan betul. Bagi item 9, Zaf dan Mir juga dapat menyatakan bilangan objek dalam kumpulan dengan betul. Seterusnya item 10, kedua-duanya dapat menyatukan dua kumpulan objek dan menyatakan jumlahnya dengan betul. Item 10 pula, Zaf dapat membilang objek dalam kumpulan dan meletakkan angka di bawahnya manakala Mir memberi keputusan tidak memuaskan.

Dapatan Senarai Semak

Jadual 4

Keputusan Senarai Semak Ujian 1

Peserta Kajian	Soalan								Keputusan			
	1	2	3	4	5	6	7	8	Skor	Peratusan(%)	Lulus (L)	Gagal(G)
Zaf	X	/	X	X	X	X	/	/	3	37.5		G
Mir	X	/	X	/	X	X	/	X	3	37.5		G

Petunjuk : Markah lulus adalah betul melebihi 5 soalan.

Berdasarkan jadual 4, keputusan ujian 1 telah dicatat dengan menggunakan borang senarai semak ujian 1. Hasil keputusan menunjukkan peserta kajian iaitu Zaf dan Mir memberikan keputusan yang sangat lemah. Kedua-dua peserta kajian mendapat skor yang sama iaitu betul 3 daripada 8 soalan sahaja. Jumlah peratusan

yang rendah tersebut telah menunjukkan kedua-dua gagal dalam ujian 1 kerana betul kurang dari 5 skor soalan ke atas. Pengkaji kemudian bertindak dengan merancang tindakan yang sesuai dengan menggunakan teknik nyanyian untuk meningkatkan penguasaan tambah lingkungan 10 peserta kajian.

Selepas tindakan 1 hingga 3 selesai dilaksanakan, pengkaji telah menjalankan ujian 2 untuk mendapatkan keputusan hasil daripada tindakan kajian tersebut. Berikut merupakan jadual keputusan ujian 2 yang telah dicatat dan dianalisis markah skor kepada markah peratusan yang betul.

Jadual 5


Keputusan Senarai Semak Ujian 2

Peserta Kajian	Soalan								Keputusan			
	1	2	3	4	5	6	7	8	Skor	Peratusan(%)	Lulus (L)	Gagal(G)
Zaf	/	X	/	/	/	/	/	/	7	87.5	L	
Mir	/	/	/	/	/	X	/	X	6	75	L	

Petunjuk: Markah lulus adalah betul lebih daripada 5 soalan.

Jadual 5 menunjukkan analisis senarai semak ujian 2 yang telah dijalankan ke atas peserta kajian iaitu Zaf dan Mir. Berdasarkan hasil keputusan skor bagi ujian 2 memberikan skor yang amat baik dan memuaskan. Kedua-dua peserta kajian mendapat skor yang tinggi dan mendapat peratusan markah yang baik. Zaf telah mendapat 7 skor markah jawapan yang betul daripada 8 soalan. Manakala Mir pula mendapat 6 skor markah daripada 8 soalan. Hasil daripada tindakan yang dijalankan ke atas peserta kajian menunjukkan kedua-duanya lulus.

Graf Rajah 1 di bawah menunjukkan hasil perbandingan peratus markah setiap peserta kajian iaitu Zaf dan Mir selepas tindakan dijalankan. Skor peratusan bagi kedua-dua peserta kajian iaitu Zaf dan Mir menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Pada ujian 1, Zaf dan Mir mendapat jumlah peratusan markah yang sama iaitu 37.5%. Namun setelah ujian 2 dijalankan, Zaf mendapat peningkatan sebanyak 50% dengan mendapat 7 skor betul daripada 8 soalan. Manakala Mir turut menunjukkan peningkatan yang agak baik iaitu meningkat sebanyak 37.5%.



Rajah 1. Perbandingan Ujian 1 dan Ujian 2

Dapatan Analisis Dokumen

Jadual 6

Keputusan Hasil Lembaran Kerja

Soalan							
Peserta Kajian	1	2	3	4	5	6	Skor
Zaf	/	/	/	/	/	/	6
Mir	/	/	/	X	/	X	4

Petunjuk: Markah lulus adalah betul lebih daripada 4 soalan.

Berdasarkan jadual 6 iaitu lembaran kerja operasi tambah dalam lingkungan 10 telah digunakan pengkaji untuk menilai tahap penguasaan peserta kajian pada tindakan 2. Lembaran kerja tersebut digunakan untuk menguji kemahiran 5 iaitu menulis ayat matematik berpandukan gambar. Bagi soalan 1, kedua-dua peserta dapat menjawab dengan betul. Manakala bagi soalan 2 dan 3 juga peserta kajian dapat menjawab dengan betul. Seterusnya ialah soalan 4, hanya Zaf sahaja yang dapat menjawab dengan betul manakala Mir menjawab dengan salah. Soalan yang berikutnya ialah soalan 5, kedua-dua peserta dapat menjawab dengan tepat soalan mudah yang diberikan. Akhir sekali, Zaf menjawab dengan betul manakala Mir memberikan jawapan salah.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Secara kesimpulannya, kedua-dua persoalan yang ditimbulkan sudah dapat dijawab. Peserta kajian juga menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan operasi tambah lingkungan 10 dengan menggunakan teknik nyanyian. Sebelum tindakan dijalankan, peserta kelihatan agak pasif dan kurang bersuara berbanding rakannya yang lain. Peserta kajian hanya memberi respon sekiranya rakan rapatnya duduk bersama dengannya belajar bersama-sama. Sekiranya kawan rapatnya dialihkan ke tempat lain, peserta kajian mudah hilang tumpuan dan asyik memandangi kawan rapatnya. Hal ini membuktikan bahawa hanya kawan rapat dan rakan sekelilingnya perlu berada bersama peserta kajian barulah peserta kajian dapat memberi perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran operasi tambah dengan menggunakan teknik nyanyian.

Pengkaji juga menjelaskan teknik nyanyian dengan melodi yang betul dan sesuai dapat membantu meningkatkan penguasaan peserta kajian terhadap menyelesaikan masalah operasi tambah dalam lingkungan 10. Dapatan kajian ini disokong Geist dan Kuznik (2013) muzik dan nyanyian dengan rentak melodi yang sesuai dalam pengajaran dapat membantu meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam matematik dengan berkesan. Berdasarkan dapatan kajian ini juga dapat disimpulkan bahawa minat, ingatan dan penguasaan kemahiran tambah murid terhadap sesuatu nilai yang tertentu dapat disemai melalui teknik-teknik pengajaran yang sesuai dan menarik. Pengkaji juga sentiasa peka dengan pencapaian prestasi peserta kajian melalui ujian dan analisis dokumen. Pada awal ujian 1, peserta kajian tidak dapat menyelesaikan operasi tambah dalam lingkungan 10 dengan betul. Peserta kajian menunjukkan reaksi tidak faham walaupun telah diajar teknik pengiraan yang biasa digunakan oleh guru untuk menjumlahkan nilai operasi tambah dalam Matematik.

Selepas pengkaji mempraktikkan teknik nyanyian dalam penyelesaian operasi tambah, peserta kajian mula memberikan peningkatan dari segi menjawab beberapa soalan dengan betul. Peserta kajian juga memberikan perubahan positif apabila mula bersuara dan memberi minat dalam penyelesaian masalah Matematik. Pengkaji menjalankan ujian 2 untuk menguji tahap pencapaian peserta kajian setelah diterapkan dengan teknik nyanyian dalam menyelesaikan operasi tambah dalam lingkungan 10. Melalui ujian 2 tersebut pengkaji dapat menyimpulkan tahap kefahaman operasi tambah dalam lingkungan 10 peserta kajian bertambah apabila berjaya menjawab 4 daripada 6 soalan Matematik dengan betul. Bimbingan dan galakkan yang berterusan pengkaji telah membawa peserta kajian lebih berminat dan suka menyelesaikan soalan yang berkaitan operasi tambah sambil bernyanyi.

Perubahan positif yang lain dapat dilihat apabila pengkaji telah menjalankan pengumpulan data dengan menggunakan senarai semak tentang peserta rajin datang ke sekolah, ada keyakinan diri, mendengar dan mengikuti arahan guru, melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai tingkah laku yang baik. Dapatan ini juga disokong dapatan Jen Groff, Cathrin Howells dan Sue Craner (2010) yang mendapati bahawa murid mendapat pelbagai manfaat hasil daripada penglibatan dalam aktiviti yang dirancang oleh guru. Peserta kajian dapat memberi jawapan yang betul dan perkembangan positif berdasarkan pengalaman yang dikecapi daripada teknik nyanyian.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati teknik nyanyian banyak memberi perubahan positif kepada peserta kajian. Hal ini boleh dirujuk melalui kajian Maulana (2010) menyatakan nyanyian dan muzik yang sesuai dapat memberi kesan yang positif terhadap murid dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, pemerhatian pengkaji mendapati peserta kajian lebih berkeyakinan dan berminat untuk terus menjawab soalan dan juga penguasaan kemahiran dalam operasi meningkat. Bagi cadangan tindakan susulan, pengkaji ingin menambahbaik aktiviti teknik nyanyian operasi tambah dengan mencipta lirik lagu yang sesuai dengan aktiviti operasi tambah dan menerapkan unsur permainan seperti kuiz bagi meningkatkan keterujaan murid-murid dalam pembelajaran.

Aktiviti permainan kuiz tersebut perlu mensasarkan murid pemulihan sebagai peneguhan dalam kemahiran operasi tambah. Kuiz berbentuk rakaman audio yang menggunakan melodi nyanyian asal lagu kanak-kanak akan membantu menjawab hasil operasi tambah yang didengarkan kepada mereka.

RUMUSAN

Penggunaan teknik nyanyian dalam pengajaran dan pemudahcaraan bagi mata pelajaran Matematik bagi kedua-dua peserta kajian ini telah menunjukkan peningkatan skor yang tinggi di ujian 2 berbanding ujian 1. Pengkaji telah menggunakan teknik nyanyian yang telah direka semula liriknya dengan berpandukan muzik lagu kanak-kanak yang biasa didengar kanak-kanak untuk menjadikan nyanyian yang bermakna dan berfungsi dalam operasi tambah. Melalui nyanyian juga murid mudah untuk menghafal sesuatu yang baharu dalam pembelajaran mereka. Murid akan cenderung untuk bernyanyi sekiranya nyanyian tersebut mempunyai rentak lagu dan melodi yang mudah difahami. Pembelajaran yang menggunakan teknik nyanyian juga merupakan salah satu bahan bantu mengajar bukan maujud yang berkesan bagi merangsang perkembangan kognitif murid.

RUJUKAN

- Abdul Latif Samian, (2010), *Falsafah matematik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: A theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.
- Geist. K. ,E.A. Geist & Kuznik. K.(2013). *The Pattern Of Music Young Children Learning Mathematics Through Beat, Rhythmdan Melody*. The education of Young Children.
- Jen Groff, Cathrin Howells & Sue Cranmer (2010). *Learning-Teaching Scotland The Impact of Console Games In The Classroom :Evidence from schools in Scotland*.
- Johari Bin Hassan dan Norsuriani Binti Ab Aziz, (2011), *TESIS-Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Matematik Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*, Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Kraus, N. (2014). *Music Training Improves Memory, Reading Skills In Children*. Nature World News.Com.
- Maulana, (2010), *Pembelajaran Matematika Sebagai Aktivitas Yang Banyak Permainan Dan Penuh Kesenangan*, Indonesia: PGSD UPI Kampus Sumedang
- Mohd. Daud Hamzah. (2009). *“Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran”*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors, Sdn Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, (2009) *Murid Dan Alam Belajar*, Siri Pendidikan Guru, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Seminar Penyelidikan Dalam Pendidikan (SPdPPKPK 2019)

Rini Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. Prosiding Seminar Nasional PsikologiIslami.Surakarta.131-136.

Pendidikan Pemulihan
Jabatan Ilmu Pendidikan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak,
¹patrickjoing@gmail.com, ²chweeing@gmail.com

**PENGAPLIKASIAN KAEDAH LATIH TUBI ‘D.E.S’ DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA
PERKATAAN KV+KV DALAM
KALANGAN MURID
PEMULIHAN**

**PAULINE ESTHER PHILIP¹
TAN LAY YEN²**

ABSTRAK

Keupayaan membaca merupakan sesuatu kemahiran asas kepada murid untuk menguasai sesuatu ilmu pengetahuan. Justeru, kajian ini memfokus kepada masalah peserta membaca perkataan kv+kv yang tidak lancar dan kebolehanannya membaca perkataan yang lebih kompleks. Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana pengaplikasian kaedah latih tubi “D.E.S” dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan “kv+kv” serta memupuk minat membaca dalam kalangan murid pemulihan Tahun 3 dengan berpandukan kepada Model Kurt Lewin. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan kaedah yang telah digunakan berjaya dalam meningkatkan kemahiran membaca peserta kajian dengan adanya peningkatan yang ditunjukkan oleh kedua-dua peserta kajian. Kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa akan datang dengan menggunakan bahan yang sesuai mengikut tahap keupayaan peserta kajian supaya dapat membantu pengkaji dalam meningkatkan kefahaman dan daya ingatan peserta kajian dalam aktiviti membaca. Pengkaji juga perlu menggunakan kad perkataan perkataan kv+kv bersaiz besar agar peserta kajian dapat melihat perkataan tersebut dengan jelas apabila mereka duduk di belakang. Seterusnya, pengkaji juga perlu menggunakan intonasi suara yang lebih besar dan lantang agar peserta kajian dapat mendengar maklumat yang ingin disampaikan dengan lebih jelas. Kajian ini penting bagi semua guru untuk membantu murid yang mengalami masalah dalam aktiviti membaca lebih-lebih lagi kepada guru pemulihan.

Kata kunci: membaca, perkataan KV+KV, latih tubi, murid pemulihan, “D.E.S”

ABSTRACT

The ability to read is a basic skill for the students to master certain knowledge. Therefore, this research focused on the problem of the participants reading the kv + kv words and their ability to read more complex words. This action research aims to investigate the extent to which the application of the "D.E.S" drill method can improve the reading skills of "kv + kv" word and foster reading interest among Year 3 students based on Kurt Lewin Model. The data collection in this research were conducted using interview, observation and document analysis. The findings of the research shows that the method used has been successful in improving the reading skills of the research participants with improvement shown by both research participants. Further studies can be done in the future by using appropriate materials according to the ability of the action research participants to assist the researcher in enhancing the understanding and memory of the research participants in reading activity. Researchers also need to use large size “kv + kv” words so that the research participants can see the word clearly when they are seated behind the class. Action researchers should also use louder voice intonation so that research participants can hear the information that is been communicated more clearly. This research is important

to all teachers to help students who are experiencing problems in reading activities especially the remedial teachers.

Key word: reading, KV+KVK words, drills, remedial pupils, “D.E.S”

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan / Konteks

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960an lagi bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). walau bagaimanapun, Data Bidang Keberhasilan Utama Nasional (National Key Result Area/NKRA) pula, menunjukkan pada tahun 2008, masih terdapat lebih kurang 13.0% (54,000) murid Tahun 1 tidak menguasai bacaan dan penulisan. Perkara ini dianggap amat serius kerana apabila melangkah ke Tahap 2, masih ada segelintir murid-murid yang belum menguasai 3M (KPM, 2012). Pelaksanaan program LINUS mensasarkan 100% murid tahun 3 dapat menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum ke Tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali murid-murid berkeperluan khas (KPM, 2012).

Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa antara punca utama murid-murid mempunyai pencapaian yang rendah dalam membaca adalah disebabkan oleh faktor pedagogikal (Suraya & O’Neill, 2012) seperti pengajaran secara tradisional yang tidak menyeronokkan dan berkesan untuk murid. Di samping itu, kemajuan atau kemunduran prestasi seharian seorang murid termasuk dalam peperiksaan banyak bergantung kepada penguasaan kemahiran membaca (Abdul Rasid, 2011; Azizah, 2010; Fuziati, 2012; Meimon, 2009).

2.0 FOKUS KAJIAN

2.1 Pemilihan Fokus Kajian

Dalam kajian ini, saya menumpukan masalah kepada 2 orang peserta kajian iaitu membaca perkataan kv+kv dengan betul semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pemulihan.

Kelemahan peserta kajian dalam membaca perkataan kv+kv menyebabkan dia tidak berupaya membaca dengan lancar dan membaca perkataan yang lebih kompleks.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk :

1. Meningkatkan kemahiran membaca perkataan *kv+kv* secara latih tubi

“D.E.S” bagi murid pemulihan.

2. Memupuk minat membaca perkataan kv+kv secara latih tubi “D.E.S” dalam kalangan murid pemulihan.

3.2 Soalan Kajian

Selari dengan objektif am di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut :

1. Adakah penggunaan kaedah membaca latih tubi “D.E.S” dapat meningkatkan murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv?
2. Adakah penggunaan kaedah membaca perkataan kv+kv secara latih tubi “D.E.S” dapat memupuk minat membaca murid pemulihan ?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan 2 orang murid tahun 3 yang terdiri daripada seorang perempuan dan seorang lelaki. Mereka ini mempunyai pencapaian yang sangat rendah (kurang daripada 30 markah) dalam ujian Bahasa Melayu.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Saya telah melaksanakan rancangan kajian tindakan mengikut jadual pelaksanaan kajian tindakan seperti berikut :

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Masa (Jam)
1.	Dengar , Eja dan Sebut	02/7/2018	1
2.	Dengar , Eja dan Sebut	04/07/2018	1
3.	Dengar , Eja dan Sebut	06/07/2018	1

Jadual 2 : Aktiviti Pengajaran Mingguan

Berdasarkan jadual di atas, saya melaksanakan aktiviti latih tubi dengan peserta kajian dalam seminggu selama 1 jam dalam satu hari untuk setiap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Aktiviti ini telah dilaksanakan secara berulang-ulang atau latih tubi supaya peserta kajian dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik.

(a) Temu Bual

Dalam melaksanakan aktiviti latih tubi pengkaji telah melaksanakan temu bual secara 2 kali iaitu sebelum dan selepas kajian tindakan ini. Temu bual berstruktur telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas sama ada peserta kajian telah menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv dengan baik dan berminat dengan aktiviti membaca tersebut. Temu bual telah dilaksanakan berdasarkan soalan di jadual 3 dan jadual 4.

Selepas sesi temu bual, maklumat yang direkod telah dianalisis dengan meneliti jawapan murid terhadap soalan-soalan dalam Jadual 2 sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti latih tubi dijalankan. Catatan “Ya” menunjukkan peserta kajian menguasai kemahiran membaca dan berminat terhadap aktiviti membaca selepas mengikuti latih tubi.

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Adakah anda boleh mengeja suku kata kv+kv?	/	
2.	Bagaimana anda membatang suku kata?	/	
3.	Adakah anda boleh membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah ?	/	

Jadual 3 : Soalan Temu Bual Sebelum dan Selepas Tindakan

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Adakah anda yakin dan berminat dengan membaca perkataan selepas latihan diberikan?	/	

Jadual 4 : Soalan Temu Bual Sebelum dan Selepas Tindakan

(b) Pemerhatian

Saya juga telah membuat pemerhatian terhadap peserta kajian berkaitan dengan masalah dalam kemahiran membaca perkataan kv+kv semasa aktiviti kajian tindakan dijalankan. Saya telah menggunakan empat item utama untuk dianalisis dalam pemerhatian ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Merujuk kepada jadual 5 dan jadual 6 di bawah, saya telah merekod pemerhatian dengan menanda simbol (√) pada ruangan “Ya” atau “Tidak” bagi setiap respon pemerhatian berkaitan masalah menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv. Selepas sesi membuat pemerhatian maklumat yang direkod telah dianalisis dengan meneliti dengan merujuk kepada persoalan kajian 1 dan 2. Catatan “Ya” menunjukkan murid telah menguasai kemahiran membaca dan telah semakin berminat terhadap aktiviti membaca.

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Dapat mengeja suku kata KV+KV dengan betul.	/	
2.	Dapat membatangkan suku kata kv+kv dengan baik	/	

3.	Dapat membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah	/	
----	--	---	--

Jadual 5 : Soalan Pemerhatian Sebelum dan Selepas Tindakan

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Menunjukkan minat terhadap aktiviti yang dijalankan secara latihan tubi	/	

Jadual 6 : Soalan Pemerhatian Sebelum dan Selepas Tindakan

(c) Ujian

Selain daripada penggunaan dua kaedah pengumpulan di atas, Saya juga menguji murid dengan menggunakan perkataan-perkataan dalam Jadual 7.

Berdasarkan Jadual 7 tersebut, peserta kajian telah diuji mengeja dan menyebut perkataan yang mempunyai suku kata KV+KV. Sekiranya peserta kajian dapat mengeja dan menyebut dengan betul, Saya akan menandakan tanda \checkmark .

Selepas ujian dilaksanakan maklumat yang direkod akan dianalisis dengan meneliti jawapan murid terhadap soalan-soalan dalam Jadual 7 selepas pelaksanaan aktiviti latihan tubi. Catatan “Ya” menunjukkan peserta kajian menguasai kemahiran membaca dan berminat terhadap aktiviti membaca selepas mengikuti latihan tubi.

Bil.	Perkataan (KV+KV)	Tanda \checkmark betul ejaan
1.	da + hi	
2.	da + gu	
3.	ma + ta	
4.	ka + ki	
5.	pi + pi	
6.	gi + gi	
7.	me + ja	
8.	mu + ka	

Jadual 7 : Ujian

5.1 PENGUMPULAN DATA

Menurut Khairudin Mohammad, Ibrahim Yusuf dan Zaridah Ramli (2014), pengumpulan data merupakan langkah untuk menghimpun semua maklumat yang diperoleh dalam kajian dan fungsinya paling penting dalam menentukan jenis tindakan yang diambil guru sebelum menjalankan kajian. Maklumat atau data ini boleh diperoleh daripada instrumen yang digunakan dalam kajian. Tiga kaedah kajian tindakan yang akan digunakan dalam kajian tindakan ini adalah seperti berikut:

(a) Temu Bual

Saya menggunakan kaedah temu bual dalam proses pengumpulan data yang dijalankan. Temu bual merupakan satu kaedah mengutip data secara bersemuka dan

berinteraksi antara peserta kajian dan saya. Kaedah temu bual yang saya gunakan ialah temu bual berstruktur di mana saya akan menyusun soalan-soalan secara terancang, rapi dan teratur agar peserta kajian dapat menjawab secara spesifik.

Dalam borang ini, terdapat beberapa soalan yang perlu dijawab oleh peserta kajian. Maklum balas daripada peserta kajian adalah amat penting bagi memudahkan perjalanan analisis data. Temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak mengikut keperluan persoalan kajian menurut Rosinah (2014).

(b) Pemerhatian

Menurut Gay dan Airasian (2000), mengatakan bahawa ada dua jenis pemerhatian iaitu pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Dalam pemerhatian tidak turut serta ialah pemerhatian yang tidak terlibat secara langsung dalam situasi yang diperhatikan manakala pemerhatian turut serta pula ialah pemerhatian terlibat secara langsung. Dalam kajian tindakan ini, saya menggunakan kaedah pemerhatian jenis tidak berstruktur untuk mengumpul data dan maklumat. Saya menggunakan kaedah pemerhatian ini untuk mengenalpasti masalah dalam penguasaan kemahiran membaca perkataan kv+kv peserta kajian.

Satu borang yang mempunyai rekod anekdot digunakan sebagai alat untuk membuat pemerhatian ini. Dalam borang ini telah dicatatkan segala maklumat untuk meneliti dan menilai peserta kajian bagi mendapatkan data penilaian secara tidak langsung. Melalui data dan maklumat yang ada, pengkaji dapat mengenal pasti tahap pencapaian peserta kajian dalam penguasaan kemahiran membaca.

(c) Ujian

Dalam kajian tindakan ini, saya menggunakan ujian yang telah guru sediakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bersama peserta kajian tersebut. Peserta kajian akan menjawab beberapa soalan yang telah disediakan oleh saya dalam ujian tersebut. Melalui data dan maklumat yang ada, pengkaji dapat mengenal pasti tahap pencapaian peserta kajian dalam penguasaan kemahiran membaca.

Berikut adalah ujian yang digunakan dalam kajian tindakan ini

Bil.	Perkataan (KV+KV)	Tanda \surd betul ejaan
1.	da + hi	
2.	da + gu	
3.	ma + ta	
4.	ka + ki	
5.	pi + pi	
6.	gi + gi	
7.	me + ja	
8.	mu + ka	

Jadual 1 : Ujian

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Dapatan Kajian

Menurut Lowe & Zemliansky (2011), menyatakan bahawa dapatan kajian harus disusun dan dirumuskan supaya memberi gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan kepada pembaca. Hasil dapatan kajian dibincangkan berdasarkan soalan kajian yang telah dikemukakan. Antara persoalan kajian yang akan dibincangkan adalah seperti berikut :

1. Adakah penggunaan kaedah membaca latih tubi “D.E.S” dapat meningkatkan murid pemulihan menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv?
2. Adakah penggunaan kaedah membaca perkataan kv+kv secara latih tubi “D.E.S” dapat memupuk minat membaca murid pemulihan ?

6.2 Dapatan Temu bual

Jadual 6.2 menunjukkan dapatan temu bual yang telah dibuat semasa kajian dijalankan sebelum dan selepas untuk menjawab kepada persoalan pertama kajian ini. Sebelum intervensi dilaksanakan dalam jadual 6.2 tersebut, seorang peserta kajian mendapat peratusan sebanyak 66% dan seorang peserta kajian pula hanya mendapat peratusan sebanyak 33% sahaja. Selepas intervensi dilaksanakan kedua-dua peserta kajian dapat memberi jawapan yang betul kepada semua soalan yang diajukan.

Peserta kajian juga menyatakan bahawa kaedah yang saya gunakan banyak membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan kv+kv mereka. Manakala, jadual 6.3 pula menunjukkan dapatan temu bual untuk menjawab persoalan yang kedua kajian ini. Sebelum intervensi dilaksanakan, seorang peserta kajian tidak dapat menjawab soalan yang diajukan dengan betul. Hasil daripada respon peserta kajian yang pertama itu telah memberi peratusan iaitu sebanyak 0% dan peserta kajian yang kedua telah mendapat peratusan sebanyak 100% untuk soalan tersebut. Selepas intervensi dijalankan, kedua-dua peserta kajian dapat menjawab semua soalan yang diajukan dengan betul dengan mewakili peratus sebanyak 100%.

**Jadual 6.2 Dapatan Temu bual Sebelum dan Selepas
(Persoalan Kajian Pertama)**

Bil.	Perkara	Sebelum Kajian		Selepas Kajian	
		PK1	PK2	PK1	PK2
1	Adakah anda boleh mengeja suku kata kv+kv?	/	/	/	/
2.	Adakah anda boleh membatangkan suku kata kv+kv dengan baik?	x	/	/	/
3.	Adakah anda boleh membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah?	x	x	/	/
PERATUS (%)		33	66	100	100

**Jadual 6.3 Dapatan Temu bual Sebelum dan Selepas
(Persoalan Kajian Kedua)**

Bil.	Perkara	Sebelum Kajian		Selepas Kajian	
		PK1	PK2	PK1	PK2
4	Adakah anda yakin dan berminat dengan membaca perkataan ?	x	/	/	/
PERATUS (%)		0	100	100	100


NOTA :

PK = Peserta Kajian

Respons peserta:

/ = Ya

X = Tidak



Rajah 4 : Perbezaan Peratus Sebelum dan Selepas Temu Bual

Berdasarkan Rajah 4, kita dapat lihat dengan jelas perbezaan antara peratusan sebelum dan selepas untuk kedua-dua peserta kajian untuk menjawab kepada persoalan yang pertama dan persoalan yang kedua dalam kajian ini.

Rajah 4 menunjukkan bahawa PK1 mendapat peratus sebanyak 33% untuk dapatan temu bual sebelum intervensi dilaksanakan bagi menjawab kepada persoalan kajian yang pertama. Manakala, PK2 mendapat peratus sebanyak 66% untuk dapatan temu bual sebelum intervensi dilaksanakan. Bagi dapatan temu bual untuk persoalan kajian yang kedua pula, terdapat banyak perbezaan antara peratusan PK1 dan PK2 iaitu

sebanyak 100% yang PK2 dapat daripada peserta kajian 1 sebelum intervensi dilaksanakan dalam dapatan temu bual tersebut. Akhir sekali, kedua-dua peserta kajian mendapat peratus sebanyak 100% untuk dapatan temu bual selepas intervensi dijalankan bagi menjawab persoalan yang kedua dalam kajian ini.

6.4 Dapatan Pemerhatian

Selain daripada dapatan di atas, saya juga memperolehi data melalui kaedah pemerhatian. Saya membuat pemerhatian ke atas tingkah laku peserta kajian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebelum dan selepas kajian.

Sebelum intervensi dilaksanakan saya mendapati seorang peserta kajian mendapat skor 33% sahaja manakala seorang lagi mendapat 100% tetapi peserta ini melakukan tugas agak lambat. Selepas kajian tindakan dilaksanakan semua peserta kajian telah mendapat skor 100%.

Jadual 6.5 menunjukkan minat peserta terhadap pembelajaran aktiviti yang dijalankan secara latih tubi. Sebelum kajian dijalankan PK1 tidak berminat dengan aktiviti manakala PK2 berminat. Selepas intervensi dilaksanakan kedua-dua peserta mendapat skor 100% dan ini menunjukkan mereka beminat dengan aktiviti untuk membaca perkataan kv+kv semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Jadual 6.4 : Rekod Pemerhatian Terhadap Peserta sebelum dan selepas (Persoalan Kajian Pertama)

Bil.	Perkara	Sebelum Kajian		Selepas Kajian	
		PK1	PK2	PK1	PK2
1	Dapat mengeja suku kata KV+KV dengan betul.	/	/	/	/
2.	Dapat membatangkan suku kata kv+kv dengan baik	/	x	/	/
3.	Dapat membaca perkataan suku kata kv+kv dengan mudah	/	x	/	/
PERATUS (%)		100	33	100	100

Jadual 6.5 : Rekod Pemerhatian Terhadap Peserta sebelum dan selepas (Persoalan Kajian Kedua)

Bil.	Perkara	Sebelum Kajian		Selepas Kajian	
		PK1	PK2	PK1	PK2
4	Menunjukkan minat terhadap aktiviti yang dijalankan secara latih tubi	X	/	/	/
PERATUS (%)		0	100	100	100


NOTA :

PK = Peserta Kajian

Respons peserta:

/ = Ya

X = Tidak



Rajah 5 : Perbezaan Peratus Sebelum dan Selepas Pemerhatian

Berdasarkan Rajah 5 menunjukkan dengan jelas perbezaan antara dapatan pemerhatian sebelum dan selepas untuk kedua-dua peserta kajian bagi menjawab kedua-dua persoalan kajian ini.

Rajah 5 menunjukkan perbezaan yang sangat ketara antara peratusan yang PK1 dan PK2 dapati sebelum intervensi dilaksanakan dalam pemerhatian ini. Misalnya, PK1 telah mendapat 100% daripada dapatan pemerhatian dibandingkan dengan PK2 yang hanya mendapat peratus sebanyak 33% sahaja sebelum intervensi dilakukan dalam pemerhatian tersebut untuk persoalan kajian yang pertama. Manakala, perbezaan antara peratusan PK1 dan PK2 sebelum intervensi dijalankan bagi persoalan kedua pula sebanyak 100% dimana PK1 tidak dapat menjawab soalan yang diajukan dengan betul telah mendapat 0% untuk peratusan dapatan pemerhatian persoalan yang kedua tersebut. Setelah intervensi dilaksanakan, kedua-dua peserta kajian dapat menjawab semua soalan dengan betul dengan mendapat peratus sebanyak 100% untuk persoalan yang pertama mahupun persoalan yang kedua dalam kajian ini.


6.5 Dapatan Ujian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian telah menguasai kemahiran membaca perkataan kv+kv dengan teknik latih tubi "D.E.S" yang telah diperkenalkan dengan menunjukkan peningkatan dalam ujian 2 tersebut. Jadual 6.6 menunjukkan skor peserta kajian dalam ujian 1 dan ujian 2 yang telah dicapai oleh kedua-dua peserta kajian dalam ujian tersebut. Contohnya, peserta kajian pertama telah

menunjukkan peningkatan dalam ujian sebanyak 1% iaitu daripada mendapat skor sebanyak 69% menjadi 70%. Manakala, peserta kajian kedua pula meningkat sebanyak 7% iaitu daripada mendapat skor sebanyak 93% menjadi kepada 100% dalam ujian yang telah diberikan. Peningkatan ini jelas membuktikan bahawa dapatan kajian ini telah berjaya dijalankan kepada kedua-dua peserta kajian.

Jadual 6.6 Skor Ujian

Peserta Kajian	Ujian 1 (%)	Ujian 2 (%)	Peningkatan Skor Ujian (%)
PK 1	69	70	1
PK 2	93	100	7



Rajah 6 : Perbandingan Skor Ujian 1 dan Ujian 2

Rajah 6 menunjukkan dengan jelas perbandingan dapatan skor ujian 1 dan ujian 2 yang telah dijalankan kepada kedua-dua peserta kajian. Terdapat peningkatan yang telah ditunjukkan oleh kedua-dua peserta kajian dalam dapatan untuk ujian 1 dan 2 dengan membandingkan peningkatan yang telah peserta kajian pertama dapat dan juga peserta kajian kedua. Contohnya, peserta kajian dapat skor dalam ujian 1 sebanyak 69% manakala peserta kajian kedua mendapat skor sebanyak 93%. Skor yang kedua-dua peserta kajian dapat jelas membuktikan bahawa adanya perbandingan dan persaingan yang sihat antara mereka dalam ujian tersebut. Peningkatan ini telah memberi gambaran awal kepada kejayaan saya dalam melaksanakan kajian tindakan dengan baik.

7.0 REFLEKSI DAPATAN KAJIAN TINDAKAN

Refleksi terhadap dapatan kajian telah dilaksanakan selepas data telah diperolehi. Refleksi adalah penting untuk melihat sama ada aktiviti kajian tindakan telah membantu peserta kajian menguasai kemahiran membaca kv+kv dan mengukuhkan minat peserta kajian terhadap pembacaan mereka. Dalam suatu kajian yang dijalankan oleh Hii King (2014), telah berpendapat bahawa kegagalan menguasai

kemahiran membaca menyebabkan murid-murid tidak dapat membaca dengan betul dan lancar. Oleh demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh guru harus mengikuti sistem yang betul dan teratur. Tanpa persediaan yang sistematik dan terancang, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berjaya. Selepas menganalisis dan meneliti dapatan kajian saya dapat menyimpulkan bahawa keadah yang saya gunakan dalam kajian ini berjaya dalam menjawab kedua-dua persoalan kajian ini. Misalnya, peserta kajian telah menunjukkan respon yang positif semasa pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan terlibat secara aktif semasa pengkaji membuat aktiviti membaca dalam kelas. Reaksi ini secara tidak langsung telah menjawab kepada persoalan yang kedua iaitu “adakah penggunaan kaedah membaca perkataan kv+kv secara latih tubi “D.E.S” dapat memupuk minat membaca murid pemulihan?”.

Berdasarkan dapatan kajian ini, saya telah membuat beberapa penambahbaikan untuk memantapkan lagi kajian ini. Walau pun terdapat kelemahan yang ada dalam kajian ini, namun saya telah membuat penambahbaikan sehingga adanya peningkatan yang positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian dalam prestasi mereka. Selepas membuat kajian ini, saya baru sedar bahawa terdapat banyak aspek yang perlu dipertimbangkan untuk mempertingkatkan profesionalisme seorang guru. Contohnya, saya tidak hanya melihat kepada akademik murid sahaja, malah saya perlu memotivasikan murid terlebih dahulu agar minat dan keyakinan murid dalam pembelajaran sentiasa diutamakan. Oleh itu, aspek saya sendiri perlu dipertingkatkan terlebih dahulu sebelum kita beralih kepada kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini. Konklusinya, kaedah yang telah digunakan oleh saya dalam kajian ini berjaya dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca peserta kajian dengan baik.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya bercadang supaya pada masa akan datang guru boleh menggunakan bahan yang sesuai dengan tahap kemampuan dan keupayaan peserta kajian supaya ianya dapat membantu saya dalam meningkatkan lagi kefahaman dan daya ingatan peserta kajian dalam aktiviti membaca. Bahan yang digunakan perlulah menarik supaya peserta kajian berminat untuk membaca perkataan yang ditunjukkan dalam aktiviti tersebut.

Selain itu, saya perlulah menggunakan saiz yang besar semasa menunjukkan perkataan kv+kv agar peserta kajian dapat melihat perkataan tersebut dengan jelas apabila mereka duduk di belakang. Misalnya, saya perlu menggunakan saiz perkataan yang lebih besar semasa menunjukkan perkataan tersebut kepada peserta kajian agar masalah saiz perkataan ini tidak mengganggu mereka untuk melihat dan membaca perkataan tersebut semasa aktiviti membaca dijalankan.

Seterusnya, saya perlu menggunakan intonasi suara yang lebih besar dan lantang agar peserta kajian dapat mendengar maklumat yang ingin disampaikan oleh saya boleh didengar lebih jelas. Hal ini kerana, semasa saya menjalankan pengajaran dan pembelajaran, terdapat peserta kajian yang tidak dapat mendengar suara saya yang kurang jelas sehingga menyebabkan mereka tidak dapat menangkap apa sebenarnya yang ingin saya sampaikan dalam kelas. Oleh itu, penting bagi saya memastikan suara yang dilontarkan sangat besar dan jelas semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Justeru, ianya dapat mengurangkan hilangnya fokus peserta kajian akibat

daripada mengantuk kerana saya menyampaikan maklumat seolah-olah bercakap dengan diri sendiri.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian & Zulkaflī Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1 Malay Language Education Journal (MyLEJ)*. 1-12.

Cathy John. (2009). Kaedah Sebut, Eja dan Bunyikan. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009. ms 113-120.

Crawley, S. J., & Merrit, K. (2008). *Remediating reading difficulties*. New York, NY: McGraw-Hill.

Juhaili Junaidi (2012). Keberkesanan Teknik Latih Tubi Meningkatkan Kemahiran Membaca.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2020*. Kuala Lumpur: KPM .

[Khairuddin Mohamad et.\(2014\). Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.](#)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM. Daripada [:http://web.jiaozong.org.my/doc/2012/jun/KonsepKSSR.pdf](http://web.jiaozong.org.my/doc/2012/jun/KonsepKSSR.pdf)

Lewin, K (1946). Action research and minority problems. *Journal Of Social Issues*, 2, 34-6.

Rosinah Edinin (2014). *Penyelidikan Tindakan, Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur : Freemind Horizon Sdn. Bhd.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris pelajar cemerlang: Inventori strategi belajar-cara-belajar-bahasa*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Ilmu Pendidikan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
poolynz9503@gmail.com¹ tanlynn2@gmail.com²

**APLIKASI TSST DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MENGENAL DAN MENGECEM HURUF KECIL
DALAM KALANGAN MURID
PEMULIHAN TAHUN 2**

**SYELVESTER JOE ANAK BONIFACE ABUN¹
DR HUANG CHWEI ING²**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam kemahiran prabacaan, iaitu mengecam dan mengenal huruf kecil. Justeru, menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya agar lebih berkesan terutamanya dalam bidang Bahasa Melayu. Peserta kajian terdiri daripada murid pemulihan tahun 2 di sebuah sekolah luar bandar Miri. Saya menggunakan aplikasi TSST (Tayang, Sebut, Susun dan Tulis) dalam intervensi kajian ini. Saya telah mengumpul data melalui Ujian Diagnostik Binaan Guru, senarai semak, dan temu bual. Data yang dikumpul telah dinalisis menggunakan kaedah analisis dokumen dan peratusan. Kajian ini mendapati bahawa pencapaian murid pemulihan ini mengalami peningkatan. Faktor yang menyumbang dalam meningkatkan pencapaian murid ialah pemahaman yang mudah dan jelas. Ini menunjukkan bahawa aplikasi TSST memberikan impak positif dalam mempermudah pemahaman murid di dalam bilik darjah justeru menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran guru untuk proses pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah.

Kata kunci: Aplikasi TSST, mengecam dan mengenal huruf kecil, murid pemulihan tahun 2

ABSTRACT

This research was carry out to improve the mastery of pre-reading skills among remedial students namely in knowing and recognizing lower-case letters. Additionally, it also enhances my teaching and learning practices to be more effective especially in the Malay language. Participants of the study consisted of Primary 2 remedial student in a rural Miri primary school. I am applying the TSST (Show, Speak, Sort and Write) application in the intervention of this study. Data will be collected through teacher build diagnostic test, checklist, and interview. Collected data will be analyzed with document analyse and percentage. After the study was conducted, it was found that the achievement of this recovery student was higher than before. Factors that help improve student achievement are simple and clear understanding. This student can clearly understand the contents of computer-assisted teaching that the computer-assisted TSST application has its contribution in facilitating student understanding in the classroom.

Key words: TSST application, technology, knowing and recognizing lowercase letters, year 2 remedial students

PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah bermatlamat untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Oleh itu, murid-murid perlu menguasai kemahiran bahasa iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dijadikan sebagai garis panduan dan rujukan perdana para pendidik semasa mereka menjalankan tugas-tugas pendidik (Noriati et. al, 2012). Selama hampir setengah abad negara kita Malaysia menikmati kemerdekaan, pelbagai perubahan dan pembangunan yang telah kita nikmati bersama. Bahasa Melayu telah dijadikan satu daripada asas pembinaan negara yang penting melalui tiga fungsi, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu (Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof, 2013). Sebagai sebuah bahasa ilmu, Bahasa Melayu telah memungkinkan berlangsungnya pendemokrasian pendidikan sejumlah besar generasi muda mendapat peluang belajar dalam bahasa kebangsaan. Mereka ini bebas mempelajari Bahasa Melayu tanpa sebarang kekangan seperti taraf sosioekonomi dan pengasingan etnik.

Namun matlamat ini sukar untuk dicapai sekiranya murid-murid belum menguasai kemahiran asas terlebih dahulu. Misalnya, murid-murid yang belum mengenal dan mengecam abjad tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Ini adalah kerana, perlakuan membaca merupakan suatu perlakuan mendapatkan maklumat melalui lambang-lambang bertulis dan bercetak. Dalam kata mudahnya, aktiviti membaca adalah satu proses untuk mendapatkan erti atau makna daripada bahan bertulis dan melahirkannya sama ada secara pertuturan atau senyap.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya dalam penyelidikan tindakan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran prabacaan dalam kalangan murid pemulihan tahun 2 dengan mengaplikasikan aplikasi TSST (Tayang, Sebut, Susun dan Tulis) yang dipelopori oleh penyelidik terdahulu iaitu Gimang Anak Sabai (2015) dalam penyelidikan beliau. Tinjauan awal yang telah saya mendapati terdapat seorang murid yang masih belum menguasai kemahiran prabacaan iaitu mengenal dan mengecam huruf kecil. Penguasaan kemahiran prabacaan amat penting sebelum murid menguasai kemahiran membaca dan menulis yang lebih kompleks dan tinggi aras kemahirannya.

Wan (2012), menyatakan bahawa kemahiran prabacaan merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Hasil pengecaman yang baik memerlukan aspek bunyi sebutan dan bentuk huruf serta bebas daripada kekeliruan bunyi. Manakala kemahiran mengenal huruf kecil pula merujuk kepada keupayaan murid untuk membezakan huruf kecil dengan huruf besar. Kajian ini selaras dengan matlamat Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang berhasrat mensasarkan 100% murid tahun 3 menguasai Literasi sebelum naik ke tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang terkandung di dalam NKRA-LINUS 2.0, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Abd. Rasid Jamian dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid lemah dan tidak berminat dalam pelajaran Bahasa Melayu. Masalah ini disebabkan kekeliruan murid tersebut mengecam bentuk huruf semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta meninggalkan perkataan yang tidak diketahui sebutannya atau maknanya. Kesannya, mereka tidak dapat membaca dengan lancar apatah lagi secara fasih. Ini bermaksud, adalah amat penting untuk murid menguasai kemahiran asas membaca iaitu mengenal dan mengecam huruf terlebih dahulu (Noor Aini Ahmad dan Nur Liyana Abd. Latiff, 2015)

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui mengenal huruf kecil menggunakan aplikasi TSST murid Pemulihan tahun 2.
- ii. Mengetahui mengecam huruf kecil menggunakan aplikasi TSST murid Pemulihan tahun 2.

SOALAN KAJIAN

- i. Adakah penggunaan aplikasi TSST dapat membantu meningkatkan kemahiran mengenal huruf kecil murid Pemulihan tahun 2?
- ii. Adakah penggunaan aplikasi TSST dapat membantu meningkatkan kemahiran mengecam huruf kecil murid Pemulihan tahun 2?

PESERTA KAJIAN

Dalam kajian tindakan ini, saya dan murid saya merupakan peserta kajian. McNiff (1988) dalam Othman Lebar (2014) menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri. Murid dalam kajian tindakan yang telah saya laksanakan ini merujuk kepada murid pemulihan Bahasa Melayu tahun 2 yang mengikuti Program Pendidikan Pemulihan di sebuah sekolah rendah kebangsaan luar bandar Miri. Hanya seorang murid yang terlibat. Murid ini dipilih hasil temu bual bersama guru mata pelajaran Pemulihan Bahasa Melayu dan analisis dokumen, iaitu keputusan Saringan Linus Literasi Bahasa Melayu. Murid ini merupakan individu yang belum mengenal dan mengecam huruf (abjad) amnya, huruf kecil khususnya.


Jadual 4.1

Ciri-ciri murid yang terlibat dalam kajian

Pesert Kajian	Ciri-ciri
Murid Lelaki	<ul style="list-style-type: none"> • Berumur 8 tahun. • Sering ponteng sekolah. • Mempunyai pencapaian akademik yang rendah. • Kurang berkeyakinan apabila disuruh bercakap.

TINDAKAN

Kajian ini dilaksanakan mengikut proses dan prosedur kajian tindakan mengikut Model Kemmis dan McTaggart (1988) dalam Chow & Mahamud (2011) .



Rajah 1. Model Kemmis dan McTaggart (1988)

Cara mengaplikasikan aplikasi ini dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan amat mudah. Cara mengaplikasikannya ialah dengan mengagihkan peruntukan masa 30 minit bagi setiap langkah perlaksanaannya. Langkah pertama iaitu ‘Tayang dan Sebut’.



Rajah 2. Paparan Powerpoint Aplikasi TSST


Pada langkah awal, guru perlu menayangkan huruf beserta gambar seperti pada Rajah 2. Selepas huruf tersebut dipaparkan, guru akan menyebutkan nama bagi huruf tersebut. Kemudian guru akan membunyikan bunyi bagi huruf yang telah ditayangkan. Seterusnya, menyatakan bahawa huruf tersebut merupakan huruf awalan bagi gambar yang ditunjukkan. Contohnya, huruf ‘a’ merupakan huruf awalan bagi perkataan ‘api’. Pada langkah seterusnya, guru perlu menayangkan semula huruf yang telah ditayangkan pada sesi pembelajaran yang lepas. Akan tetapi, dalam langkah ini, guru menambahkan satu lagi aktiviti kajian iaitu menyusun huruf-huruf yang diletakkan atas meja seperti yang terdapat di dalam Rajah 3, berdasarkan turutan yang dinyatakan oleh guru.



Rajah 3. Kad huruf yang perlu disusun

Setelah itu, murid akan ditunjukkan cara menulis huruf dengan betul serta kemas menggunakan kaedah tiga garis. Langkah pertama ialah guru menunjukkan pergerakan tangan menulis huruf di udara bagi huruf yang telah diajarkan. Kemudian, murid-murid meniru pergerakan tangan yang telah ditunjukkan. Setelah itu, guru akan mengaplikasikan gerakan tangan tersebut dengan menulis di papan tulis menggunakan kaedah 3 garis. Murid pula

mengaplikasikannya pada lembaran aktiviti yang diberikan. Bagi memperkemarkan tulisan murid, lembaran aktiviti itu dilengkapi dengan huruf yang perlu disambungkan titiknya seperti Rajah 4 berikut.




Rajah 4. Lembaran Aktiviti

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


DAPATAN SENARAI SEMAK

Berdasarkan dapatan senarai semak kitaran satu, didapati bahawa Murid A dapat mengeluarkan 12 kad huruf yang mempunyai huruf kecil berdasarkan arahan yang diberikan dan menuliskan 13 huruf kecil yang disebutkan oleh guru. Manakala pada kitaran kedua, Murid A dapat mengambil mengeluarkan 18 kad huruf kecil daripada pilihan kad-kad huruf yang ada dan menulis dengan betul 16 huruf kecil yang disebutkan oleh cikgu. Perubahan pada jumlah kad yang dikeluarkan merujuk kepada peningkatan kemahiran mengenal huruf kecil. Manakala perubahan pada umlah huruf kecil yang dituliskan dengan betul merujuk kepada peningkatan kemahiran mengecam huruf kecil murid.

DAPATAN UJIAN DIAGNOSTIK BINAAN GURU



Rajah 5. Perbandingan Dapatan Kajian Kemahiran Mengenal Huruf Kecil



Rajah 6. Perbandingan Dapatan Kajian Mengecam Huruf Kecil

Rajah 1, menunjukkan perbandingan dapatan kajian kemahiran mengenal huruf kecil Murid A. Manakala rajah 2 menunjukkan hasil dapatan kajian kemahiran mengecam huruf kecil murid A. Peningkatan yang ditunjukkan di dalam kedua-dua graf ini membuktikan bahawa aplikasi TSST ini dapat membantu meningkatkan kemahiran prabacaan murid pemulihan tahun 2.

DAPATAN TEMU BUAL

Berdasarkan temu bual yang dijalankan pada kitaran satu dan dua, didapati bahawa murid memberikan respon ya pada item 2 iaitu adakah anda boleh membezakan huruf kecil dan besar setelah menggunakan aplikasi TSST. Respon ya kepada item ini menunjukkan bahawa aplikasi TSST ini dapat membantu murid dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf kecil. Murid juga didapati memberikan respon ya kepada item 4 iaitu adakah anda boleh menulis huruf kecil dengan betul setelah menggunakan aplikasi TSST. Ini juga menunjukkan bahawa aplikasi dapat membantu meningkatkan kemahiran mengecam huruf kecil murid.

REFLEKSI

Penguasaan kemahiran prabacaan merupakan aspek yang penting bagi seseorang murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis bagi membolehkan murid itu untuk mencapai keputusan akademik yang lebih baik.

Kesalahan umum yang murid lakukan ialah mengenal dan mengecam huruf yang mempunyai bentuk yang sama contohnya huruf 'C-c', 'O-o', 'S-s', 'V-v', 'X-x' dan 'Z-z'. Kelima-lima huruf tersebut sukar bagi murid untuk mengenalnya sama ada huruf kecil ataupun besar kerana bentuknya yang kekal. Perbezaan antara huruf besar dan kecil hanyalah terdapat pada saiz huruf tersebut. Namun setelah menggunakan aplikasi TSST ini, Murid A dapat mengatasi masalah ini meskipun masih teragak-agak ketika diminta untuk mengenalpasti yang mana satu huruf kecil.

Selain itu, huruf yang mendatangkan kesukaran ialah huruf-huruf yang mempunyai bentuk yang seakan-akan sama seperti huruf 'a-e-o', 'b-d', 'p-q', 'j-g-y' dan 'h-n'. Huruf-huruf ini mempunyai satu persamaan yang agak hampir dari segi rupa bentuk tersebut, misalnya hurufnya berbentuk bulat, bertiang, berekor dan melengkung. Misalnya, apabila Murid A diminta menuliskan huruf o kecil. Tetapi huruf yang dituliskannya ialah huruf e kecil kerana bentuk e dan o seakan-akan sama dengan bentuknya bulat.

Di samping itu, terdapat kesalahan yang dilakukan oleh murid yang disebabkan oleh faktor huruf yang ditulis secara terbalik misalnya huruf yang mempunyai bentuk dan corak yang sama seperti huruf 'b' ditulis secara terbalik menjadi huruf 'd' dan begitulah sebaliknya. Huruf yang turut sering ditulis secara terbalik ialah 'w' dan 'm'. Perkara inilah yang harus ditiberatkan oleh guru dalam PdP mereka agar kesalahn-kesalahan seperti ini diperbetulkan bagi mengelakkannya menjadi suatu kebiasaan dalam diri murid-murid.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mencadangkan dua kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan bagi penambahbaikan atau untuk kajian yang akan dijalankan di masa yang akan datang. Cadangan yang pertama ialah penambahbaikan pada aplikasi TSST dari aspek aktiviti yang diadakan di dalam bilik darjah.

Sekiranya aktiviti di dalam bilik darjah tidak dipelbagaikan murid akan lebih cepat merasa bosan dan hilang minat untuk belajar. Disarankan bahawa aktiviti yang dipilih hendaklah menyeronokkan murid dan memudahkan pemahaman murid. Contohnya mengadakan pertandingan menulis huruf kecil atau pertandingan mewarnakan huruf kecil.

Cadangan yang kedua ialah aplikasi TSST yang ini boleh diperluaskan penggunaannya dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata V+KV, di mana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbantuan ICT seperti powerpoint ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan murid dengan adanya animasi-animasi yang terdapat di dalam perisian tersebut. Memandangkan perisian ini merupakan suatu perisian yang berkualiti dan penggunaan media ini semakin meningkat dalam bidang pendidikan maka kaedah penggunaan ICT dalam bilik darjah amat wajar dijalankan untuk melihat keberkesannya di dalam pengajaran bahasa.

RUMUSAN

Kajian tindakan ini adalah bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang digunakan oleh guru. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilaksanakan agar pengajaran dan pembelajaran lebih bermutu dan mampu memenuhi kehendak atau seruan anjakan-anjakan yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia 2013-2025. Perubahan terhadap mutu amalan pengajaran dan pembelajaran guru sevara tidak langsung akan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan social sejajar dengan kehendak falsafah pendidikan negara.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, (1):1-12
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Chow F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Siri Pendidikan: Kajian Tindakan: Konsep & Amalan dalam Pengajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Faridah Nazir & Tuan Jah Tuan Yusof. (2013). *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*. Puhong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Gimang Anak Sabai. (2015). *Penggunaan Kaedah TSST Berbantuan Powerpoint Di Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengenal dan Mengecam Huruf (ABJAD)*. Tesis Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *NKRA LINUS 2.0: Modul Latihan Kursus Guru Pemulihan Khas Tahun 2013*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noor Aini Ahmad, & Nur Liyana Latiff. (2015). Belajar Kemahiran Mengenal Huruf Menggunakan Aktiviti Membentuk Doh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1):71-80. Diperoleh daripada http://www.academia.edu/27580766/BELAJAR_KEMAHIRAN_MENGENAL_HURUF_MENGGUNAKAN_AKTIVITI_MEMBENTUK_DOH_Learning_Identifying_Alphabet_Skill_Through_Activity_Using_Dough_Shaping.
- Noriati A. Rashid, Lee K. C., Zulkufli Mahayuddin & Zakiah Noordin. (2012). *Falsafah & Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2014). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan: Teori dan Amalan*. Tanjung Malik: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Fatmawati Wan Bujang. (2012). *Jom Mengecam ABC*. Seminar Penyelidikan Tindakan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Tahun 2012, 27-28 September 2012: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Diperoleh daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PRA/7.%20Wan.pdf>.

*Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak.
Email: ¹joeabun96@gmail.com, ²chweiing@gmail.com*